

HUBUNGAN RAS DI KAMPUNG SUNGAI SULUH,

BATU PAHAT

LATIHAN ILMIAH

UNTUK MEMENUHI SYARAT-SYARAT

IJAZAH SARJANA MUDA

JABATAN ANTROPOLOGI/SOSIOLOGI

OLEH


MISKON BIN JALAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1973/74

BATU PAHAT : TABURAN MUKIM & LETAKNYA SUNGAI SULUH



P E N G H A R G A A N

Dalam membuat kajian mengenai Hubungan Ras di Kampung Sungai Suluh ini pengkaji sangat terhutang budi kepada mereka-mereka yang berkenaan. Penghargaan terutamanya diberikan kepada Ketua Kampung dan Polis yang membenarkannya membuat kajian di kampung itu. Kedua-duanya telah banyak memberi butir-butir penting mengenai kajian ini. Kepada kedua-duanya diucapkan terima kasih kerana telah dapat melapangkan masa untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan bila saja pengkaji mene-mui mereka.

Penghargaan juga diberikan kepada responden lain yang telah memberikan kerjasama mereka dengan ikhlas apabila ditemui. Mereka terdiri dari Orang-orang Melayu dan Cina. Kesanggupan mereka untuk menjawab lebih dari apa yang diperlukan sangat memberi faedah kepada kajian ini, kerana huraian-huraian demikian akan lebih melengkapkan kajian. 'Penglipur-penglipur' dari golongan tua pula telah dapat menjelaskan jalinan peristiwa dan bentuk interaksi masyarakat di kampung itu. Tiap-tiap responden dianggap sebagai saling melengkapi kepada keseluruhan kajian. Terima kasih diucapkan kepada mereka.

Akhirnya ucapan penghargaan terima kasih diberikan kepada penasihat pengkaji iaitu Mr. Rabeendran yang telah memberi pertolongan dalam bentuk nasihat dan sumbangan idea. Beliau telah banyak memberi teguran yang membina mengenai kajian ini. Beliau juga telah mendaftarkan buku-buku rujukan yang perlu untuk dijadikan petunjuk dan panduan kepada kajian.

HUBUNGAN RAS DI KAMPUNG
SUNGAI SULUH

Isi Kandungan	Muka Surat
Bab 1 : Pendahuluan	1 - 11
A. Tujuan dan Kepentingan Kajian	1
B. Metode Kajian	4
C. Masaalah Kajian	6
D. Bidang Kajian	7
E. Pendekatan Kajian	11
Bab 2 : Komuniti yang dikaji	15 - 23
A. Kedudukan Kampung dan Keadaan Alam	15
B. Penduduk	16
C. Dari Segi Sosial	20
D. Kedudukan Politik	22
E. Pemilihan Responden	23
Bab 3 : Corak Pemikiran Orang-orang Melayu dan Cina di Kampung Sungai Suluh	²⁶ 25 - 33
Bab 4 : Hubungan Ras Dari Segi Politik	34 - 52
A. Soal Pimpinan Dalam Politik	35
B. Pandangan Mengenai Dasar Luar Negeri	42
C. Soal Hak Istimewa Orang Melayu	46

D. Peringkat Sikap dan Aksi Dalam Hubungan Politik	Muka Surat 49
 Bab 5 : Hubungan Dari Segi Ekonomi	53 - 76
A. Hubungan Ras Dalam Perniagaan	57
B. Hubungan Nelayan Dengan Peraih	60
C. Perkongsian Dalam Perusahaan	63
D. Anggapan Terhadap Dasar Ekonomi Malaysia	66
E. Hubungan Dari Segi Ekonomi Di Peringkat Aksi dan Sikap	74
 Bab 6 : Hubungan Ras Dari Segi Sosial	77 - 88
A. Peringkat Perlakuan	78
B. Peringkat Sikap	83
 Bab 7 : Batasan Hubungan Ras di Sungai Suluh	89 - 102
A. Kahwin Campur	89
B. Lain-lain Petunjuk Bagi Batasan Hubungan ras	92
C. Integrasi Ras	95
D. Kesimpulan Dan Cadangan	100

oooooooooooooo00000oooooooooooo

BAB I

P E N D A H U L U A N

Tujuan dan Kepentingan Kajian

Pada dasarnya kajian mengenai hubungan ras di Sungai Suluh ini mempunyai beberapa tujuan:

- (1) Untuk melihat sejauh mana hubungan terwujud antara ras-ras yang mendiami kampung ini sejak mula penerukaan sampai sekarang. Juga untuk melihat samada terdapat kesan yang tertentu dari peristiwa-peristiwa seperti "Perang Parang Panjang"⁽¹⁾ antara Melayu/Cina yang berlaku di daerah lain di Batu Pahat dan peristiwa 13 Mei⁽²⁾ terhadap hubungan mereka.
- (2) Untuk melihat apakah hubungan yang wujud antara ras itu dapat mengikis prasangka, diskriminasi dan stereotype mereka.
- (3) Untuk melihat bagaimana bentuk kerjasama dan konflik

-
- (1) Perang ini merupakan pergaduhan antara Orang-orang Cina dan Melayu kerana Orang-orang Cina yang menyokong Kominis mahu berkuasa di Malaya (Malaysia Barat) dalam Tahun 1945/46. Orang-orang Melayu melawan Orang-orang Cina dengan menggunakan senjata parang panjang. Oleh itu pergaduhan itu digelar "Perang Parang Panjang" (terutama di Batu Pahat).
 - (2) Peristiwa 13 Mei ini merupakan peristiwa pertumpahan darah antara Orang-orang Melayu dan Cina yang berlaku selepas pilihanraya Tahun 1969 di Ibu Kota, Kuala Lumpur.

(kalau ada) antara orang Melayu dan Cina.

(4) Untuk mengetahui apakah ada kaitan antara peringkat sikap dengan peringkat perlakuan satu-satu ras itu dalam hubungan sosial sehariannya.

(5) Untuk melihat apakah batasan hubungan sosial di kampung itu antara Melayu dan Cina.

(6) Untuk melihat apakah ada hubungan langsung antara pemerintah dengan jalinan hubungan ras di Sungai Suluh seperti perlaksanaan dasar pelajaran Malaysia, penguatkuasaan undang-undang dan lain-lain.

(7) Mencadangkan perumusan masaalah hubungan sosial serta cara-cara yang lebih efektif bagi integrasi masyarakat berbilang ras.

Kajian mengenai hubungan ras dan seumpamanya sangat meluas di Negara Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Afrika Selatan, Brazil dan Hawaii. Tetapi kajian demikian masih kekurangan di Malaysia dan di Asia Tenggara.

Pengkaji-pengkaji kebanyakannya mengkaji secara sepintas lalu dan umum mengenai masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun mereka telah dapat mengesan bahawa Malaysia adalah masyarakat majmuk atau berbilang-bilang ras. Pengkaji-pengkaji seperti Maurice Freedman⁽³⁾, C. E. R. Abraham⁽⁴⁾ mengkaji masyarakat Malaysia secara umum. Kajian secara tidak

(3) Maurice Freedman, *The Growth of Plural Society in Malaya*, Journal of Pacific Affairs, Vol. 33, 1960.

(4) C. E. R. Abraham, *The Political Economy and Race Relations in Malaya: Historical Perspective*, Thesis Master of Science, University of Wisconsin, 1970.

langsung dibuat oleh K. J. Ratnam⁽⁵⁾, R. K. Vasil⁽⁶⁾ dan Cynthia H. Enclose⁽⁷⁾.

Secara sosiologikal kajian hubungan ras telah dibuat oleh Sanusi Osman⁽⁸⁾. Tetapi pengkaji menganggap bahawa kajian Sanusi itu belum cukup untuk menggambarkan keadaan masyarakat majmuk yang dikajinya. Dalam mengkaji hubungan "Ethnic" antara Orang Melayu, Cina dan India, beliau menekankan unsur-unsur konflik yang berpunca dari nilai dan kepentingan. Beliau mencari-cari konflik dalam masyarakat itu dan menyesuaikan dengan tiori Marx mengenai masyarakat⁽⁹⁾.

Satu gambaran masyarakat Malaysia secara "berterus terang" telah dibuat oleh Dr. Mahathir⁽¹⁰⁾. Buku "The Malay Dilemma" merupakan cetusan batinya mengenai masyarakat Malaysia yang dianggap masih "Superficial" dari segi hubungan ras. Ia menggambarkan bahawa Malaysia

- (5) K. J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
- (6) R. K. Vasil, *Politics in the Plural Society*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- (7) Cynthia H. Enclose, *Multi-ethnic Politics: The Case of Malaysia*, Research Monograph Series, University of California, 1970.
- (8) Sanusi Osman, *Hubungan Ethnik di Mukim Labu*, Thesis untuk M. A. Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, Kuala Lumpur, 1972.
- (9) Marx mengatakan bahawa konflik manusia merupakan konflik kelas iaitu antara tuan tanah atau pemodal (bourgeois) dengan pekerja atau orang yang tidak mempunyai tanah (Proletariat).
- (10) Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, Donald Moore for Asia Pacific Press, Singapore, 1970.

seolah-olah belum pernah mencapai keharmonian masyarakat berbilang ras yang "deeprooted". Peristiwa 13 Mei adalah manifestasi dari keadaan demikian. Orang-orang Melayu di Malaysia masih menghadapi konflik dalam diri mereka dan ini digambarkan sebagai "dilemma". Pandangan secara jujur oleh Dr. Mahathir ini masih ada kekurangannya:

- (1) Sama seperti Sanusi beliau juga melihat bahawa masyarakat Malaysia adalah dalam keadaan konflik iaitu konflik antara masyarakat harmonis yang mahu diujudkan dengan keadaan masyarakat yang "Superficial" dan tidak "deeprooted" hubungannya.
- (2) Dr. Mahathir masih membuat generalisasi mengenai sikap hidup Orang Melayu dan Cina seperti katanya "Non Malays are Materialistic, aggressive and have appetite for work", dan Orang-orang Melayu dianggap "fatalistand this does not engender rebellious spirit⁽¹¹⁾". Anggapan-anggapan demikian perlu dikaji secara ilmiah.

Dengan kekurangan-kekurangan dari beberapa segi sebagai yang tersebut di atas tadi maka pengkaji cuba membuat selangkah kehadapan dalam menginterpretasi masyarakat majmuk di Malaysia. Pengkaji mempunyai hipotesa seperti berikut:

Hubungan sosial yang erat akan ujud antara kumpulan-kumpulan ras yang berbeda apabila kumpulan-kumpulan itu dari masyarakat yang sama, tinggal berjiran, hidup bergantungan dan mempunyai peluang berhubung serta bekerjasama antara satu sama lain.

(11) Implikasinya: seolah-olah "rebellious spirit" itu telah tetap ditentukan oleh fatalis atau tidak fatalisnya seseorang itu.

Tempat untuk menguji hipotesa di atas adalah di Kampung Sungai Suluh, Batu Pahat, Johor.

Metode Kajian

Ini adalah case study. Kajian ini mengambil 130 keluarga sebagai sample. Ia melingkupi dua cara:

- (i) Participant Observation
- (ii) Temutanya (interview) yang berstruktur dan tidak berstruktur.

(i) Participant Observation

Sebahagian yang penting kajian hubungan ras di Sungai Suluh ini ditulis oleh pengkaji menurut pengamatannya (observation) sendiri. Ini dapat dilakukan kerana pengkaji telah tinggal di kampung itu selama lebih kurang 10 tahun. Melalui Participant Observation ini pengkaji dapat merasa, melihat, menilai sesuatu pandangan dari kacamata penduduk kampung itu khususnya penduduk Melayu, kerana secara tidak langsung pengkaji disosialisasikan dengan tradisi kebudayaan masyarakat yang dikaji. Dalam jangka waktu 10 tahun pengkaji dapat mengambil bahagian dalam perbualan-perbualan di kedai kopi, tempat permainan, di malam-malam pertunjukan, di tempat kerja dan lain-lain. Sekurang-kurangnya pengkaji telah dapat menyelami sebahagian besar dari jiwa penduduk Melayu khususnya dan penduduk Cina amnya. Pengkaji sendiri dapat merasakan di manakah letaknya kedudukan seseorang dalam konteks masyarakat seluruhnya.

Asas yang ada pada pengkaji ini memudahkannya membuat satu-

satu rumusan mengenai hubungan yang telah menjadi 'norma' masyarakat dan batasan-batasan kepada hubungan mereka. Asas ini juga memudahkan beliau untuk menjalankan kajian yang kedua iaitu temutanya.

(ii) Temutanya (interview)

Metode temutanya ini dianggap paling sesuai untuk digunakan dalam menyelami selanjutnya jiwa masyarakat Melayu dan Cina di Sungai Suluh. Ada dua sebab mengapa ia paling sesuai.

(a) Kebanyakan daripada responden-responden telah mengenali pengkaji dan sebaliknya pengkaji mengenali mereka. Setelah diberitahu mengenai tujuan-tujuan temutanya, mereka lantas menjawab apa yang mereka tahu dan rasakan. Mereka tidak takut kepada sesuatu muslihat yang mungkin ada lantaran dari pengetahuan mereka mengenai pengkaji sendiri. Dengan 'kemesraan' yang telah wujud antara pengkaji dengan masyarakat responden, pengkaji menganggap bahawa pendapat-pendapat dari mereka adalah ikhlas dan jujur.

(b) Majoriti dari orang Cina telah fasih dalam Bahasa Melayu Pasar, Melainkan beberapa konsep yang sukar seperti prasangka dan diskriminasi, lain-lain perkataan kesemuanya dapat difahami oleh mereka. Responden Cina juga telah dapat memberi sedikit tambahan kepada apa yang diperlukan oleh soalan-soalan temutanya, kerana mereka dapat menjelaskan sesuatu masaalah dengan Bahasa Melayu Pasar.

Metode temutanya ini berbentuk dua:

- (i) Berstruktur
- (ii) Tidak berstruktur

Dengan bentuk berstruktur pengkaji bersedia dengan soalan-soalan yang telah ada dan bila bertemu dengan responden soalan itu sahaja yang dikemukakan kepada mereka untuk mendapatkan jawapan yang perlu. Dalam hal ini pengkaji tidak mahu jawapan yang lari dari soalan.

Bentuk temutanya yang tidak berstruktur adalah yang berupa soalan biasa. Mungkin pengkaji ada cadangan untuk menanyakan sesuatu yang ada kaitan dengan kajian tetapi disamping itu dibiarkan responden-responden berkata-kata atau berbual-bual dengan tujuan mereka dapat mengucapkan sesuatu yang menggambarkan perasaan mereka. Temutanya tidak berstruktur ini dilakukan disebarang tempat bila bertemu tetapi secara tidak nampak disengajakan pertemuan itu. Misalnya di kedai-kedai kopi dan semasa membeli ikan di perhentian nelayan.

Masaalah Kajian

Masaalah pertama dalam menjalankan temutanya ini ialah kesempatan (masa) bagi responden-responden itu untuk menjawab pertanyaan. Masaalah ini timbul kepada pekedai-pekedai yang sibuk menguruskan perniagaannya melayan pelanggan-pelanggan mereka di waktu siang manakala di waktu malam sudah kepenatan. Kedai-kedai Cina di kampung itu tidak ada rihatnya kerana hari Ahad pun kedai mereka dibuka. Satu cara untuk menemutanya mereka ialah dengan membuat 'appointment' iaitu dengan menentukan masa yang lapang dan responden sanggup untuk menjawab pertanyaan.

Masaalah kedua yang dianggap menjadi masaalah besar ialah pemahaman yang sukar oleh responden Cina terutama mengenai konsep-konsep

seperti prasangka dan diskriminasi. Mereka hanya boleh mengerti apabila pengkaji menggunakan bahasa simple seperti 'layanan yang tak adil' atau 'perasaan suka dan tak suka'.

Masaalah seterusnya ialah kesukaran yang kadang-kadang ditemui untuk mendapatkan keterangan yang betul. Responden kadang-kadang membuat agak-agakan mengenai tarikh sesuatu peristiwa yang berlaku di kampung itu dan mengenai jumlah pendapatan mereka. Pengkaji dengan demikian harus dapat menyesuaikan dengan lapuran yang diberi oleh orang lain.

Masaalah lain yang dihadapi ialah mendapatkan jawapan-jawapan yang jujur dan ikhlas dari responden, terutama responden-responden Cina. Ada responden yang takut dan ragu untuk mengeluarkan pendapatnya - takut kalau berlainan daripada apa yang dikehendaki oleh pengkaji. Responden ini menanti 'leading questions and answers' dari pengkaji supaya mudah bagi mereka untuk meneruskan jawapan itu.

Bidang Kajian

"Race relations are the relations between people distinguished by marks of racial descent, especially when these racial differences enter into the consciousness of the individuals and groups so distinguished, and by so doing determine in each case the individual's conception of himself as well as his status in the community"⁽¹²⁾.

(12) Robert Ezra Park, *Race and Culture*, Collier Mac Millan Ltd., London, 1960, m. s. 81.

Bidang kajian hubungan ras di Sungai Suluh ini pada dasarnya terlingkup dalam pengertian di atas tadi. Menurut pengertian ini hubungan ras adalah hubungan antara orang-orang atau kelompok-kelompok yang berbeda asal keturunannya. Perbedaan tadi disedari oleh anggota tiap-tiap kelompok itu. Bentuk hubungan boleh merupakan satu konflik, diskriminasi, pertandingan, assilimilasi dan lain-lain.

Berdasarkan pengertian di atas tadi timbul persoalan apakah ras-ras yang berbeda itu? Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan perbedaannya?

Di Kampung Sungai Suluh terdapat dua ras iaitu Melayu dan Cina. Pengkaji menganggap kedua-dua kelompok manusia Melayu dan Cina sebagai ras-ras yang berbeda berdasarkan kepada kriteria:

- (i) Fisik luar
- (ii) Kebudayaan

Menurut kriteria fisik luar pada umumnya Orang-orang Melayu dan Cina mempunyai perbedaan yang nyata. Orang-orang Cina berkulit putih kuning manakala orang Melayu berkulit sawomatang. Orang Cina bermata sipit, sebaliknya Orang Melayu tidak demikian. Tidak boleh dinafikan bahawa kriteria fisik luar tadi ada kelebihannya kerana tidak semestinya Orang Melayu berkulit sawomatang dan tidak bermata sipit. Tetapi kelebihan itu dapat diatasi dengan melihat kriteria kedua iaitu kriteria kebudayaan.

Di Malaysia faktor kebudayaan adalah faktor yang dominant

membedakan Orang Melayu, Cina dan India, selain dari faktor fisik luar sebagaimana yang disebut tadi. Orang-orang Melayu, Cina dan India di 'identify'kan dengan tradisi masing-masing. Orang-orang Melayu pada umumnya berugama Islam, Orang Cina menyembah nenek moyang mereka dan Orang Cina berugama Hindu atau Budha. Kriteria kebudayaan juga dapat memberi gambaran yang jelas mengenai pengertian ras. Buktinya Orang Arab dianggap sebagai Melayu kerana kepercayaannya dan kebudayaannya yang serupa dengan Orang Melayu. Orang India (Malberi) dianggap Melayu apabila ia berkahwin dengan Orang Melayu. Orang Cina juga dianggap Melayu apabila dia menjadi anak angkat kepada Orang Melayu.

Dalam contoh-contoh di atas tadi faktor fisik luar sudah tidak penting lagi. Yang lebih penting ialah apa agamanya dan bagaimana amalan-amalan hidupnya. Amalan-amalan hidup atau kebiasaan-kebiasaan hidup dapat dilihat dari jenis makanan, upacara perkahwinan, sambutan hari kebesaran dan lain-lain lagi.

Bagi Orang Melayu mereka menganggap Orang Cina dan India itu sebagai 'orang asing' atau 'orang mendatang' sedangkan Orang-orang Jawa, Sumatera tidak dianggap demikian. Anggapan ini jelas membuktikan bahawa faktor persamaan kebudayaan yang terdapat pada orang-orang dari rumpun Melayu dibedakan dengan kebudayaan Orang-orang Cina dan India dari luar kepulauan Melayu.

Orang Melayu juga menggunakan istilah kaum bagi membedakan Orang Melayu, Cina dan India. Dari konsep ras yang saya jelaskan di atas saya membuat kesimpulan bahawa konsep itu serupa maksudnya dengan

konsep kaum yang digunakan oleh Orang-orang Malaysia. Oleh itu penggunaan perkataan seperti 'perkauman' saya anggap serupa dengan istilah 'racial' dalam Bahasa Inggeris.

Kajian hubungan ras di Sungai Suluh menekankan kepada pola-pola perlakuan dan sikap yang dapat memberi gambaran kepada kesedaran ras dan identity ras. Lebih jelas saya petik kata-kata Ezra Park dalam bukunya 'Race and Culture' iaitu 'Relations between members of different ethnic group which are capable of provoking race conflict and race consciousness'.⁽¹³⁾ Hubungan ras di kampung ini juga menekankan situasi-situasi tertentu yang kewujudannya telah agak stabil hingga satu pola hubungan yang khas wujud membentuk satu tradisi. Misalnya tolong-menolong dalam masa kesusahan dan bermuafakat dalam menyelesaikan urusan kampung.

Dalam kajian hubungan ras di Sungai Suluh ini akan diperlihatkan hubungan dalam dua peringkat. Pertama, peringkat sikap dan kedua peringkat perlakuan. Diperingkat perlakuan aspek-aspek yang ditekankan ialah konflik fizikal, diskriminasi ras dan kerjasama antara ras. Misalnya pernahkah berlaku pergaduhan antara Melayu/Cina atau perlakuan satu-satu ras yang menyakitkan hati ras yang lain.

Diperingkat sikap, kajian ini cuba melihat bagaimana perasaan satu ras terhadap yang lain, bagaimana tendensi jiwa mereka untuk membuat sesuatu tindakan terhadap ras yang lain dan bagaimanakah pula penilaiannya terhadap ras itu. Untuk mengkaji aspek-aspek sikap ini

(13) Robert Ezra Park, Ibid, m. s. 82.

adalah lebih sukar dari perlakuan kerana tidak ada ukuran yang objektif bagi menentukannya. Dalam aspek ini saya menggunakan sekil Borgandus (social-distance scale)⁽¹⁴⁾ yang melihat sejauh mana sesuatu ras itu menerima anggota-anggota dari ras lain atau sejauh mana eratnya hubungan antara kedua-dua ras itu. Menurut sekil ini beberapa pernyataan yang berlainan 'sensitivity'nya diatur dan responden dikehendaki mencatat pernyataan yang sesuai dengannya. Cara yang kedua ialah dengan menge-mukakan soalan yang harus disambung oleh responden-responden (open end question). Misalnya "Melayu dengan Cina tidak gaduh kerana").

Dalam aspek sikap juga kajian ini mencukupi batas-batas perasaan yang ekstrim iaitu positif dan negatif. Mungkin sesuatu ras itu mempunyai prasangka yang mendalam hingga ia menjadi satu unsur yang boleh menimbulkan konflik. Mungkin pula hubungannya terlalu erat hingga prasangka ras itu hilang langsung dan perbedaan ras tidak penting lagi. Apa yang lebih penting mungkin kedudukan seseorang dalam stratifikasi sosial.

Bidang kajian hubungan ras di Sungai Suluh ini pada sebahagian-nya yang lain pula menyentuh tentang anggapan tiap-tiap ras terhadap issue perkauman seperti hak istimewa Orang-orang Melayu, soal Bahasa Kebangsaan, soal pilihan parti dan kepimpinan. Akan dilihat apakah issue-issue seperti itu memberi kesan kepada jiwa seperti menimbulkan sentimen perkauman dan kemarahan. Lebih tegas apakah soal-soal demikian

(14) M. Banton, Race Relations, Tavistock Publications, London, ed., 1970, m. s. 315.

dapat memberi gambaran kepada perasaan perkauman dan apakah boleh dijadikan ukuran kepada darjah hubungan di Sungai Suluh. Bidang-bidang yang tersebut tadi terlingkup dalam aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial.

PENDEKATAN KEPADA KAJIAN HUBUNGAN RAS DI SUNGAI SULUH

Dalam kajian hubungan ras di Sungai Suluh pengkaji bertolak dari dua sudut:

- (1) Sudut sikap
- (2) Sudut perlakuan

Kedua aspek ini merupakan dua peringkat yang berlainan.

Mengikut Banton kedua-duanya adalah 'attitude level dan social relationship level'.⁽¹⁵⁾

Peringkat sikap menekankan kepada aspek-aspek prasangka, anggapan, perasaan, penilaian dan tendensi untuk bertindak dalam sesuatu ras. Aspek-aspek tadi dilihat secara bersendirian ataupun secara berkaitan antara satu sama lain. Secara berkaitan dapat dilihat dari contoh berikut:

Kalau seorang berprasangka terhadap ras lain maka penilaian-nya, anggapannya terhadap ras itu mungkin dikawal oleh prasangkanya. Mungkin juga ia mempunyai tendensi untuk melakukan diskriminasi terhadap anggota dari ras itu.

(15) M. Banton, Ibid, m. s. 8.

Menurut Banton prasangka merupakan konsep yang utama dalam peringkat sikap. Ia mendefinisikan prasangka sebagai "a generalization existing prior to the situation in which it is invoked, directed towards people, groups or social institutions which is accepted and defended as a guide to action inspite of its discrepancies with the objective facts"⁽¹⁶⁾. Dari petikan tadi dapat dimengertikan bahawa prasangka itu satu generalisasi mengenai sesuatu keadaan. Generalisasi itu tidak objektif dan ia membuka jalan kepada sesuatu tindakan.

Prasangka merupakan satu sikap yang superficial mengenai sesuatu kumpulan manusia atau ras. Seseorang boleh mempunyai prasangka terhadap sesuatu kumpulan hasil dari sosialisasinya atau interaksinya dengan orang yang berprasangka. Selalunya sesuatu prasangka itu sukar untuk dihapuskan melainkan telah terbukti dengan penuh kesedaran bahawa ia tidak benar. Kesedaran ini mungkin dari penglihatannya sendiri atau melalui penerangan-penerangan dari sumber-sumber yang dipercayainya.

Prasangka ada dua bentuk, positif dan negatif. Prasangka yang negatif memperlihatkan unsur yang tidak suka atau merendahrendahkan sesuatu ras. Misalnya Orang Melayu malas. Prasangka yang positif pula menggambarkan ciri-ciri yang baik dan superior pada sesuatu ras tetapi ciri-ciri itu dianggap membahayakan ras lain. Misalnya Orang Cina pandai berniaga, Orang Israel 'cunning'. Unsur-unsur prasangka ini lahir dari emosi, hasil dari sikap teguh (rigid) seseorang bila berhadapan

(16) M. Banton, Ibid, m. s. 9.

dengan rangsang. "It involves not only prejudement but misjudgements as well,"⁽¹⁷⁾. Sebagai satu sikap prasangka juga merupakan satu tendensi untuk melakukan sesuatu. Ia mungkin terpendam atau tidak lahir dalam bentuk aksi. Misalnya seseorang Melayu berprasangka terhadap Orang Cina tapi tidak seharusnya ia enggan mengambil Orang Cina sebagai pekerja dalam Jabatannya.

Pendekatan peringkat ini selain dari melihat prasangka perkauman, cuba menerangkan apakah penilaian sesuatu ras terhadap yang lain (termasuklah stereotype dan anggapan), dan apakah tendensi untuk bertindak bagi ras itu. Dalam kedua-dua aspek kita akan bertemu dengan situasi-situasi yang berbeda antara ras Melayu dan Cina. Misalnya soal-soal seperti hak istimewa Orang Melayu⁽¹⁸⁾ dan peristiwa 13 Mei sudah tentu dilihat dari pengertian yang berbeda oleh kedua-dua ras tadi. Tiap-tiap issue di atas mungkin dinilai dari perspektif yang bertentangan sejajar (selari) dengan penilaian mereka tadi. Lebih tegas dinyatakan, kalau peristiwa 13 Mei itu dianggap oleh Orang Melayu sebagai provokasi Orang Cina terhadap rasnya maka Orang Melayu merasakan bahwa gejala yang patut ditentang atau diambil tindakan ialah Orang Cina. Keadaan ini dapat dilihat dalam aspek-aspek lain dalam masyarakat di Sungai Suluh.

Pendekatan yang kedua merupakan peringkat aksi atau 'social

(17) George Earon Simson and J. Milton Yinger, *Racial and Cultural Minorities*, Harper and Roe, New York, 1965, m. s. 19.

(18) Menurut perlembagaan Malaysia, dalam artikel 153, Orang-orang Melayu diberi keistimewaan dalam bidang-bidang pentadbiran awam, biasiswa, lesen-lesen perniagaan dan kemudahan-kemudahan lain.

'relationship'. Pendekatan ini menekankan huraian dan penjelasan mengenai hubungan lahirlah iaitu hubungan yang dapat dilihat. Misalnya kontak antara Orang Melayu dan Cina yang mewujudkan kemesraan atau konflik.

Pendekatan peringkat aksi dapat melihat dua ekstrim. Disatu ekstrim yang negatif kita temui unsur diskriminasi ras dan disatu ekstrim yang lain (positif) ialah kerjasama yang erat antara kedua-dua ras. Diskriminasi merupakan, "Treating other people in an unfair, inequitable manner"⁽¹⁹⁾. Misalnya pengambilan tenaga kerja dalam satu firma berdasarkan satu ras merupakan satu tindakan diskriminasi terhadap ras lain. Diskriminasi serupa dengan prasangka dalam satu aspek. Kedua-duanya didasarkan kepada generalisasi yang kategorikal. Kalau seseorang itu membuat satu pertimbangan kepada individu lain dan kemudian bertindak berdasarkan apa yang dia tahu mengenai mereka sebagai individu-individu, perlakuannya itu bukan satu prasangka atau diskriminasi melainkan pertimbangan dan reaksinya itu berdasarkan kepada "preconceived generalization"⁽²⁰⁾. Misalnya seseorang mengatakan sesuatu ras itu malas maka anggapannya merupakan satu prasangka. Dan kalau ia tidak mengambil seseorang itu bekerja di firmany kerana warna kulitnya maka ia telah melakukan diskriminasi terhadap orang itu.

Dalam menyatakan hubungan antara prasangka dan diskriminasi

(19) David Dressler & Alfred A. Knopf, 'The Study of Human Interaction, Alfred A. Knopf, Inc., New York, 1969, m. s. 514.

(20) David Dressler and Alfred A. Knopf, Ibid, m. s. 515.

beberapa kenyataan perlu dijelaskan di sini:

- (1) Prasangka tidak semestinya mewujudkan diskriminasi.

Misalnya Orang Melayu berprasangka terhadap Orang Cina, tapi Orang Cina masih diambil untuk bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu.

- (2) Diskriminasi boleh berlaku tanpa sesuatu prasangka.

Misalnya seseorang Melayu yang tidak berprasangka terhadap Cina tidak mahu mengambil tukang Cina untuk membetulkan rumahnya bukan kerana prasangka tadi tapi untuk mengelakkan dari dicemuh oleh Orang Melayu lain atas tindakannya itu.

- (3) Prasangka dan diskriminasi boleh menyebabkan satu sama lain. Misalnya bila seseorang itu tidak suka kepada sesuatu ras dia akan melayan ras itu dengan buruk.

Selain dari diskriminasi tadi kajian ini akan melihat hubungan sosial sehari-hari. Misalnya hubungan mereka semasa bertemu di perjalanan, di kedai kopi, dalam masa bekerja, di hari-hari kebesaran, dalam menghadapi kesulitan bersama dan dalam organisasi tertentu seperti ekonomi dan politik. Untuk memudahkan kajian ini aspek yang tersebut tadi dapat dibahagikan kepada bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial.

BAB II

KOMUNITI YANG DIKAJIA. Kedudukan Kampung dan Keadaan Alam

Kajian hubungan ras ini dibuat di sebuah kampung yang bernama Kampung Sungai Suluh. Kampung ini terletak tujuh batu ke Selatan Bandar Batu Pahat dan dihubungkan dengan sebatang jalanraya yang menghala ke Pantai Minyak Beku. Luas kampung ini ialah 3,090 ekar.

Kawasan perkampungan boleh dikatakan terletak di tengah-tengah kawasan 3,090 ekar tadi. Dua batu ke sebelah baratnya ialah Pantai Selat Melaka dan satu batu ke sebelah timurnya ialah Banjaran Gunung Banang. Ke sebelah utara dan selatannya adalah perkampungan-perkampungan Sungai Ayam dan Koris. Sebatang sungai yang menjadi nadi kepada nelayan dan pekebun kelapa menganjur melintasi kampung itu mengalir dari Gunung Banang ke Selat Melaka.

Jalanraya yang melintasi kampung ini membuat satu kelokan di tengah-tengah kampung menuju ke Sungai Ayam dan di kelokan inilah terbina jalan kampung kecil arah ke selatan. Jalan yang tegak dari utara ke selatan (setengah jalan aspal dan separuh jalan tanah merah) seolah-olah memisahkan dua jenis keadaan tanah. Ke sebelah timurnya adalah

tanah bukit manakala ke sebelah baratnya merupakan tanah liat. Kawasan perkampungan dipenuhi dengan tanah pasir. Jalan itu juga memisahkan dua jenis tanaman iaitu kelapa dan getah.

Dari luas kawasan 3,090 ekar tadi Kampung Sungai Suluh terbahagi kepada jenis tanaman seperti berikut:-

JENIS-JENIS DAN LUAS TANAMAN DI SUNGAI SULUH

Kelapa	1,500	ekar
Getah	1,300	"
Buah-buahan	150	"
Sagu	30	"
Lain-lain	110	"
 JUMLAH	 3,090	 "

Sumber: Daftar Pemilikan Tanah bagi Kampung Sungai Suluh di Pejabat Tanah, Batu Pahat, Johor.

Getah ditanam di kawasan bukit manakala kelapa ditanam di kawasan tanah liat. Buah-buahan kebanyakannya ditanam di sekeliling kawasan perkampungan.

B. Penduduk

(i) Sejarah Kedatangan Penduduk

Sebuah sungai kecil yang melintasi Kampung Sungai Suluh ini menjadi nadi perhubungan pada masa lampau. Melalui sungai inilah pene-roka Melayu dan Cina datang. Pada akhir abad ke 19 satu kumpulan

Orang Cina telah datang menanam gambir di situ tetapi kemudian mereka meninggalkan kampung itu (tidak menetap). Kira-kira tahun 1900 Orang Melayu dari Muar, Jawa dan Sumatera datang membuka tanah baru di kampung itu. Mereka inilah yang menjadi pengasas kepada pertumbuhan kampung dan jenerasi kemudiannya.

Dalam tahun 1910 seramai lima Orang Cina adik beradik datang menetap di Sungai Suluh dari Negeri Cina untuk menjalankan perniagaan barang-barang keperluan sehari-hari seperti beras, garam, gula dan lain-lain. Disamping itu mereka membuka tanah-tanah baru untuk menanam kelapa dan getah. Bila perniagaan mereka bertambah kukuh mereka menjadi taukeh pajak dan membeli bahan pengeluaran kampung seperti pinang, getah, kelapa dan lain-lain untuk dijual di pasaran luar kampung. Inilah punca perhubungan antara Orang Melayu dan Cina di Kampung Sungai Suluh.

Dalam tahun 1924 perang saudara yang berlaku di Negeri Cina bertambah meluas dan genting. Ini menyebabkan saudara mara lima adik-beradik lelaki cina tadi dibawa lari ke Sungai Suluh untuk menyelamatkan diri. Dari keluarga inilah penduduk Cina di Kampung Sungai Suluh membiak dan kini tiga suku daripada penduduk Cina adalah dari suku 'Tan'.

Dalam tahun 1920 an ini Orang Melayu melebihi penduduk Cina dan jumlah penduduk keseluruhannya ialah antara 80 hingga 100 orang. Penduduk bertambah melalui kelahiran, perkahwinan dan kedatangan orang luar. Hingga sekarang jumlah yang kecil itu meningkat angka 2706 orang.

(ii) Kedudukan Penduduk Sekarang(a) Jumlah dan Taburan

Penduduk Sungai Suluh ini berjumlah 2,706 orang. Penduduk Melayu berjumlah 1,506 orang dan penduduk Cina seramai 1,200 orang⁽²¹⁾. Dari angka tadi Orang Melayu masih melebihi jumlah penduduk Cina seramai 306 orang. Jumlah rumah atau keluarga ialah 350 buah. Ini menunjukkan Orang Melayu tetap melebihi Orang Cina dari segi jumlah. Pukul rata sesebuah keluarga bagi kedua-dua ras ialah 5 orang.

Penduduk Di Sungai Suluh sebahagian besarnya tertumpu di tepi jalanraya dan jalan tanah merah. Kedudukan rumah mereka (taburan penduduk) adalah berbentuk 'linear' iaitu terletak di kiri kanan jalan. Kedai-kedai barang keperluan terbina di persimpangan jalan besar dan jalan tanah merah, lebih kurang di tengah-tengah kampung. Di keliling kedai ini terbina Sekolah Rendah Cina, Sekolah Rendah Melayu, Balairaya, Pondok Polis dan Surau.

Kebanyakan rumah-rumah Orang Melayu dan Cina adalah berdekatan dan berjiran tetapi ada juga rumah-rumah mereka yang jauh dari pusat perkampungan. Keadaan berjiran ini tidaklah menghairankan kerana tanah-tanah kepunyaan mereka terletak sebalah-menyebelah. Kedai-kedai yang terbina di tengah kampung itu menjadi pusat pertemuan antara orang-orang Melayu dan Cina kerana di situ lah mereka membeli barang keperluan, minum

(21) Butir-butir di atas didapati (diperoleh) dari Ketua Kampung yang diasaskan kepada bantuan mengenai penduduk dan perumahan tahun '70 di kampung itu.

kopi dan beristirahat membaca surat khabar tempatan.

(b) Pekerjaan

Penduduk Kampung Sungai Suluh menjalankan berbagai pekerjaan. Sebahagian besar dari mereka adalah samada pekebun-pekebun kelapa atau penorih getah. Mereka ini samada bekerja di tanah sendiri ataupun berkuli kepada taukeh-taukeh tertentu. Sebahagian kecil daripada mereka (40 orang) menjadi nelayan. Terdapat juga guru-guru yang mengajar di Sekolah Rendah Cina dan Sekolah Rendah Melayu di kampung itu. Selain dari segolongan kecil yang bekerja dengan kerajaan seperti kerani, pion, penjaga gate taliair, terdapat sebelas orang bekerja dengan Syarikat Bas Sungai Suluh. Ada pula sebilangan kecil yang menjalankan aktiviti perniagaan seperti kedai kopi (dua buah kepunyaan Melayu dan empat buah kepunyaan Cina); kedai barang runcit (dua buah kepunyaan Melayu dan lapan buah kepunyaan Cina); sebuah kedai Syarikat Serbaguna yang ahlinya terdiri dari Orang Melayu; sebuah kedai jahit, dua buah kedai basikal dan sebuah kedai perabut kesemuanya kepunyaan Orang Cina.

Masyarakat Sungai Suluh boleh digolongkan ke dalam tiga kategori berdasarkan kepada kemewahan hidup yang diukur dari segi pendapatan, luas kebun dan pekerjaan.

(1) Golongan pertama terdiri dari tuan tanah yang mempunyai kebun lebih dari 30 ekar dan mempunyai barang-barang prestige seperti kereta, talivisyen, rumah batu sekerat dan lain-lain.

(2) Golongan kedua terdiri dari guru-guru dan pekedai-pekedai runcit yang mempunyai pendapatan dalam lingkungan 500 ringgit sebulan.

Diantara barang-barang mewah kepunyaan mereka ialah seperti kenderaan motosikal dan rumah batu sekerat.

(3) Golongan ketiga terdiri dari nelayan, buruh kasar dan pekebun-pekebun kecil yang mempunyai pendapatan dalam lingkungan 100 ringgit sebulan atau kurang dari itu.

Mereka yang tergulung dalam kategori pertama boleh dianggap menduduki kelas atas. Mereka adalah taukeh-taukeh kebun yang tidak mengusahakan tanahnya tetapi tanah-tanah mereka dikerjakan oleh orang lain. Dari kacamata penduduk kampung ini terdapat 10 orang yang tergulung dalam kelas atas. Penduduk di sini menganggap mereka sebagai "orang kaya" dan "orang senang".

Golongan yang kedua boleh dianggap sebagai kelas menengah. Golongan ini lebih besar bilangannya dari golongan atas. Mereka yang tergulung dalam kelas ini sebagai sederhana hidupnya menurut anggapan penduduk. Mereka boleh menanggung sarahidup keluarga seluruhnya seperti menguruskan persekolahan anak-anak, urusan rumahtangga dan lain-lain. Mereka setakat mampu untuk membeli barang prestige yang sederhana bentuknya.

Golongan ketiga dianggap sebagai kelas bawah dalam stratifikasi sosial di kampung ini. Golongan ini paling ramai jumlahnya. Mereka setakat mampu menyarahidup keluarga seharian dan tidak mampu untuk membeli barang prestige. Hidup mereka bergantung kepada hasil kebun yang sedikit, upah dari pekerjaannya di kebun taukeh, pendapatan dari hasil

tangkapan ikan dan/atau pemberian dari anak yang pernah bekerja di tempat lain. Kebanyakannya terdiri dari mereka yang mendapat upah dari pemerahan tenaga mereka sendiri.

C. Dari Segi Sosial

Masyarakat Melayu dan Cina di Sungai Suluh masih berpegang kebudayaannya masing-masing walaupun pada setengah-setengah aspek sudah berlaku perubahan.

Orang Cina masih kuat berpegang kepada kepercayaan dan penyembahan nenek moyang mereka. Tiap-tiap rumah masih dilekatkan dengan gambar-gambar nenek moyang mereka dan di waktu-waktu tertentu mereka menyembahnya. Namun demikian generasi muda dari ras ini kurang 'berminat' untuk mengikut tradisi penyembahan itu.

Mengikut orang-orang tua dari ras Cina adalah baik kalau diadakan pementasan 'wayang bangsawan' di kampung itu. Ini bertujuan untuk menguatkan kepercayaan atau identiti kepercayaan mereka. Dengan hasrat ini mereka telah dapat mengadakan pementasan 'wayang bangsawan' setahun sekali di depan rumah ibadat yang mereka telah bina. Di situ lah setahun sekali Orang-orang Cina berkumpul menyaksikan persembahan-persembahan dan lakunan-lakunan yang menggambarkan keagungan kebudayaan Cina. Orang-orang Melayu juga turut menyaksikan beramai-ramai.

Perkumpulan pemuda Cina telah berjaya mengadakan kumpulan 'band music' yang disokong oleh orang-orang tua. Mereka berkumpul seminggu sekali atau lebih jarang dari itu. Perkumpulan ini bertujuan

untuk memumuk perpaduan di kalangan Orang-orang Cina.

Penyelewengan dari tradisi Cina juga telah berlaku di kalangan anggota-anggota mereka di Sungai Suluh. Kira-kira lapan tahun dahulu sepasang pemuda dan pemudi Cina telah melanggar adat ke'suku'an mereka. Mereka adalah sepupu tetapi mereka telah berkahwin. Perkahwinan ini adalah bertentangan dengan adat kerana mereka adalah sepupu satu suku. Oleh kerana mereka telah sama-sama suka, orang-orang tua tidak dapat menghalang lantas menerima sahaja perkahwinan mereka.

Masyarakat Melayu di Sungai Suluh telah mengalami banyak perubahan dari segi amalan kebudayaan: misalnya adat perkahwinan tidak lagi disambut secara berlebihan atau besar-besaran. Upacara perkahwinan disambut mengikut kemampuan seseorang. Adat-adat seperti membuat ken-duri semasa menghatangkan anak lelaki, potong jambul dan turun tanah sudah tiada lagi. Apa yang masih kekal hingga hari ini ialah perkumpulan-perkumpulan permainan zapin dan kumpang. Perkumpulan ini hanya di-anggotai oleh beberapa orang yang benar-benar berminat dan menjadi ahli yang tidak resmi kepada kumpulan itu.

Perkumpulan-perkumpulan yang menggabungkan kedua-dua ras tidak wujud di kampung ini.

Di hari-hari kebesaran Orang-orang Cina dan Melayu, seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina masyarakat Sungai Suluh keseluruhannya menyambut hari-hari perayaan itu. Di Hari Raya rakan-rakan dari ras Cina datang dan diundang untuk menziarahi jiran-jiran dan teman-teman

dari ras Melayu selalu disuruh membuat kuih-kuih melayu oleh jiran-jiran Cina. Kuih-kuih ini adalah untuk hidangan di hari kebesaran itu.

Dalam hubungan sosial antara ras-ras Melayu dan Cina di Sungai Suluh kita dapat satu gambaran bahawa mereka saling bersefahaman. Orang-orang Melayu mengetahui dan menghormati adat resam orang-orang Cina. Sebaliknya Orang-orang Cina memahami dan menghormati adat resam Orang-orang Melayu. Dalam keadaan-keadaan yang membenarkan percampuran dan pergaulan seperti di hari-hari kebesaran dan pementasan anggota-anggota dari kedua-dua ras bergaul mesra. Dalam keadaan yang berbentuk perkauman seperti soal kepercayaan dan perkumpulan tertentu, maka tiap-tiap ras tidak mahu campurtangan dalam urusan orang lain.

D. Kedudukan Politik

Penduduk Melayu dan Cina di Sungai Suluh kini masih menjadi penyokong kepada Parti Perikatan (Parti Gabungan UMNO, MAC dan MIC). Parti yang mereka pilih ini dianggap sebagai parti yang sesuai dalam negara berbilang ras seperti Malaysia. Kedua-dua parti UMNO dan MCA yang mereka sokong mempunyai cawangannya di kampung itu. UMNO masih ramai menarik ahlinya dengan membayar yuran tahunan. Tetapi Cawangan Parti MCA di Sungai Suluh telah merosot peranan dan pengaruhnya dan kini telah bubar. Anggota-anggota MCA telah hilang kepercayaan kepada pucuk pimpinan parti itu dan mereka menganggap kewujudan cawangan parti itu di Sungai Suluh tidak mendatangkan faedah. Walau bagaimana-pun pendirian mereka untuk menyokong MCA tetap tidak berubah. Mereka

hanya menentang pucuk pimpinan parti itu dan bukan menentang parti.

Parti-parti lain selain dari Parti Perikatan tidak mendapat tempat di sini. Kempen-kempen yang dibuat oleh Parti DAP (Democratic Action Party) dalam pilihanraya tahun 1969 tidak dapat menjelaskan pendirian penduduk Sungai Suluh. Parti Perikatan tetap menang dalam pilihanraya itu. Kekuatan Parti Perikatan di Sungai Suluh disebabkan oleh beberapa faktor:

(i) Parti Perikatanlah yang telah mula-mula bertapak dan memberi jasa kepada penduduk. Orang-orang Kampung Sungai Suluh merasa ragu tentang kebolehan parti lain selain dari Parti Perikatan seperti Parti DAP dan Parti Rakyat. Hanya Parti Perikatan yang telah dapat menyatukan dan memadukan ketiga-tiga ras yang mendiami Malaysia.

(ii) Menurut pandangan dan pendapat tokoh-tokoh UMNO dan MCA di Kampung Sungai Suluh, keadaan penduduk yang komparatif mewah menyebabkan mereka menyokong Perikatan. Mereka merasa bahawa hidup mereka terjamin dan tambah sempurna di bawah pemerintahan Parti Perikatan. Tetapi kalau keadaan orang kampung miskin mungkin parti-parti lain mudah untuk meluaskan pengaruhnya.

E. Pemilihan Responden

Dalam kajian hubungan ras di Sungai Suluh ini pemilihan responden adalah berdasarkan kepada beberapa penentu:

(i) Responden dipilih dari kesemua lapisan masyarakat. Dalam faktor ini apa yang diharapkan ialah jawapan yang dapat mewakili ke-

seluruh penduduk kampung yang dikaji. Responden-responden itu dipilih dari mereka yang menduduki kelas atas, kelas menengah dan kelas bawah. Misalnya dari taukeh-taukeh kaya, pekedai-pekedai, guru-guru, nelayan-nelayan dan lain-lain lagi.

(ii) Responden-responden dipilih dari ketua-ketua keluarga.

Pemilihan ketua keluarga ini menekankan peranan seseorang dalam famili-nya. Sebagai ketua keluarga dialah yang menanggung beban keluarga itu. Dialah yang menjadi orang harapan atau tulang belakang kepada sesuatu famili. Dia mungkin seorang ibu, seorang ayah atau seorang anak yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga keluarga.

(iii) Pemilihan responden adalah secara 'random sampling'.

Dari tiap-tiap tiga rumah pengkaji memilih sebuah rumah yang dianggap dapat mewakili kelas sosial yang tertentu.

(iv) Responden-responden juga ditentukan dapat mewakili

golongan tua dan muda. Golongan tua adalah mereka yang umurnya lebih daripada 35 tahun dan golongan muda kurang dari 35 tahun. Umur 35 tahun dijadikan sebagai pemisah kerana ia dapat membedakan pengalaman hidup mereka. Mereka yang lebih dari 35 tahun telah mengalami peristiwa-peristiwa perang Jepun, 'Perang Parang Panjang', dan 13 Mei. Peristiwa-peristiwa di atas penting kerana ia telah secara tidak langsung mempengaruhi sikap mereka.

(v) Jumlah responden Melayu dan Cina sengaja dibedakan memandangkan jumlah penduduk kedua-dua ras yang berlainan. Responden dari ras Melayu adalah seramai 70 orang manakala dari ras Cina adalah

seramai 60 orang. Penduduk Melayu lebih ramai daripada penduduk Cina, oleh itu responden Melayu dilebihkan daripada responden Cina.

(vi) Responden juga dipilih daripada mereka yang ada menjalankan perusahaan secara perkongsian antara Melayu/Cina. Ini dibuat dengan tujuan untuk mengesan perbedaan antara mereka yang bergaul rapat dalam satu-satu perusahaan dengan mereka yang hanya mempunyai kontak biasa di kedai atau dipertemuan-pertemuan lain.

BAB III

CORAK PEMIKIRAN ORANG-ORANG MELAYU DAN CINA

Corak pemikiran sesuatu masyarakat itu ditentukan oleh proses sosialisasinya. Proses ini melibatkan, "Children and adults..... introduced to various roles"⁽²²⁾ dalam bidang-bidang hidup. Dalam proses sosialisasi individu-individu dalam sesuatu masyarakat membentuk satu persepsi mengenai rangsang-rangsang yang ada dan ia diperkenalkan dengan norma-norma hidup di mana ia harus 'conform'.

Pada asasnya terdapat tiga faktor yang mempengaruhi nilai seseorang dalam proses sosialisasi iaitu keluarga, sekolah dan tempat kerja (tempat tinggal)⁽²³⁾.

Keluarga

Terdapat beberapa perbedaan mengenai cara mendidik anak antara Orang-orang Melayu dan Cina. Keluarga-keluarga Cina di Sungai Suluh adalah 'tightly knit' kerana mereka tergolong ke dalam satu suku Tan di kampung ini adalah penghijrah dari Negeri Cina. Mereka

(22) R. O. Tilman, The Socialization of the Chinese into Malaysian, Politics: Some Preliminary Observation: Dari Studies in Asia, Vol. 7, 1966, m. s. 109.

(23) Ibid., m. s. 109.

datang untuk melarikan diri dari peperangan. Keadaan hidup mereka adalah seperti yang dikatakan oleh Tilman, "Struggling, poverty, illiteracy and authoritarian"⁽²⁴⁾. Hidup mereka yang dalam keadaan 'struggle' ini menyebabkan mereka pasti rajin berusaha untuk mendapatkan harta kekayaan di kampung ini.

Keluarga ini "passes on to their children a complex set of motivation best described by Mc Clelland as the basic need for achievement"⁽²⁵⁾. Ibu dan ayah dalam keluarga Cina selalunya memberi perangsang kepada anak-anak mereka supaya rajin berusaha untuk hidup dalam dunia perlumbaan. Keluarga Cina juga "exercise considerable control over the activities of the offspring"⁽²⁶⁾.

Anak-anak mereka tidak pernah melihat Negeri Cina tetapi ibu dan ayah mereka selalu menceritakan keagungan negeri itu. Mereka memandang tinggi tentang sejarah keagungan Negeri Cina.

Selain dari itu bahasa daerah (dialect) mereka diturunkan kepada anak-anak mereka dan dengan demikian Orang-orang Cina di Malaysia mempunyai dialek-dialek yang berbeda. Di Sungai Suluh suku Tan menggunakan dialek Hokkien.

Keluarga Melayu mempunyai cara yang tertentu dalam mendidik anak-anak. Anak-anak tidak (terutama yang kecil) dibenarkan untuk

(24) Ibid., m. s. 111.

(25) Ibid., m. s. 112.

(26) Ibid., m. s. 112.

bertindak bebas. Mereka dijaga dengan rapi, ditegah apabila cuba melakukan sesuatu yang akan membahayakan diri mereka seperti melompat-lompat, memanjat pokok dan lain-lain. Keluarga Melayu suka kalau anak mereka duduk pasif. Keadaan ini ada kesannya kepada corak pemikiran anak-anak itu. Apabila besar sikap anak-anak itu akan menjadi 'dependent' kepada orang lain. Dalam menghadapi sesuatu perkara yang serious mereka memerlukan satu pimpinan yang selalunya menjadi tempat bergantung untuk membuat tindakan. Kata-kata 'pemimpin kecil' ini selalunya diturut dan diikut. Mereka tidak 'rebellious' dalam tindakan-tindakan mereka kerana sifat demikian dianggap tidak sopan.

Keluarga Melayu di Sungai Suluh suka melihat anak-anak mereka berkelakuan baik, menghormati orang-orang tua dan mengerjakan suruhan ugama. Dari kecil mereka diberi didikan ugama — mengaji Quran di rumah guru-guru mengaji dan apabila berumur lapan tahun mereka dihantar ke Sekolah Ugama petang⁽²⁷⁾.

Keluarga Melayu selalu memberi galakan dan perangsang kepada anak-anak mereka. Berbeda dengan keluarga Cina, keluarga Melayu memandang tinggi kepada pekerjaan makan gaji dengan kerajaan. Mereka akan menerangkan kepada anak-anak mereka bahawa kerja makan gaji atau bekerja dengan kerajaan itu lebih baik dari kerja-kerja lain atau kerja sendiri. Mereka mengharapkan bahawa anak-anak mereka akan makan

(27) Di Johor terdapat Sekolah Ugama biayaan kerajaan negeri yang diadakan di sebelah petang.

gaji dengan kerajaan walaupun gajinya kecil. Apa yang penting kepada mereka ialah pendapatan yang tetap.

Sekolah

Diperingkat sekolah pengaruh yang besar dalam proses sosialisasi dimainkan oleh guru dan rakan-rakan. Sekolah-sekolah yang dimasuki oleh penduduk Kampung Sungai Suluh ialah Sekolah Rendah aliran Melayu, Cina dan Inggeris. Diperingkat sekolah menengah mereka memasuki Sekolah menengah aliran Melayu, Cina dan Inggeris. Sekolah-sekolah Menengah kesemuanya terletak di Bandar Batu Pahat.

Diperingkat Sekolah Rendah dan Menengah aliran Cina matapelajarannya sekarang telah disesuaikan dengan matapelajaran kebangsaan. Ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran yang tidak 'China orientated',⁽²⁸⁾ tetapi 'Malaysia orientated'. Dengan adanya sistem pelajaran yang 'Malaysia orientated' ini maka tendensinya adalah untuk mewujudkan masyarakat berbilang ras yang bersemangat kebangsaan Malaysia.

Sekolah Rendah aliran Cina tidak menghasilkan penuntut yang 'China orientated' tetapi Sekolah Menengah aliran Cina pernah menjadi sarang penyebaran idea komunis. Keadaan ini berlaku terutama sebelum tahun 1962 iaitu sebelum sistem pelajaran kebangsaan benar-benar diimplementasikan di sekolah itu. Kerajaan bertindak tegas dengan mengawal kegiatan penuntut sekolah itu dan dengan demikian pengaruh

(28) Sebelum 1962 matapelajaran dikebanyakannya Sekolah Cina disesuaikan dengan di Negeri Cina.

komunis tidak tersebar luas. Penuntut dari Sungai Suluh ada yang dipengaruhi oleh idea itu tapi idea itu hanya terpendam di jiwa mereka kerana penduduk Cina di situ tidak terpengaruh dengan idea komunis. Malah mereka menentang kegiatan penyebaran idea itu sebagaimana yang telah berlaku dalam tahun 1962 di mana seorang Cina telah diberi amaran oleh penduduk Cina agar menghentikan kegiatan subversif komunis.

Tidak semua orang Cina bersekolah aliran Cina. Diperingkat sekolah menengah majoriti dari mereka memilih aliran Inggeris. Dalam tahun 1973 ini jumlah murid-murid Cina yang memasuki sekolah menengah dari Kampung Sungai Suluh ialah seramai 100 orang, 62% daripadanya memilih aliran Inggeris dan yang lain aliran Cina. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada mereka menyedari tentang kepentingan sistem pelajaran kebangsaan Malaysia yang sedang dalam proses pelaksanaannya.

Keluarga Melayu menganggap anak-anak mereka yang berada di bangku sekolah sebagai satu pelaburan jangka panjang. Mereka mengharapkan bahawa bila anak mereka keluar kelak, anak mereka akan dapat pekerjaan terutama bekerja dengan kerajaan. Anak-anak mereka dihantar ke sekolah aliran Melayu, Inggeris dan Cina. Pada tahun ini jumlah murid Melayu di sekolah menengah ialah 155 orang: 61 . 7% daripadanya di aliran Melayu dan yang lain aliran Inggeris. Anihnya di Sekolah rendah aliran Cina yang mempunyai murid seramai 301 orang, anak Melayu adalah 8 orang. Menurut penjaga murid-murid ini mereka dihantar ke sekolah aliran Cina dengan tujuan untuk mengetahui banyak

bahasa dan mudah mendapatkan pekerjaan⁽²⁹⁾.

Perlu dinyatakan bahawa penduduk Melayu di Sungai Suluh (khususnya orang-orang tua) kebanyakannya pandai membaca dan menulis. Sekolah rendah aliran Melayu telah ditubuhkan pada tahun 1936. Oleh itu mereka yang umurnya kurang dari 45 tahun telah berkesempatan untuk memasuki sekolah. Mereka ini suka membaca akhbar-akhbar tempatan yang disediakan di kedai-kedai kopi seperti Utusan Melayu dan Utusan Malaysia. Tidak hairanlah mengapa mereka berpandangan luas dan liberal menghadapi aspek-aspek hidup.

Tempat bekerja (Tempat tinggal)

Masyarakat Melayu dan Cina telah tinggal bersama-sama di Kampung Sungai Suluh sejak pembukaan kampung itu. Mengikut sejarahnya kedua-dua ras itu telah bersama-sama membangun kampung halaman mereka. Jalan kecil yang melintasi kampung itu telah dibuat oleh orang-orang kampung sendiri yang terdiri dari dua ras itu. Orang-orang Melayu dan Cina telah mengeluarkan yuran mengikut kadar tertentu dari jumlah pendapatan mereka untuk membina jalan itu dalam tahun 1930.

Masyarakat Sungai Suluh telah mengalami peristiwa-peristiwa yang serupa dan sering kali dihadapi bersama-sama. Di waktu perang Jepun mereka sama-sama menderita, walaupun Orang-orang Cina tidak me-

(29) Ini terbukti dari seorang Melayu yang dulunya bersekolah Cina di kampung itu, telah mudah mendapat pekerjaan iaitu menjadi kata-mata gelap.

ngalami penyiksaan Jepun seperti yang berlaku terhadap ras sejenisnya di kawasan lain di daerah Batu Pahat. Selepas Orang Jepun menyerah diri Masyarakat Sungai Suluh terpaksa menghadapi satu ancaman luar iaitu ancaman dari anasir-anasir yang ingin memecahbelahkan perpaduan Masyarakat Melayu dan Cina. Ancaman ini datangnya dari Orang Cina yang berfahaman komunis dan Orang-orang Melayu yang menentang komunis. Orang-orang Melayu dan Cina telah bersatu padu dan bekerjasama untuk menentang sesiapa saja yang cuba memecahbelahkan perpaduan mereka. Pengacau-pengacau telah dihukum mengikut pengadilan Masyarakat Sungai Suluh yang terdiri dari Orang Melayu dan Cina.

Hingga tahun-tahun kemudiannya kesulitan kampung diselesaikan bersama-sama oleh kedua-dua ras. Contohnya bila berlaku kebakaran di sebuah rumah maka anggota masyarakat dari kedua-dua ras bersama-sama membantu mangsa kebakaran itu. Dan apabila mereka mahukan jalanraya dibina di kampung itu mereka sama-sama mendesak kerajaan melalui parti masing-masing iaitu UMNO dan MCA.

Kesan Sosialisasi

Melihat dari proses sosialisasi tadi Masyarakat Cina di Sungai Suluh boleh dianggap sebagai tergulung antara "Malaysian Nasionalists"⁽³⁰⁾ dan "Chauvinists"⁽³¹⁾. Tilman menyebut mereka sebagai,

(30) Malaysian Nasionalists dari ras Cina adalah mereka yang berpelajaran Inggeris, berkedudukan tinggi dalam pemerintahan negara, perkhidmatan awam dan yang menjadi peniaga atau pedagang kaya.

(31) Chauvinists adalah mereka yang percaya kepada keagungan komuniti Cina, kebudayaan, daya intelek dan lain-lain.

"Apathetic and confused, given some hope by sympathetic leadership by Malay and Chinese Politicians, they could become an important middle class base for the functioning of the democratic process".⁽³²⁾

Sebagai anggota suku Tan Orang-orang Cina di Sungai Suluh akan tunduk kepada ketua suku. Ini adalah diakibatkan oleh cara sebuah keluarga itu mendidik anak-anak mereka. Keluarga yang mengawal ketat anak-anak jagaannya akan menyebabkan anak-anak itu menurut apa yang diarahkan oleh ketua keluarga.

Orang-orang Cina di Sungai Suluh menganggap bahawa sesuatu matlamat hidup kalau ingin dicapai perlu menitikberatkan keharmonian dan perpaduan ras. Politik di Malaysia tidak boleh dipisahkan mengikut batas-batas ras yang ada. Sesuatu konflik antara ras akan merugikan kedua-dua pihak yang terlibat dan mempunyai kesan jangka panjang yang buruk. Tiap-tiap ras akan berdendam dan dendam boleh menimbulkan konflik seterusnya. Pandangan demikian boleh disesuaikan dengan kata-kata mereka apabila ditanyakan mengenai peristiwa 13 Mei 1969. Mereka berkata "Buat apa kita gaduh, kita sama-sama cari makan". Maksudnya dalam menghadapi hidup seharian yang penting ialah memenuhi keperluan asasi untuk hidup menerusi suasana harmonis.

Hasil dari proses sosialisasi ini terlihat sikap Orang Melayu. Ada yang berpuas hati dengan keadaan yang ada, ada yang menerima apa-

(32) R. O. Tilman, op. cit., m. s. 118.

sahaja yang datang kepada mereka tetapi tidak kurang juga yang merasa tidak senang dengan keadaan masyarakat berbilang ras. Golongan pertama boleh dianggap sebagai "spiritually inclined, tolerant and easy going" (33). Golongan yang kedua telah dipengaruhi oleh mass media dan aspek-aspek lain terutama persekolahan dan kontaknya dengan orang yang berpengaruh dalam proses sosialisasinya. Dari analisa kajian 33.3% daripada responden Melayu terjumlah dalam gulungan ini. Mereka menganggap Orang Cina sebagai orang asing dan mempunyai taraf yang lebih rendah daripada Orang Melayu.

Orang-orang Melayu juga pada umumnya tidak suka melihat konflik antara Orang-orang Melayu dan Cina di kampung itu. Ini terbukti dari peristiwa-peristiwa sepanjang sejarah kampung itu yang penuh dengan issue perkauman. Peristiwa-peristiwa itu seperti kemasukan Jepun, kenaikan Komunis dan 13 Mei. Tidak meletusnya konflik antara ras menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya mereka toleransi dan tidak mahu keadaan itu berlaku. Tetapi Orang-orang Melayu mempunyai sikap toleransi yang berbatas. Ini terbukti dari jawapan yang mereka berikan apabila ditanyakan mengenai peristiwa 13 Mei. Mereka menjawab "Tak guna kita gaduh, kita sendiri teruk, tapi kalau tak boleh elak apa nak buat".

Dalam keadaan hidup yang aman Orang-Orang Cina memburu se-

(33) Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, Donald Moore for Asia Pacific Press, Singapore, 1970, m. s. 97.

banyak harta yang mungkin. Memang menjadi sikap hidup mereka, hasil dari sosialisasinya, mereka merebut atau mendapatkan kemewahan hidup. Ketua-ketua keluarga Cina yang sering memberi perangsang (motivation) kepada anak-anak mereka untuk rajin berusaha adalah penting untuk mewujudkan sikap demikian. Memang ada kebenarannya kalau dikatakan bahawa, "The Non Malays (Chinese) are materialistic, aggressive and have appetite for work"⁽³⁴⁾.

Kurangnya 'motivation' yang diberi kepada anak-anak Melayu boleh menjadi sebab mengapa sebahagian dari mereka mudah berpuas hati dengan apa yang mereka ada. Ibu bapa yang mengharapkan anak-anak mereka bekerja dengan kerajaan boleh menimbulkan keferasan hidup kepada ibu bapa dan anak-anak itu bila tidak dapat mencapainya seolah-olah pekerjaan lain tidak dapat memberi jaminan hidup.

Pengalaman-pengalaman hidup yang dialami bersama-sama oleh penduduk Kampung Sungai Suluh dan interaksi yang begitu perlu terutama dari segi ekonomi menyebabkan penduduk Melayu dan Cina sukar untuk dipisahkan sebagai unit yang berasingan. Mereka telah menjadi satu masyarakat yang beridentiti sendiri. Mereka bisa menggembeling tenaga dalam menghadapi ancaman bersama, mereka bisa bekerjasama dalam memperbaiki keadaan kampung. Mereka telah menyemaikan unsur-unsur perpaduan masyarakat berbilang ras.

(34) Mahathir bin Mohamad, *Ibid.*, m. s. 97.

BAB IV

HUBUNGAN DARI SEGI POLITIK

Soal politik di sini meliputi soal-soal parti, pimpinan, perlembagaan (hak istimewa) dan dasar luar negeri. Soal politik adalah soal yang paling serious dan paling rapat hubungannya dengan penduduk yang berbilang ras seperti Malaysia. Soal ini sering kali melibatkan keseluruhan masyarakat Malaysia dari segi perpecahan ras dan integerasi ras. Soal politik selalu diperbualkan di tempat-tempat tertentu secara formal dan tidak formal seperti di kedai kopi dan di perjumpaan resmi. Di Sungai Suluh pengkaji dapat mengesan manifestasi jiwa masyarakat mengenai issue politik dari kajian yang dibuatnya.

Pada asasnya penduduk Sungai Suluh memilih Parti Perikatan dalam undi pilihanraya yang telah lalu. Hampir 100 % daripada responden Melayu mengundi UMNO sedangkan 70 % daripada responden Cina memilih MCA. Menurut kajian 30 % daripada Orang Cina yang tidak memilih MCA itu adalah mereka yang tidak mengambil berat tentang parti atau bebas tidak mahu terikat pada mana-mana parti. Orang-orang Melayu dan Cina mempunyai sebab-sebab tertentu mengapa mereka memilih Parti Perikatan. Kedua-dua ras melihat bahawa parti itu telah lama memerintah, bertapak dan memberi jasa kepada rakyat. Parti ini juga, mengikut

mereka, mempunyai dasar pemerintahan yang baik untuk semua rakyat berbilang ras di Malaysia.

Cawangan-cawangan Parti MCA dan UMNO telah ditubuhkan di Sungai Suluh sejak 10 tahun lalu. UMNO cawangan Sungai Suluh tetap ujud dan giat tetapi MCA telah bubar. Mengikut pemimpin Parti MCA Cawangan Sungai Suluh pembubaran itu adalah disebabkan kemerosotan atau kehilangan kepercayaan di kalangan anggota-anggota MCA di Sungai Suluh terhadap pimpinan MCA.

Perkembangan parti-parti politik di Malaysia diikuti dengan penuh teliti oleh penduduk berbilang ras di Kampung Sungai Suluh. Mereka sendiri seolah-olah terlibat dalam pergolakan parti itu. Parti Perikatan sebagai parti pemerintah memang telah menjadi tumpuan utama lebih-lebih lagi selepas peristiwa 13 Mei berlaku. Selepas peristiwa itu corak pimpinan dan suasana politik telah berbeda sedikit dari sebelumnya. Beberapa perubahan berlaku dalam bentuk pimpinannya dan tendensinya sekarang ialah penggabungan parti-parti yang ada di Malaysia dengan Perikatan.

A. Soal Pimpinan Dalam Politik

Soal politik di Malaysia adalah soal yang paling menarik perhatian semata-mata kerana Malaysia terdiri dari ras-ras yang berbeza. Dengan corak masyarakat yang berbilang ras itu (Melayu, Cina dan India) lunas-lunas politik tidak boleh sama sekali mengenepikan ras-ras yang ada. Segala dasar atau polisi kerajaan perlu dipertimb-

bangkan dengan saksama agar dapat melambangkan dan memenuhi hasrat rakyat yang mendiami Malaysia. "Considerations of ethnic distinction flavour politics in Malaya. Political parties, political appeals and political platforms all reflect the existence of communal pressure", demikian kata Alvin Rabuska⁽³⁵⁾.

Dengan struktur masyarakat yang begitu rupa maka pencapaian sesuatu matlamat nasional amat sulit dan sukar. Adalah perlu pemimpin-pemimpin yang bijak mengendalikan urusan politik, bisa menyesuaikan diri dengan aspirasi rakyat seluruhnya. Perlu juga pemimpin yang dapat memberi kepercayaan kepada semua ras dan seboleh-bolehnya mewakili harapan tiap-tiap ras. Dalam masyarakat berbilang ras seperti Malaysia perlaksanaan dasar kerajaan perlu pertimbangan dari wakil-wakil ras tetapi kadang-kadang perlu dibuat pengorbanan dari seluruh masyarakat untuk kepentingan satu-satu ras sahaja. Ini tergambar jelas dalam polisi kerajaan Malaysia. Satu contoh yang paling baik ialah hak istimewa Orang Melayu. Masaalah yang perlu dihadapi oleh pemimpin Perikatan ialah bagaimana 'rationalisation' pemimpin-pemimpin itu untuk menjelaskan pentingnya hak istimewa itu dalam konteks masyarakat Malaysia seluruhnya.

Penduduk Kampung Sungai Suluh mempunyai ideal-idealnya masing-masing dari segi pimpinan politik di Malaysia. Orang-orang Melayu di

(35) Alvin Rabuska, *The Manipulation of Ethnic Politics in Malaya, Polity*, Chicago, 1970, m. s. 346.

sini menganggap bahawa perikatan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak amat sesuai dengan keadaan masa. Tun Abdul Razak yang menggantikan Tengku Abdul Rahman dianggap sebagai pemimpin perjuangan - pemimpin yang benar-benar berhasrat untuk meninggikan taraf hidup Orang Melayu dan membela hak mereka. Sebenarnya kepimpinan beliau memang sangat diharapkan oleh Orang Melayu sebagai menggantikan pimpinan Tengku Abdul Rahman yang dianggap sebagai "oder lama". Orang Melayu menganggap bahawa pimpinan Oder lama itu terlalu memanja-manjakan ras lain hingga Orang Melayu sendiri terabai. Ras lain mengambil kesempatan dalam saat-saat kegertingan seperti pilihanraya 1969 yang menyebabkan peristiwa 13 Mei. Dengan pimpinan baru di bawah Tun Abdul Razak maka Orang-orang Melayu merasa lapang dada melihat kepentingan mereka terus menerus diperjuangkan..

Orang-orang Melayu di Sungai Suluh bila disuruh membandingkan pimpinan Tun Abdul Razak dengan pimpinan Tengku, mereka menegaskan bahawa pimpinan Tun Razak lebih tegas dari Tengku. Mereka menganggap bahawa pimpinan Tengku yang terlalu bertolak ansur dengan ras-ras lain itu menyebabkan keruntuhannya sendiri dan keruntuhan Malaysia seperti yang tergambar dalam peristiwa 13 Mei.

Orang-orang Melayu di Sungai Suluh melihat perkembangan Parti UMNO dan lain-lain parti dengan penuh perhatian. Pada hakikatnya kampung itu adalah kawasan UMNO yang kuat. Munculnya muka-muka baru dalam pimpinan UMNO Pusat lebih memberi keyakinan kepada mereka untuk terus berdedikasi dalam UMNO terutama sekali bagi anggota-anggotanya

yang aktif. Tambahan pula UMNO menjadi teras kepada Parti Perikatan. Apa yang sesuai dan menasabah serta tidak bertentangan dengan dasar UMNO boleh diusulkan dalam perjumpaan-perjumpaan UMNO bahagian dan kemudian dibawa ke peringkat tinggi pula. Ini bermakna anggota UMNO dari peringkat bawah boleh mengambil bahagian secara aktif dalam parti-nya. Dengan kesempatan ini Pemuda UMNO Kawasan Sungai Suluh dalam satu perjumpaannya telah terharu dengan sistem pemilikan tanah di Malaysia. Mereka merayu kepada kerajaan supaya mengkaji semula sistem pemilikan tanah di Johor dan di peringkat Persekutuan supaya tanah kepunyaan Orang-orang Melayu tidak mudah lepas ke tangan orang lain memandangkan tanah-tanah milik Melayu semakin sedikit bilangan dan luasnya⁽³⁶⁾.

70 % dari responden Cina di Sungai Suluh adalah penyokong - penyokong MCA, yang lain samada bebas tak berparti atau tidak ambil peduli tentang politik. Mereka mempunyai ideal-ideal yang berbeda sedikit dari Orang Melayu. Ada dua jenis pandangan dari mereka terhadap pemerintahan Malaysia sekarang. Golongan (10 %) melihat bahawa dengan pemerintahan sekarang kedudukan ras Cina di Malaysia tambah tertekan. Mereka menganggap segala-galanya sangat mengutamakan satu ras sahaja iaitu Melayu.

Golongan pertama (10 % daripada responden) ini juga menganggap bahawa terlalu banyak diberi kepada Orang Melayu. Projek-projek pembangunan yang besar seperti LKTP, projek pengairan padi dan keistimewaan-

(36) Lihat akhbar Utusan Melayu, 24 Februari, 1973.

keistimewaan lain seperti pemberian biasiswa, kota dalam pentadbiran awam dan lain-lain lagi. Golongan ini menganggap bahawa UMNO yang menjadi teras kepada kerajaan Perikatan mengenepikan parti-parti gabungannya MCA dan MIC. Parti MCA dianggap tidak dapat memenuhi fung-sinya sebagai parti mewakili ras Cina dan terlalu mengikut telunjuk UMNO. Mereka mengecam usaha-usaha kerajaan yang berat sebelah dan dasarnya yang berunsurkan diskriminasi ras. Misalnya dari segi pekerjaan dalam jabatan-jabatan kerajaan terutama pentadbiran awam.

Di peringkat yang lebih ekstrim mereka bisa mengatakan bahwa sistem demokrasi tidak boleh diamalkan di negara berbilang ras seperti Malaysia. Mereka menegaskan bahawa sistem sosialisma adalah lebih baik kerana dalam sistem itu, mengikut mereka, tidak wujud diskriminasi ras, semua dianggap sama sedang yang menderita kemiskinan tiada. Golongan ini merasakan bahawa selagi ada diskriminasi ras selagi itulah Malaysia sukar untuk mencapai perpaduan negara.

Golongan yang satu lagi (90 %) mempunyai pandangan yang berbeda sekali. Pada dasarnya golongan ini menurut polisi-polisi yang dijalankan oleh kerajaan. Mereka tidak kira siapa yang memerintah asalkan sahaja untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Bila ditanyakan mengenai pemerintahan Malaysia sekarang mereka menjawab 'baik'. Mereka tidak mengkritik sistem pemerintahan yang ada tetapi apa yang mereka tidak puas hati ialah kelemahan individu-individu dalam pimpinan politik untuk menjalankan peranannya sebagai pemimpin masyarakat. Misalnya mereka suka kepada MCA tetapi mereka tidak suka kepada pemimpinnya yang

tidak cekap, takut menyuarakan hasrat parti dan mudah mengikut telunjuk UMNO.

Kalau disuruh memberi pandangan mengenai Tengku Abdul Rahman, Orang-orang Melayu dan Cina mempunyai anggapan yang berbeda. 70% daripada responden Melayu suka kepada Tengku Abdul Rahman, 23% tidak suka yang lain tidak memberi apa-apa pandangan. Diantara yang suka kepada Tengku itu ada yang suka hanya kerana ia menjadi bapa Kemerdekaan Malaysia. 50% yang suka kepada Tengku tadi tidak suka kepadanya atas aspek-aspek lain seperti pesenoliti, kebolehan, cara bertindak dan sikap toleransinya. Kalau dikira atas asas-asas tadi lebih dari separuh yang tidak suka kepada Tengku. Mereka memberi alasan bahawa Tengku kurang cekap, kurang tegas dan lemah dalam menghadapi masaalah-masaalah pemerintahan negara. Mereka tidak suka kepada sikap tolak ansur yang diamalkan oleh Tengku terutama mengenai issue-issue nasional seperti Bahasa Malaysia dan dasar ekonomi negara. Mereka menganggap bahawa sikap tolak ansurnya itu menyebabkan kemajuan Orang Melayu lembab dan perpaduan masyarakat semakin retak.

Sebaliknya responden-responden Cina di Sungai Suluh melihat Tengku sebagai pemimpin yang berjasa, berkebolehan dan mempunyai sikap pemimpin yang baik. Mereka anggap sikap tolak ansur dan diplomasi ini sangat bersesuaian dengan aspirasi Orang Cina dan rakyat Malaysia yang berbilang ras. Bila disuruh membandingkan Tengku dengan Tun Razak mereka menyambut, "Tun keras sedikit, Tengku lebih diplomasi". Mengikut mereka pemerintahan di bawah Tengku tidak berat kepada Orang-orang

Melayu sahaja tetapi selepas Tun Razak memerintah penekanannya lebih untuk memajukan Orang-orang Melayu.

Dalam pemerintahan sekarang ini, segolongan kecil dari Orang Cina (10% daripada responden Cina) merasakan bahawa taraf Orang Cina lebih rendah dari Orang Melayu terutama dalam bidang politik. Mereka menganggap bahawa dari segi politik Orang Cina adalah seperti warga-negara kelas dua. Mereka membuat anggapan ini berdasarkan kepada Parti UMNO, MCA dan MIC dengan membandingkan peranan-peranannya dalam konteks politik di Malaysia. UMNO sebagai parti yang didukung oleh Orang Melayu telah bertambah teguh dan telah menjadi teras kepada Parti Perikatan. Parti-parti MCA dan MIC adalah sebagai "sleeping partners" dalam Perikatan.

Golongan ini juga melihat bahawa kedudukan Orang Cina dalam politik tidak seperti kedudukannya dari segi ekonomi. Kalau Orang-orang Cina menjadi penyumbang yang besar kepada kedudukan ekonomi Malaysia maka seharusnya kedudukan politik mereka setaraf atau seimbang dengan kedudukan Orang-orang Melayu. Mengikut mereka lagi, kedudukan politik Malaysia dimanupulasi oleh Orang Melayu hingga kedudukan politik Orang Cina sentiasa tertekan.

Kalau dilihat hubungan ras di Sungai Suluh dalam bidang politik terdapat perbedaan yang jelas dalam anggapan-anggapan mereka. Dalam peringkat aksi tidak pernah berlaku konflik perkauman lantaran dari issue-issue politik. Umpamanya tidak pernah berlaku pergaduhan

kerana pertentangan ideologi politik atau perasaan benci membenci antara anggota-anggota masyarakat yang berlainan parti. Keadaan harmonis dalam bidang politik ini sebenarnya disebabkan oleh minat penduduk yang serupa iaitu sama-sama menyokong Parti Perikatan manakala parti-parti lain tidak pernah mendapat tapak di situ. Sebaliknya dalam peringkat sikap terhadap variasi antara Orang Melayu dan Cina. Orang Melayu semuanya setuju dan menyokong pimpinan politik Malaysia sekarang tetapi sebahagian kecil Orang Cina tidak berpuas hati. Kalau Orang Melayu menaruh harapan terhadap pimpinan sekarang golongan kecil Orang-orang Cina tadi merasa-rasnya didiskriminasi. Namun demikian sebahagian besar dari masyarakat Cina mempunyai anggapan yang serupa dengan Orang Melayu dari segi politik.

Kita dapat saksikan bahawa semakin terjamin kepentingan Orang Melayu di bawah satu kuasa politik (UMNO) maka semakin teguh pendirian-nya menyokong kuasa politik itu. Buktinya Orang Melayu tidak suka kepada Tengku kerana ia terlalu bertolak ansur kepada Orang Cina hingga menyebabkan kepentingan Orang Melayu tergugat. Sebaliknya mereka suka kepada pimpinan Tun Razak kerana kedudukan Orang Melayu semakin terjamin.

Bagi Orang Cina pula apabila kepentingan mereka terjejas oleh sesuatu pimpinan maka mereka akan merasa tidak puas hati dengan pimpinan itu. Kenyataan ini adalah kebalikan kepada kenyataan di atas mengenai Orang Melayu. Orang Cina merasa lebih lapang atau berpuas hati di bawah pimpinan Tengku yang mempunyai sikap lebih bertolak ansur dari pimpinan selepasnya.

B. Pandangan Mengenai Dasar Luar Negeri

Dasar luar negeri Malaysia diikuti dengan teliti oleh penduduk Kampung Sungai Suluh. Mereka dapat mengikutinya dari radio dan akhbar-akhbar tempatan yang mereka baca seperti Utusan Melayu, Utusan Malaysia dan bagi Orang-orang Cina Nan Yang Siang Pau. Akhbar-akhbar ini selalunya dibaca di kedai-kedai kopi. Apabila sesuatu polisi baru dibuat dan peristiwa penting berlaku mengenai dasar luar negeri Malaysia orang kampung akan memperbualkannya secara tidak formal. Dari perbualan-perbualan mereka dengan dibantu oleh kajian, pengkaji dapat mengetahui pandangan-pandangan mereka mengenai perkara-perkara itu.

Dalam penulisan ini pandangan-pandangan khusus dibuat mengenai beberapa negeri yang banyak kaitan dengan Malaysia. Ini diharapkan dapat menimbulkan unsur-unsur perkauman. Pengkaji memilih Negeri-negeri Singapura, Indonesia dan Cina Komunis. Singapura dipilih kerana amat dekat hubungannya dari segi ekonomi, kedudukan alam dan politik dengan Malaysia. Negara Cina Komunis pula merupakan negara nenek moyang Orang Cina di Malaysia manakala Indonesia merupakan jiran seketurunan darah dengan majoriti dari Orang Melayu.

Singapura telah berpisah dari gabungan Malaysia sejak tahun 1965 dahulu. Dalam jangka waktu lebih kurang tujuh tahun itu berbagai perkembangan telah berlaku hingga menimbulkan banyak persoalan dan anggapan kepada penduduk Sungai Suluh. Satu hakikat yang penting ialah Malaysia sentiasa waspada dalam hubungannya dengan Singapura. Hubungan demikian dilihat oleh penduduk kampung ini sebagai satu reaksi yang lahir dari

berbagai-bagai issue. Hubungan demikian dilihat dari perspektif yang berbeda pula oleh Orang Melayu dan Cina di sini.

Penduduk Cina boleh dibahagi kepada dua gulungan, iaitu tua dan muda. Gulungan tua tidak banyak memberi kritik mengenai dasar Malaysia/Singapura. Manakala gulungan muda amat jelas mencurahkan hasrat hatinya menentang apa yang dirasakan perlu. Gulungan muda dari ras Cina dalam masa kajian ini dibuat, ramai yang berhijrah ke Singapura untuk mencari sara hidup yang lebih. Menurut seorang daripada mereka lebih kurang 20 orang pemuda Cina bekerja dengan kontraktor rumah di Singapura. Lantaran dari kontak yang begitu perlu, golongan ini menganggap Singapura menjadi negara yang besar peranannya kepada mereka. Singapuralah yang dapat menampung mereka dalam pekerjaan-pekerjaan yang tinggi upahnya. Singapura dapat memberikan kemewahan hidup kepada mereka. Oleh itu ia dianggap sebagai negara penyelamat dalam lapangan hidup. Mereka berbangga dengan dasar yang dijalankan oleh Singapura tambahan pula negara itu diperintah oleh Orang Cina. Mereka selalu membandingkan keadaan di Singapura dengan di Malaysia dan sering kali mencemuh Kerajaan Malaysia yang tidak mampu untuk membangunkan negara sepesat Singapura.

Bila ditanya mengenai sebab mengapa hubungan Malaysia dan Singapura dalam keadaan waspada, 80% peratus daripada responden Cina mengatakan bahawa polisi kedua-dua negara tidak selari, sepuluh peratus menegaskan kerana ramai penduduk Cina di Singapura dan 10% lagi meng-

anggap Malaysia irihati terhadap kemajuan yang dicapai oleh Singapura. Semua mengatakan bahawa mereka tidak suka kepada hubungan yang waspada itu. Mereka menyatakan kesalnya terhadap perpisahan Singapura dengan Malaysia kerana hubungan Malaysia/Singapura amat erat dalam semua aspek.

Orang Melayu di Sungai Suluh mempunyai anggapan yang agak berlainan. Pada mereka Malaysia waspada dalam dasarnya dengan Singapura adalah disebabkan oleh beberapa faktor. 17% daripada responden Melayu menyatakan bahawa Singapura merupakan sebuah Negara Cina di mana pemerintah dan majoriti dari rakyat adalah Orang Cina belaka. Komposisi penduduk yang berbeda dengan Malaysia ini sudah tentu sukar untuk mendapatkan persefahaman dari segi polisi kerajaan. Orang Melayu melihat bahawa Singapura boleh menjadi pengancam kepada Malaysia kerana dari segi ketenteraan Singapura sedang memperkuatkan diri dengan mengambil penasihat-penasihat tentera dari Israel. Orang Melayu takut kalau pegawai-pegawai itu dapat mempengaruhi dan menanamkan perasaan anti-Malaysia atau anti-Islam. Orang-orang Melayu sendiri telah memendam perasangka terhadap Orang-orang Israel. 74% daripada responden Melayu menganggap bahawa hubungan yang waspada itu adalah hasil dari polisi kedua-dua kerajaan yang tidak sejajar. Apabila ditanyakan sama ada mereka suka dengan keadaan waspada itu, 90% daripada mereka mengatakan tidak suka dan 10% mengatakan mereka suka keadaan demikian.

Orang-orang Melayu di Sungai Suluh sebaliknya berbangga dengan hubungan luar Malaysia/Indonesia. Mereka menganggap Indonesia sebagai

negara tetangga anak kandung yang sangat diharapkan dalam satu-satu persengketaan di rantau Asia Tenggara. Mereka merasakan bahawa hubungan Malaysia/Indonesia selepas konfrantasi tidak ubah seperti 'aur dengan tebing' iaitu sentiasa tolong menolong antara satu sama lain. Mereka merasakan bahawa dalam menentukan dasar luar negeri masing-masing, kedua-dua negara tidak boleh simpang siur. Perlu wujud persefahaman yang baik antara kedua-dua negara dalam soal itu. Orang Melayu sering memberi ulasan, "Kalau Singapura cuba nak besar kepala, Indonesia dan Malaysia boleh bersatu menghapuskannya".

Orang-orang Cina kesemuanya mengatakan bahawa hubungan Malaysia/Indonesia adalah 'baik'. Mereka juga merasa gembira kerana Indonesia dan Malaysia tidak berkonfrantasi lagi. Mengikut mereka negara-negara jiran tidak patut bersengketa kerana sesuatu sengketa akan merugikan kedua-dua negara.

Bila ditanya mengenai hubungan dengan Cina Komunis Orang-orang Cina dari semua golongan menyatakan bahawa adalah lebih baik kalau diadakan hubungan yang lebih erat dengan negara itu terutama dari segi politik dan perdagangan. Mereka menganggap bahawa hubungan baik Malaysia/Cina tidak boleh dielakkan kerana Cina Komunis merupakan sebuah negara besar. Mereka berbangga dengan kejayaan negara itu yang telah dapat mencipta senjata bom nuklearnya sendiri. Mereka merasa megah kerana Amerika Syarikat kini seolah-olah takut kepada kenaikan kuasa besar baru itu. Anggapan 'takut' ini mereka intepretasikan dari lawatan Presiden Nixon ke Negeri Cina pada bulan Februari tahun lalu.

Hubungan baik juga dapat menguntungkan kedua-dua negara dari segi perdagangan. Kesemua orang bersetuju tentang hakikat ini tetapi hanya 83% sahaja daripada responden Melayu yang setuju. 17% dari Orang Melayu melihat bahawa hubungan yang baik antara Malaysia/Cina akan menimbulkan kesan yang buruk kepada Malaysia. Pertama, dengan adanya hubungan demikian negara Cina dapat mudah meluaskan usaha-usaha subversifnya mengenai fahaman Komunis. Kedua, dengan merebaknya pengaruh Cina Komunis di Malaysia maka hubungan ras di Malaysia akan menjadi buruk kerana Orang-orang Cina di sini akan merasa lebih selamat dan lebih berani menjalankan konsep 'chauvinist'nya. Pada keseluruhannya Orang Melayu mengatakan bahawa kalau dibuat hubungan baik dengan Negeri Cina pastilah sentiasa waspada.

Dari pernyataan di atas dapatlah dibuat beberapa kesimpulan. Rupa-rupanya ras masih menjadi ukuran penilaian bagi kedua-dua masyarakat. Orang-orang Cina, misalnya berbangga dengan kejayaan dan keagungan Negara Cina Komunis sebaliknya Orang Melayu ingin terus berganding bahu dengan Indonesia. Kalau Orang Melayu waspada terhadap kejujuran Cina Komunis dalam mengadakan hubungan baik dengan Malaysia, Orang Cina pula tidak senang melihat kehadiran Indonesia sebagai saudara karib bagi Malaysia. Orang Cina masih sukar untuk memutuskan ikatan perasaannya dengan negara nenek moyang mereka. Ras masih menjadi faktor kemegahan dan benci. Ras juga masih menjadi faktor penggerak yang mempengaruhi pendirian seseorang.

C. Soal Hak Istimewa Orang Melayu

Dalam artikel 153 Perlembagaan Malaysia disebutkan bahawa, "..... the Yang diPertuan Agung shall exercise his functions under this constitution and federal law in such manner as may be necessary to safeguard the special position of the Malays and to ensure the reservation for Malays of such proportion as he may deem reasonable of positions in the public service and of scholarships, exhibitions and other similar educational or training privileges or special facilities given or accorded by the Federal Government and, when any permit or licence for the operation of any trade or business is required by federal law, then, subject to the provisions of that law and this article of such permit and licences".⁽³⁷⁾

Dengan peruntukan dalam perlembagaan ini bermakna Orang Melayu diberi hak istimewa dalam bidang-bidang pentadbiran awam, biasiswa, lesen-lesen perniagaan dan kemudahan-kemudahan lain. Keistimewaan ini diberi untuk membolehkan Orang-orang Melayu mengejar lapangan-lapangan hidup yang dirasakan masih ketinggalan. Berbagai-bagai alasan lagi diberi oleh pemimpin rakyat sebagai rasionalisation mengenai hak istimewa itu. Keistimewaan itu juga diperuntukan memandangkan Orang Melayu

(37) Mohamad bin Abdullah, Malaysia Federal Constitution, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1970, m. s. 156.

mempunyai asas yang lemah dalam berbagai bidang jika dibandingkan dengan ras-ras lain di Malaysia.

Dari segi kemudahan-kemudahan asas, Orang Melayu masih ketinggalan. Misalnya dari segi kemudahan pelajaran Orang Melayu tidak mendapat faedah yang sewajarnya kerana majoriti dari mereka tinggal di luar bandar. Adalah dianggap menjadi dasar kerajaan untuk membantu yang kurang bernasib baik supaya mereka sama-sama dapat hidup sempurna serta mengecap nikmat kekayaan negara. Tambahan pula Orang-orang Melayu yang diam di luar bandar sebahagiannya hidup dalam keadaan kemiskinan. Dengan demikian bantuan-bantuan atau biasiswa-biasiswa patut diberi kepada mereka untuk mendapat kemudahan-kemudahan bagi melanjutkan pelajaran mereka. Bantuan atau keistimewaan dalam perniagaan dan perusahaan juga adalah untuk memberi peluang kepada Orang Melayu maju dalam bidang ekonomi.

Hak istimewa Orang-orang Melayu yang diperuntukan dalam perlembagaan itu menimbulkan berbagai-bagai reaksi dari Orang Cina dan Melayu di Kampung Sungai Suluh. Reaksi mereka menunjukkan bersetuju dan menentang hak istimewa itu. Orang Melayu pada asasnya bersetuju. Mereka berkata bahawa dengan peruntukan itu Orang Melayu berpeluang untuk maju dalam bidang-bidang yang mereka masih ketinggalan seperti ekonomi, pelajaran, sain dan teknologi. Kalau hak istimewa itu tidak ada nescaya Orang Melayu akan terus ketinggalan menyebabkan jurang perbedaan antara Orang Melayu dan bukan Melayu dalam semua segi bertambah luas. Bila

jurang ini masih ujud keharmonian hidup di Malaysia sukar untuk dicapai.

15% dari responden Melayu menganggap bahawa hak istimewa yang diperuntukan dalam perlembagaan itu merupakan 'hak'. Mereka mensifatkan Orang Melayu sebagai anak negeri dan sudah sewajarnya mendapat hak itu. Oleh kerana ia satu hak maka Orang-orang Cina dan India tidak harus menentangnya atau mempersoalkannya lagi.

Seperti juga Orang Melayu, Orang Cina mempunyai pandangan yang berbeda terhadap hak istimewa itu. Ada yang setuju dan menentang. Tetapi peratus yang menentang kurang dari yang setuju iaitu 40% berbanding dengan 60%. Mereka yang menentang mempunyai alasan-alasan sendiri. Pertama, mereka menganggap sebagai warganegara tiap-tiap ras mesti mendapat hak yang sama. Tidak harus ada keistimewaan pada satu-satu ras sahaja. Kalau wujud keistimewaan serupa itu bererti juga satu diskriminasi dilakukan terhadap orang yang tidak mendapatnya. Mereka mahukan keadilan saksama dari kerajaan serta layanan yang serupa terhadap semua ras. Mengapa harus ada keistimewaan pada satu-satu ras sedangkan ras lain juga mempunyai kekurangan-kekurangan yang perlu diatasi. Bukan semua orang dari ras Cina kaya, dan bukan semua Orang Melayu miskin. Mereka mahukan kerajaan yang memerintah menitikberatkan soal kemiskinan melewati batas-batas perkauman. Dalam masa yang sama pasti diusahakan jalan-jalan untuk memperbaiki kedudukan orang miskin dari semua tempat tidak kira di luar bandar mahu pun di bandar. Yang penting ialah mengatasi masalah sosial tanpa melihat dan mengukur dari ras mana kumpulan itu datang. Sesuatu masalah pasti dilihat dari kacamata yang sama dari

hasrat satu kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup warganegara. Adanya undang-undang dan polisi kerajaan yang mengambil berat kepada Orang Melayu sahaja membuat mereka menganggap bahawa mereka dari Warganegara kelas kedua.

60% dari responden Cina di Sungai Suluh setuju dengan pemberian hak istimewa itu kepada Orang Melayu. Mereka mengatakan bahawa setengah Orang Melayu memang benar-benar miskin dan patut diberi bantuan. Orang Melayu juga patut dibantu dari segi perniagaan dan perusahaan kerana mereka masih belum mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang itu. Tetapi mereka menegaskan hak istimewa itu tidaklah boleh terus menerus diberikan. Apabila Orang Melayu telah mencapai matlamat yang dituju atau apabila pemberian-pemberian itu membawa keburukan dan kerugian kepada negara maka pastilah pemberian itu dimansohkan dalam perlembagaan.

Ada satu pandangan yang serupa dari Orang Melayu dan Cina. Kedua-dua ras itu menentang penyalah gunaan hak istimewa yang diperuntukan kepada Orang Melayu oleh pihak yang memberi dan menerima. Misalnya mereka marah apabila orang-orang yang kaya dan berkemampuan mendapat keistimewaan yang sama dengan orang yang tidak mampu. Hal ini terutama berlaku dalam pemberian biasiswa. Mereka juga tidak setuju pemberian bantuan kepada orang yang tidak dapat mempergunakannya dengan betul. Misalnya bila Orang Melayu mendapat lesen perniagaan mereka sanggup 'mengAlibabakan lesen-lesen itu dan tidak membuat inisiatif sendiri dalam

perniagaan,⁽³⁸⁾ Dengan penyalah gunaan hak istimewa ini maka segala bantuan itu menjadi sia-sia sahaja.

Dari analisa di atas dapat dilihat bagaimana anggapan tiap ras terhadap hak istimewa Orang Melayu. Kita dapat mengukur perasaan Orang Cina yang sebahagian besarnya (40%) tidak setuju kepada pemberian itu. Orang Cina marah terdapat layanan yang tidak serupa antara Orang Melayu dan Cina oleh pihak pemerintah. Jelas kelihatan bahawa masih wujud perasaan perkauman di mana Orang-orang Cina menganggap dirinya sebagai satu ras dan Orang Melayu sebagai ras lain. Bagi Orang Melayu (15%) menganggap bahawa hak mereka tidak patut dipersoalkan lagi seolah-olah tergambar satu anggapan di mana Orang Cina itu orang asing atau orang yang mendatang. Jelas terlihat bahawa bagi kedua-dua pihak Melayu dan Cina masih kekal perasaan perkauman. Soal ras masih menjadi faktor kepada kemarahan atau animosity bagi anggota-anggotanya.

D. Peringkat Sikap dan Aksi Dalam Hubungan Politik

Dalam menganalisa hubungan politik di peringkat sikap dan aksi adalah perlu untuk menjelaskan apa yang dilihat atau dianggap (perceive) oleh responden dan bukan dari apa hakikat sebenarnya. Anggapan seseorang itu (perception) selalunya boleh membawa kepada kebenarannya sendiri lantas menjadi satu kepercayaan kepada orang tersebut.

(38) Dalam perusahaan atau perniagaan 'Alibaba' ini Orang Melayu ber-kongsi dengan Orang Cina tetapi Orang Melayu hanya menjadi pemegang lesen sahaja sedangkan yang menjalankan perusahaan se-benarnya adalah Orang Cina.

Dari kenyataan mengenai hubungan politik dalam Bab IV tadi terdapat bermacam pendapat, anggapan dan pola perhubungan. Orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh menyokong Parti Perikatan tetapi dasar-dasar parti itu tidak semua dipersetujui. Misalnya hak istimewa Orang-orang Melayu dalam artikel 153 perlembagaan Malaysia mengenai pemberian Biasiswa, lesen-lesen Perniagaan dan bantuan-bantuan lain tidak disokong oleh Orang Cina. 40% daripada responden Cina tidak setuju tentang hak istimewa itu. Responden Melayu pula keseluruhannya menyokong hak istimewa itu. Asas bagi penentangan itu ialah ketidakadilan pemerintahan.

10% daripada responden Cina menganggap bahawa diskriminasi politik berlaku di Malaysia. Kerajaan yang disifatkan sebagai pemerintahan UMNO melakukan diskriminasi politik terhadap orang Cina. Kerajaan tidak memberi layanan atau pertolongan yang serupa kepada warganegara Malaysia. Mengikut mereka, semestinya semua warganegara mempunyai hak yang sama dalam semua segi. Dengan layanan yang tidak serupa seolah-olah orang Cina mempunyai taraf warganegara yang lebih rendah dari orang Melayu. Ketidakadilan ras dari segi politik ini boleh diatasi dengan satu cara iaitu mengamalkan sistem pemerintahan sosialisma di Malaysia. Golongan ini melihat negara komunis sebagai kiblat untuk mengatasi masaalah diskriminasi ras.

Majoriti dari orang Cina dan keseluruhan dari masyarakat Melayu melihat bahawa tidak harus digunakan perkataan diskriminasi dalam hubungan ras dari segi politik di Malaysia. Polisi kerajaan dijalankan penuh dengan pertimbangan dari berbagai segi. Ada rasionalisationnya

mengapa polisi kerajaan Malaysia bercorak 'perkauman' iaitu memberi keistimewaan kepada Orang-orang Melayu. Kemajuan yang dicapai oleh ras-ras yang berbeda di Malaysia tidak serupa, oleh itu harus ditekankan kepada ras yang kurang maju dan kurang bernasib baik.

Terdapat juga perbedaan pandangan dalam hak pimpinan politik di Malaysia. Orang Melayu di Sungai Suluh memberi sepenuh jaminan terhadap pimpinan itu untuk mencapai kesetabilan dan keselamatan politik. Orang Melayu berlindung di bawah pimpinan politik sekarang dengan harapan kedudukan mereka tidak digugat oleh sebarang keadaan. Hak dan kepentingan mereka pasti dipertahankan guna menjamin keutuhan Orang Melayu.

Majoriti dari responden Cina menegaskan bahawa kedudukan mereka masih tidak terjamin. Mereka mahu berlindung di bawah pimpinan politik yang sesuai dengan hasrat mereka. Mereka mempunyai ideologi politik yang berlainan sesuai dengan ideal mereka. Hidup di bawah pimpinan politik sekarang memang sesuai kalau tidak ada unsur-unsur diskriminasi ras. Dengan adanya unsur-unsur demikian jiwa mereka tidak senang. Mereka merasa bahawa mereka digolongkan kepada warganegara kelas kedua dalam stratifikasi masyarakat mengikut susunan ras.

Penduduk Cina dan Melayu di Sungai Suluh seolah-olah dipisahkan dengan rasa kekitaannya masing-masing dari segi politik. Ini jelas kelihatan dalam anggapan-anggapan dan pandangan yang mereka beri mengenai hubungan luar negeri seperti negara Cina Komunis, Singapura dan Indonesia. Hubungan dengan negara Cina Komunis dianggap perlu oleh Orang Cina atas alasan kepentingan politik, perdagangan dan keturunan. Hubungan dengan

Indonesia penting kerana ia jiran Malaysia.

Sebaliknya Orang Melayu melihat ketiga-tiga negara itu dari aspek yang berlainan. Mereka melihat hubungan dengan Cina penting hanya dari segi politik dan perdagangan dan sebahagian kecil (17%) melihat hubungan baik dengan Cina Komunis adalah merbahaya kerana ideologi yang berlainan. Orang Melayu melihat hubungan dengan Singapura sebagai hubungan jiran yang penuh dengan rasa waspada. Orang Melayu melihat hubungan dengan Indonesia sebagai hubungan keturunan dan jiran yang amat perlu.

Perbedaan yang jelas dari pernyataan-pernyataan di atas tadi ialah Orang Cina menganggap Negara Cina dan Singapura sebagai negara-negara yang memberikan kebanggaan dan 'emotional security', manakala Orang Melayu menganggap Indonesia sebagai negara yang diharap-harapkan untuk memenuhi kekosongan 'emotional insecurity'. Adalah jelas bahawa ras (keturunan) masih menjadi ukuran penting dalam 'identification' bagi tiap-tiap ras di Kampung Sungai Suluh.

Hubungan ras dari segi politik di Kampung Sungai Suluh mempunyai dua pola:

1. Dari segi hubungan di peringkat aksi, Orang-orang Cina dan Melayu bergerak seiringan jalan dengan parti-parti politiknya MCA dan UMNO yang merupakan wakil-wakil parti dalam satu perikatan. Mereka berlindung di bawah satu bumbung politik iaitu Parti Perikatan. Mereka menuju satu matlamat untuk membina satu negara berbilang ras yang adil dan saksama.

2. Dari segi hubungan di peringkat sikap terdapat 'divergences' dalam beberapa hal. Sesuatu yang seolah-olah menguntungkan hanya satu ras akan menyebabkan ras yang lain merasa disingkirkan (deprived). Anggota-anggota dalam satu-satu ras masih jelas terlihat dengan rasa kekitaan golongannya atau sejenisnya.

"Penduduk Singapura telah dilahirkan untuk jika dihadapkan dengan kasyuq-hasyuq lain, banyak mata peacock di sini," tulis seorang pelajar Tua-tua yang baru tinggal di sana lima-tiga tahun. Kata-kata yang kali ini ketemaranya. Penduduk di Singapura merupakan perkerjuan yang bermacam-macam. Ada yang bekerja dalam kerajaan, majlis, berniaga, berkebun, menjadi pelajar dan bukan-buana kerja kerian. Penduduk kaum ini tidak sanggup bersaing dari segi pendidikan dan pengetahuan. Penduduk-penduduk yang menganggap sendiri dirinya sebagai suatu kaum angkuhan selain kaum Cina. Kacau yang tidak suka menjadi bila memiliki ke lelu dikatakan malaya.

Dari hasil survei kajang itu kesudahan pendapatan responden boleh dilihat di bawah-

Pendapatan Penduduk Selain Rasi Responden Melayu dan

Cina di Singapura

Pendapatan (R)	Cina	Melayu
0 - - 99	4	22
100 - - 199	16	24
200 - - 299	12	10

BAB V

HUBUNGAN DARI SEGI EKONOMI

"Penduduk Sungai Suluh boleh dikatakan mewah jika dibandingkan dengan kampung-kampung lain, banyak mata pencarian di sini", demikian kata seorang Polis yang baru tinggal di situ kira-kira 3 tahun. Kata-katanya tadi ada kebenarannya. Penduduk di Sungai Suluh mempunyai pekerjaan yang bermacam-macam. Ada yang bekerja dengan kerajaan, majikan, berniaga, berkebun, menjadi nelayan dan lain-lain kerja harian. Penduduk kampung ini tidak mengalami kesulitan dari segi mendapatkan mata pencarian. Pemuda-pemuda yang menganggur mendapat kerja sebagai kuli kebun sayur dan kebun-kebun kelapa. Mereka yang tidak mahu menjadi kuli memilih ke laut untuk menjadi nelayan.

Dari kajian mengenai kampung itu kedudukan pendapatan responden boleh dilihat di bawah:-

Kedudukan Pendapatan Bulanan Bagi Responden Melayu danCina di Sungai Suluh

Pendapatan (\$)	Cina	Melayu
0 - 99	4	22
100 - 199	16	24
200 - 299	12	10

Pendapatan (\$)	Cina	Melayu
300 - 399	6	2
400 - 499	6	0
500 - 599	4	6
600 - 699	2	4
700 - 799	4	2
800 - 899	2	0
900 - 999	0	0
Lebih dari 1000	4	0
JUMLAH	60	70

Pukulrata pendapatan bagi penduduk Melayu (responden) ialah 197 ringgit sebulan manakala Orang Cina ialah 500 ringgit sebulan. Pendapatan paling rendah bagi Orang Melayu ialah 60 ringgit dan yang paling tinggi 750 ringgit. Bagi Orang Cina pendapatan paling rendah ialah 90 ringgit dan yang paling tinggi 3000 ringgit. Orang Melayu yang mempunyai pendapatan kurang dari 100 ringgit sebulan adalah sejumlah 31.4% manakala Orang Cina hanya 6.6%. Orang Melayu dan Cina ramai yang tergolong dalam jumlah pendapatan antara 100 dan 499 ringgit sebulan iaitu 51.4% bagi penduduk Melayu dan 60% bagi Orang Cina. Pendapatan dari 500 hingga 999 ringgit, Orang Melayu sejumlah 17.1% manakala Orang Cina 20%. Tetapi terdapat 4 responden atau penduduk Cina yang mempunyai pendapatan lebih dari 1000 ringgit manakala Orang Melayu tidak ada.

Dari butir-butir di atas menunjukkan bahawa Orang Cina lebih kaya dari Orang Melayu (mengikut kriteria pendapatan mereka). Sungguhpun

begitu Orang Melayu tidak ramai yang benar-benar miskin dan tidak ada yang mempunyai pendapatan kurang dari 50 ringgit. Pendapatan antara 60 hingga 100 ringgit sebulan hanya 31.4% sahaja dari responden yang dikaji sedangkan majoriti dari mereka mempunyai pendapatan lebih dari 100 ringgit. Boleh dianggap bahawa penduduk Melayu dan Cina sebagai 'mewah' menurut pengertian polis diawal tadi.

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi berlaku interaksi antara Orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh. Dalam banyak hal mereka tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Mereka hidup saling bergantungan dan sekurang-kurangnya tetap ada sumbangan satu-satu ras terhadap yang lain. Dapat disaksikan bagaimana hubungan demikian ujud dari segi perniagaan, menangkap ikan, bekerja dengan majikan dan menjalankan perusahaan secara perkongsian.

Dari segi hubungan ekonomi ini jelas kelihatan hubungan di peringkat sikap dan aksi. Perbuatan diskriminasi berlaku terutama dalam pekerjaan dengan majikan-majikan Cina. Hal ini berlaku dalam kerja hari yang menggunakan upah harian seperti kerja menanam sayur, menebas semak dan kerja kontrek. Diskriminasi dilakukan terhadap pekerja-pekerja Melayu oleh taukeh dan kontrektor Cina. Dalam kerja hari seperti ini terdapat perbedaan upah antara pekerja Melayu dan Cina. Di kebun sayur pekerjaan yang sepatutnya menerima upah \$3.50 sehari pekerja Melayu hanya mendapat \$2.00 sahaja sedangkan pekerja-pekerja Cina mendapat upah sepenuhnya. Keadaan ini amat dirahsiakan oleh taukeh Cina itu kerana kalau tidak pekerja-pekerja Melayu menjadi marah. Menurut pekerja-

pekerja Melayu itu tidak ada sebab mengapa harus dibedakan upah-upah mereka. Pekerja-pekerja Melayu ini adalah pekerja-pekerja yang terpilih iaitu kuat kerja, bertenaga dan berupaya untuk bekerja seperti mana pekerja-pekerja Cina yang lain. Mereka menegaskan kalaupun ada perbedaan kekuatan sedikit mengapa harus dikenakan perbedaan upah yang besar. Ini menunjukkan adanya unsur-unsur diskriminasi dan exploitasi terhadap Orang-orang Melayu.

Dalam pekerjaan menebas dan kontrek (jalanraya, membina jambatan dan bangunan-bangunan) terdapat juga perbedaan upah. Pekerja-pekerja Cina menerima upah \$7.00 manakala pekerja-pekerja Melayu hanya \$6.00 sehari. Kerja menebas pula didasarkan kepada jumlah ekar iaitu bagi tiap-tiap ekar mendapat upah serendah-rendahnya \$5.00 manakala Orang Cina \$6.00 atau lebih dari itu. Persoalannya mengapa harus dibedakan upah sedangkan kerja itu nyata mengikut jumlah yang ditetapkan. Menurut seorang pekerja Melayu yang dilakui kuat bekerja dan baik pekerjaannya oleh Orang Cina dan Melayu, bahawa upah yang dikenakan kepadanya pun berbeda juga. Jadi adalah jelas bahawa secara disedari Orang Melayu diberi upah yang berbeda dengan Orang Cina.

Sebenarnya faktor utama yang menentukan perbedaan ini ialah anggapan Orang Cina bahawa Orang Melayu itu malas. Stereotype yang demikian dianggap benar dari semua kes dari segi apa sahaja pekerjaan yang dibuat oleh Orang Melayu. Fakta kebenaran tidak dapat menggoangkan pendirian atau anggapan mereka dan bagi mereka yang telah menyedari hakikat kebenarannya mengambil kesempatan mungkin untuk mengexploitasi

pekerja-pekerja itu.

Ada dua faktor mengapa Orang-orang Melayu tidak membantah terhadap perbuatan diskriminasi itu. Pertama, kehidupan pekerja-pekerja itu bergantung kepada taukeh Cina. Setengahnya menjadi kuli tetap dari muda sampai ketua. Mereka takut, kalau mereka membantah, diberhentikan daripada kerja dan menyebabkan hilang mata pencarinya. Keduanya, perbedaan upah ini seolah-olah telah menjadi tradisi kepada hubungan Melayu dan Cina dalam pekerjaan. Sejak tahun-tahun pembukaan Kampung Sungai Suluh dahulu hingga ke hari ini wujud pemberian upah yang berbeda dalam pekerjaan harian. Orang Melayu tidak secara langsung menerima upah yang berbeda itu walaupun acapkali bila ditanya merasa tidak puas hati.

Hubungan Ras Dalam Perniagaan

Orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh sangat bergantungan antara satu sama lain dari segi perniagaan. Peniaga Cina lebih banyak bergantung kepada pengguna-pengguna Melayu dari peniaga Melayu bergantung kepada pengguna-pengguna Cina. Hubungan ini dapat dikesan dari peranan penduduk dari kedua-dua ras sebagai pengguna kepada barang-barang jualan peniaga-peniaga itu.

Di Sungai Suluh terdapat 10 buah kedai barang-barang runcit. Tujuh diantaranya kepunyaan Orang Cina dan yang tiga lagi dippunyai oleh Orang Melayu. Sebuah daripada kedai Melayu itu adalah Kedai Syarikat Serbaguna yang ahli-ahlinya kesemuanya Orang Melayu iaitu seramai 117 ahli. Selain dari itu terdapat 6 buah kedai kopi, dua buah kepunyaan

Melayu dan yang lain kepunyaan Cina. Terdapat dua buah kedai basikal, sebuah kedai perabut dan sebuah kedai jahit yang kesemuanya kepunyaan Orang Cina.

Menurut pekedai-pekedai Cina itu bahawa pengguna-pengguna Melayu merupakan 50% daripada pembeli-pembeli di kedainya. Mengikut mereka kalau tidak ada pembeli Melayu nescaya keuntungan yang mereka dapati hanya separuh dari mereka perolehi. Sebaliknya di kedai-kedai Melayu peratus pembeli Cina sangatlah kurang iaitu pukul rata 5% daripada keseluruhan pembeli.

Situasi di atas disebabkan oleh beberapa faktor:

- i) Pengguna-pengguna mempunyai rasa dan hak sendiri untuk pergi ke mana-mana kedai yang disukainya. Ini merupakan dasar perniagaan. Orang Cina suka pergi ke kedai Cina mungkin kerana mendapat layanan yang baik dari pekedainya.
- ii) Pekedai-pekedai telah mempengaruhi pembeli disebabkan oleh daya tarikannya dan budinya, Orang-orang yang telah berhutang di sebuah kedai merasa segan kalau ia pindah ke kedai lain untuk membeli barang keperluannya. Kerana selalunya pekedai yang memberinya hutang tadi akan berkata, "kalau hutang di kedai saya, kalau bayar tunai di kedai lain". Mungkin juga pengaruh itu disebabkan oleh hubungan membeli-belah yang telah lama.

Pengaruh seperti ini telah lama ujud di kedai Cina. Pelanggan-pelanggan Melayu dan Cina telah berhubungan dengan pekedai-pekedai Cina dengan kerap kerana kedai-kedai itu telah lama bertapak sedangkan kedai-

kedai Melayu hanya terbina selepas tahun 1960. Pekedai-pekedai seolah-olah telah berjasa kepada pelanggan-pelanggan dan bagi pelanggan pula tidak senang kalau pindah ke kedai baru. Keadaan ini lebih terasa apabila pelanggan-pelanggan tadi menjual barang-barang keluaran mereka (barang mentah) seperti pisang, kelapa, sayur dan ikan kepada pekedai-pekedai tadi. Secara tidak langsung pelanggan-pelanggan tadi terpaksa membeli barang-barang dari kedai itu.

iii) Pelanggan-pelanggan membeli barang-barang keperluan di sesebuah kedai sahaja kerana mereka menjadi ahli kepada syarikat kedai itu. Ini jelas terlihat kepada kedai Syarikat Serbaguna di mana majoriti dari penggunanya adalah ahli kepada syarikat itu. Ahli syarikat merupakan tujuh puluh peratus daripada pembeli tetap di kedai Syarikat Serbaguna.

Perniagaan di Sungai Suluh berlangsung mengikut kaedah ekonomi bebas. Terdapat pertandingan antara kedai-kedai terutama kedai-kedai barang runcit. Pekedai-pekedai Cina juga tidak pernah bermuafakat antara mereka untuk memonopoli perniagaan dan bertanding dengan Orang Melayu. Malah terdapat pertandingan hebat antara dua buah Kedai Cina yang berpengaruhi di situ. Kedai-kedai ini meletakkan harga yang minima dengan tujuan melariskan barang-barang mereka. Masing-masing kedai cuba meletakkan harga barang yang lebih murah antara satu sama lain. Dengan adanya pertandingan demikian pembeli-pembeli yang beruntung kerana dapat mengambil kesempatan membeli barang-barang yang paling murah harganya di kedai-kedai tersebut.

Soal mengapa Orang Cina tidak ramai yang pergi ke kedai Melayu boleh dihuraikan di sini. Kedai Melayu yang menjual barang runcit hanya ujud tidak lebih dari 10 tahun lalu. Dengan ini Orang-orang Cina mahu pun Orang Melayu telah menjadi pelanggan-pelanggan tetap di kedai-kedai lain yang lebih lama ditubuhkan. Untuk meninggalkan satu kedai tetap dan pindah ke kedai lain sudah tentu ujud berbagai-bagai situasi seperti kurang mesra, segan hendak berhutang dan lain-lain situasi baru. Walau bagaimanapun sebahagian kecil dari Orang Cina menjadi pelanggan tidak tetap di kedai-kedai Melayu. Tetapi mereka hanya menjadi pembeli kepada barang-barang ringan seperti rokok, garam dan lain-lain. Kadang-kadang mereka hanya berbelanja di situ apabila kehabisan barang di kedai lain.

Hubungan Nelayan Dengan Peraih

Nelayan di Kampung Sungai Suluh menghadapi penindasan dari orang tengah (peraih) Cina. Penindasan berlaku kerana sikap peraih yang mahu cari untung dengan mudah. Penindasan juga lahir dari keadaan yang membolehkan ianya berlaku.

Terdapat 40 orang nelayan Melayu di Sungai Suluh. Nelayan ini adalah nelayan kecil-kecilan yang menggunakan sampan kecil untuk menangkap ikan di laut. Tiga orang dari nelayan itu mengeluarkan modal sendiri untuk membeli alat-alat menangkap ikan seperti jaring, sampan dan lain-lain. Nelayan-nelayan yang lain diberi modal oleh peraih-peraih Cina. Modal ini dibayar balik oleh nelayan secara ansuran mengikut hasil tangkapan mereka. Kalau besar hasil tangkapan maka besarlah bayarannya dan kalau sedikit, sedikit pula yang harus diberi kepada pemodal itu.

Setakat kini $\frac{3}{4}$ daripada mereka telah selesai membayar hutang mereka. Tetapi mereka sering menjualkan ikan mereka kepada taukeh asal. Satu situasi timbul di mana peraih tadi membeli ikan mereka dengan harga yang murah dibandingkan dengan harga sebenarnya. Keadaan ini berlaku di waktu peraih Melayu belum ada lagi setahun yang lalu. Dua orang peraih Cina yang ada pada masa itu membuat pakatan sesama mereka untuk membeli ikan dari nelayan dengan harga yang murah dan sama. Nelayan-nelayan itu memberi contoh kepada keadaan penindasan itu, kalau harga ikan di pasar bandar Batu Pahat ialah 50 sen sekali peraih-peraih tadi membeli dari mereka dengan harga 40 sen atau kurang dari itu. Lebih tinggi harga ikan lebih banyak pula perbedaan harga yang dikenakan. Misalnya kalau harga udang \$2.00 di Batu Pahat, di Sungai Suluh hanya \$2.80 sen atau kurang.

Keadaan penjualan kepada peraih-peraih itu dan perbedaan harga yang dikenakan tidak dapat dielakkan kerana mereka telah terikat dengan peraih-peraih itu. Peraih-peraih tadi adalah juga pekedai-pekedai barang runcit yang sanggup memberi hutang barang-barang makanan jika nelayan-nelayan tadi memerlukan. Seringkali hutang mereka bertambah dan pembayaran hutang adalah juga dari hasil tangkapan ikan. Selagi hutang mereka ada selagi itu mereka terikat dengan peraih.

Tetapi sejak setahun lalu keadaan ini berubah sedikit. Nelayan-nelayan tadi sudah berani menyuarakan hasrat bantahan mereka terhadap peraih itu. Mereka bersatu dalam keadaan yang melibatkan kepentingan mereka bersama. Misalnya seorang peraih Cina telah menggunakan dacing

yang salah timbangannya. Peraih itu diugut supaya menukar dacing itu kalau tidak mereka akan membuang dacing itu. Mereka berani berbuat demikian kerana telah muncul seorang lagi peraih dari ras Melayu. Dengan kemunculannya ramai dari nelayan-nelayan tadi menjual ikan kepada peraih baru itu.

Dalam masa kajian ini dibuat kedudukan penjualan ikan kepada peraih-peraih adalah seperti berikut:

- i) Peraih Melayu menguasai tujuh sampan - satu sampan mengandungi dua atau tiga nelayan.
- ii) Peraih Cina masing-masing menguasai tiga sampan.

Nelayan-nelayan tadi mempunyai peraih tetap kerana beberapa sebab:

- a) Nelayan-nelayan yang memindahkan penjualan ikannya kepada peraih Melayu adalah nelayan-nelayan yang bebas dari berhutang kepada peraih-peraih Cina.
- b) Nelayan-nelayan yang masih menjualkan ikan-ikan mereka kepada peraih-peraih Cina adalah mereka yang masih berhutang dan merasaikan bahawa peraih tadi telah berhutang budi kepadanya.

Dengan munculnya peraih Melayu tadi penindasan harga tidak berlaku lagi. Peraih-peraih bertanding sesama mereka untuk membeli ikan dengan harga yang paling mahal dari nelayan. Pertandingan antara peraih-peraih menyebabkan penindasan harga ikan tidak berlaku lagi, walaupun seolah-olah ada ikatan yang tetap antara peraih dengan nelayan. Nelayan

tadi sebenarnya bebas untuk menjual ikannya kepada sesiapa sahaja walaupun mereka ada hutang tertentu kepada peraih tadi. Mereka boleh menjualkan ikan mereka kepada peraih Melayu dan membayar hutang mereka dengan cara tunai kepada peraih asalnya.

Mengikut peraih Melayu tadi pernah ia diajak oleh kedua-dua peraih Cina itu untuk bekerjasama dengan mereka meletakkan harga yang sesuai dan yang menguntungkan mereka. Tujuan mereka adalah untuk melakukan penindasan harga ikan. Peraih Melayu itu enggan menurut ajakan-nya kerana ia merasakan bahawa ia akan menindas kaumnya sendiri. Dengan keengganannya itu harga ikan di Sungai Suluh tidak jauh bedanya dengan harga di bandar Batu Pahat. Kalau di bandar Batu Pahat ikan dijual dengan harga 60 sen di Sungai Suluh berharga 55 sen sekati.

Kita lihat bahawa hubungan nelayan (Melayu) dengan peraih Cina adalah hubungan antara penindas dan yang ditindas. Penindasnya ialah peraih Cina dan yang ditindas ialah nelayan Melayu. Penindasan tidak berlaku lagi apabila Orang Melayu sendiri mengambil bahagian dalam bidang peraihan dan bila peraih Melayu itu sendiri tidak bersikap seperti penindas tersebut.

Perkongsian Dalam Perusahaan Antara Melayu Dan Cina

Perkongsian antara Orang-orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh dalam perusahaan dapat dilihat dalam perusahaan Syarikat Bas Sungai Suluh dan perusahaan kontrak. Perusahaan ini menekankan bahawa Orang Melayu dan Orang Cina bergabung dalam satu kegiatan ekonomi, menjadi anggota yang sama-sama aktif, mengeluarkan modal bersama dan menanggung

risiko bersama.

Dalam perusahaan Syarikat Bas Sungai Suluh ada empat orang yang menjadi pemegang saham utama. Maksudnya empat orang inilah yang telah mengeluarkan modal berkongsi menubuhkan syarikat itu. Tiga orang daripadanya adalah Cina dan seorang Melayu. Syarikat ini ditubuhkan dalam tahun 1961 dengan modal permulaan sebanyak \$50,000 dan tiap-tiap seorang mengeluarkan \$12,500. Perkhidmatan permulaannya ialah dengan dua buah bas yang boleh memuat 14 penumpang tiap-tiap satu. Perkhidmatannya adalah dari Kampung Sungai Suluh hingga ke bandar Batu Pahat.

Dalam masa kajian (Mach 1973) jumlah kenderaan yang digunakan ialah 9 buah, 5 daripadanya bas dan 4 buah adalah teksi. Empat buah teksi itu disewakan manakala kelima-lima buah bas itu dikendalikan sendiri. Setakat ini terdapat 11 orang pekerja syarikat yang tetap, 4 daripadanya Orang Melayu dan yang lain Orang Cina. Pengurus bas ini adalah seorang Melayu yang menjadi salah seorang pemegang kongsi syarikat bas itu.

Mengikut pengurus Syarikat Bas itu, penubuhan syarikat itu adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Mengikut syarat dari kerajaan, syarikat itu pastilah dikendalikan oleh Orang Melayu dan Cina memandangkan jumlah penduduk yang sama-sama ramai bagi kedua-dua ras. Dengan syarat itu Orang-orang Melayu dan Cina terpaksa bersatu kalau ingin ditubuhkan sebuah syarikat bas. Dan syarat dari kerajaan itu telah terlaksana.

Kerjasama antara Orang Melayu dan Cina dalam perusahaan Syarikat bas ini amat erat sekali. Asas kerjasama itu ialah kejujuran,

kepercayaan dan amanah. Aspek-aspek ini penting tambahan pula perusahaan itu merupakan perusahaan antara dua ras. Dalam usia perkhidmatannya selama lebih kurang 12 tahun beberapa kes telah berlaku. Lapan tahun sejak perlaksanaannya pengurus syarikat itu ialah seorang Cina tetapi pengurus itu telah menyalah gunakan wang syarikat itu untuk kepentingan-nya sendiri. Dengan penyelewengan ini beliau telah dipecat oleh Jemaah Syarikat itu dan digantikan oleh seorang Melayu yang diberi penuh kepercayaan.

Kes yang kedua ialah pemecatan pemandu bas dari ras Cina oleh Jemaah Syarikat itu yang terdiri dari anggota-anggota perkongsian. Pemecatan ini adalah pada tahun 1971. Pemandu itu dikatakan sebagai tidak bertugas dengan memuaskan.

Kedua-dua kes di atas menunjukkan bahawa dalam Syarikat Bas yang diusahakan oleh Orang-orang Melayu dan Cina ini pilih kasih kepada satu-satu ras tidak wujud. Sepatah kata pengurus bas itu, "Dalam apa-apa syarikat di Malaysia saya setuju kalau ia merupakan perkongsian antara Melayu dan ras lain kerana dengan demikian anggota dari satu ras akan menjadi pemerhati kepada partnernya dan hasilnya ialah perjalanan syari-kat yang lebih licin".

Di lihat dari jumlah pekerja di syarikat itu terdapat perseimbangan yang sesuai antara pekerja-pekerja Melayu dan Cina. Kadar pekerja (4 orang Melayu : 7 orang Cina) sesuai dengan kadar modal (1 bagi Orang Melayu : 3 bagi Orang Cina).

Perkongsian dalam perusahaan antara Melayu/Cina ini terdapat juga dalam bidang kontrek. Di Sungai Suluh seorang Melayu telah ber-kongsi dengan seorang Cina untuk menjalankan kontrek seperti membina jalanraya, jambatan dan bangunan. Perkongsian ini diasaskan setahun lalu dan sebelum itu mereka menjalankan usaha kontrek secara bersendirian. Mengikut mereka, dalam satu-satu usaha yang dijalankan, mereka mengeluar-kan modal bersama dan keuntungan yang didapati dibahagi dua.

Perkongsian dalam kontrek ini mengikut mereka memerlukan kepercayaan (saling percaya mempercayai) antara satu sama lain. Masing-masing pasti bekerja keras untuk menjayakan usaha itu. Perasaan tang-gungjawab juga perlu. Tiap-tiap usaha yang dijalankan perlu ada dedikasi dan sifat amanah.

Perkongsian Melayu/Cina dalam Syarikat Bas dan kontrek ini adalah satu kejayaan bagi masyarakat berbilang ras di Sungai Suluh khususnya dan Malaysia amnya. Syarat-syarat kerajaan yang menentukan bahawa penubuhan Syarikat Bas di Sungai Suluh pasti melambangkan ras yang telah terbukti kewujudannya. Perkongsian Melayu/Cina secara suka-rela (tiada syarat dari kerajaan) telah terbukti juga dalam perusahaan kontrek. Kerjasama yang erat antara Orang Melayu dan Cina dalam satu-satu perusahaan, sudah tentu dapat menjadi asas kepada integrasi masya-rakat berbilang ras. Kerjasama dalam perusahaan ini memberi keyakinan kepada kedua-dua ras untuk lebih memahami antara satu sama lain. Dengan kerjasama demikian sudah tentu lahir pemikiran baru di kalangan mereka untuk terus menggembeling tenaga demi melanjutkan perusahaannya dan

menjamin keutuhan dan kepentingan bersama.

Anggapan Terhadap Dasar Ekonomi Malaysia

Malaysia kini sedang dalam Rancangan Malaysia Keduanya. Rancangan yang memakan masa lima tahun ini (1971 - 1975) mempunyai strategy pembangunan atau matlamat,

"..... to eradicate poverty among all Malaysians, irrespective of race, and to restructure Malaysian Society in order to correct racial economic imbalance, in the context of an expanding economy leading towards the creating of a dynamic and just society..... so as to reduce and eventually eliminate the identification of race with economic function".⁽³⁹⁾

Dengan latarbelakang kenyataan di atas responden-responden di Kampung Sungai Suluh dihadapkan dengan dua soalan:-

- (1) Adakah anda setuju bahawa dalam mengimplementasi dasar itu Orang Melayu diberi lebih perhatian dari ras lain di Malaysia?
- (2) Mungkinkah matlamat kerajaan untuk mencapai tiga puluh peratus kekayaan Malaysia di tangan Orang Melayu dalam masa dua puluh tahun itu tercapai?

Mengenai soalan yang pertama bahawa Orang Melayu diberi lebih perhatian dalam mengimplementasi dasar kerajaan Malaysia, 94.3% dari-

(39) Lihat Second Malaysia Plan, Government Press, Government Printer, Kuala Lumpur, 1971, m. s. 1.

pada responden Melayu bersetuju. 5.7% daripada mereka tidak bersetuju. Mereka yang bersetuju melihat bahawa Orang Melayu benar-benar cuba untuk dipertinggikan taraf hidup mereka oleh kerajaan yang memerintah dengan menjalankan berbagai-bagai rancangan yang dapat disertai oleh mereka. Misalnya Rancangan LKTP (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), Penubuhan FAMA(Food Agricultural Marketing Authority) projek pembinaan taliair dan projek-projek pembangunan yang lain. Tapi mengikut mereka perhatian yang lebih terhadap Orang Melayu ini mempunyai rasionalizationnya. Mereka menyatakan bahawa bilangan Orang Melayu yang miskin jauh lebih ramai dari ras lain. Orang-orang Melayu tinggal di luar bandar dan masih ketinggalan dalam serba lapangan terutama lapangan ekonomi. Taraf hidup mereka masih rendah jika dibandingkan dengan ras lain di Malaysia. Mereka menjadi petani dan nelayan yang tidak menggunakan teknik-teknik moden. Mereka masih jauh dari kelengkapan-kelengkapan yang wujud di bandar seperti kemudahan-kemudahan perhubungan dan letrik, kesihatan, pembekalan air dan persekolahan. Mengikut mereka, pembasmian kemiskinan sebenarnya terletak di kalangan Orang-orang Melayu kerana secara komparatif ras-ras lain lebih maju.

5.4% daripada responden Melayu tidak setuju bahawa kerajaan Malaysia lebih menumpukan perhatian kepada Orang Melayu sahaja. Mereka menganggap bahawa layanan dari kerajaan adalah sama kepada semua rakyat hanya bentuknya berlainan. Kalau Orang Melayu digalakkan untuk menyertai bidang-bidang perindustrian dan perniagaan, Orang-orang Cina diberi peluang untuk menjalankan aktiviti ekonomi mereka. Misalnya kalau

Orang Melayu diberi bantuan atau keistimewaan dalam mengusahakan sebuah enterprise ekonomi seperti membuka kedai, mengusahakan kayu balak, Orang Cina mendapat keistimewaan yang serupa, misalnya mereka mendapat kemudahan-kemudahan perasarana seperti sistem perhubungan, kemudahan kredit, kawasan-kawasan perindustrian di bandar-bandar, lesen-lesen perusahaan, perlindungan undang-undang terhadap barang pengeluaran mereka dan pengecualian dari cukai bagi perusahaan bertaraf printis⁽⁴⁰⁾. Orang-orang Cina juga, mengikut mereka dibenarkan untuk memohon dan mendapat tempat dalam projek-projek kerajaan yang besar seperti LKTP kelapa sawit dan getah.

Anggapan bahawa Orang Melayu mendapat lebih perhatian hanya lahir dalam pemikiran yang dipengaruhi oleh mass media kerana selalu sahaja apabila projek-projek kerajaan dijalankan propaganda-propaganda yang membesar-besarkan tentang rancangan kerajaan untuk pembangunan Orang Melayu disiarkan dalam mass media itu.

90% daripada responden Cina bersetuju dengan kenyataan bahawa dalam mengimplementasi dasar ekonomi Malaysia, kerajaan menumpukan lebih perhatian kepada Orang Melayu. Pada dasarnya persetujuan mereka menunjukkan simpatinya terhadap kedudukan dan keadaan Orang Melayu yang miskin dan perlu menerima layanan sepatutnya. Mereka menerangkan juga bahawa perhatian atau pertolongan dari kerajaan itu mustahak untuk me-

(40) Kompeni bertaraf printis dikecualikan dari membayar cukai dari satu hingga tujuh tahun. Syarikat-syarikat yang diberi taraf printis pada akhir tahun 68 ialah sebanyak 400 buah.

ujudkan keharmonian hidup antara ras di Malaysia. Mereka menganggap bahawa kemiskinan Orang Melayu itu akan menjadi punca perselisihan antara Melayu dan bukan Melayu di masa akan datang. Oleh itu sebelum keadaan yang lebih buruk berlaku biarlah kerajaan membuat tindakan yang sewajarnya.

Tetapi dalam memberi perhatian dan pertolongan kepada Orang Melayu, mereka tidak setuju mengenai cara perlaksanaannya. Mereka menganggap pemberian-pemberian bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada Orang Melayu terutama dari segi enterprise ekonomi sangat terburu-buru dan melulu hingga banyak sekali yang menerima kegagalan. Pertolongan itu seolah-olah tidak mempunyai apa-apa kesan dan tidak dapat mencapai tujuan asalnya. Mereka memberi contoh tentang pemberian lesen taxi dan permit-permit lesen balak yang kebanyakannya disewakan dan diusahakan oleh Orang Cina. Pada hakikatnya Orang Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan "pada nama sahaja". Tujuan asal ialah penyertaan yang aktif dalam bidang itu oleh Orang Melayu. Mereka menganggap pemberian lesen-lesen dan permit-permit itu sebagai sia-sia dan merugikan Orang Melayu serta kerajaan sendiri.

10% daripada responden Cina bersetuju dengan kenyataan bahawa Orang Melayu diberi lebih perhatian dari Orang Cina. Tetapi persetujuan mereka menunjukkan bahawa mereka tidak suka dengan implementasinya yang telah menyeleweng. Mereka menegaskan kerajaan tidak harus bersikap demikian kerana ia merupakan satu diskriminasi kepada Orang-orang Cina yang berhak mendapat layanan yang sama mengikut dasar Rancangan Malaysia

Kedua. Mereka menyatakan lagi bahawa Orang Cina juga ramai yang susah dan miskin. Sepatutnya mereka dilayan sama sebagai warganegara yang sah. Kalau-lah wujud diskriminasi seperti ini, jadi, bagaimanakah kerajaan ingin mencapai matlamat mengurangkan jurang perbedaan antara yang berada dan tidak berada? Kalau dilihat dari implementasi dasar ekonomi ini, Kerajaan Malaysia telah gagal untuk meujudkan negara Malaysia yang dinamik dan adil kerana diskriminasi demikian merupakan satu "deprivation" kepada Orang Cina.

Mengenai persoalan yang kedua,

"The Government has set a target that within a period of 20 years Malays and other indigenous people will manage and own at least 30% of the total commercial and industrial activities in all categories and scales of operation"⁽⁴¹⁾. Terdapat berbagai pendapat dan anggapan dari Orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh mengenai kenyataan di atas.

Lapan puluh peratus daripada responden Melayu merasa optimistik mengenai hal ini, 17% pesimistik dan 3% tidak memberi apa-apa pandangan. Mereka yang optimistik melihat bahawa Rancangan Malaysia yang sedang berjalan sangatlah menggalakkan terutama dalam usaha Orang Melayu maju dalam bidang ekonomi. Orang Melayu diberi peluang seluas-luasnya untuk menyertai lapangan hidup yang mereka masih ketinggalan terutama dalam perniagaan dan perindustrian. Kerajaan umpamanya telah menuahkan badan-badan tertentu seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat), PERNAH (Perbadanan Nasional), UDA (Urban Development Authority) dan SEDC (State Economic

(41) Second Malaysia Plan, op. cit., m. s. 41.

Development Corporation. Badan-badan ini bertujuan untuk menolong dan memberi kemudahan-kemudahan asas kepada Orang Melayu dari segi perusahaan dan perniagaan.

Kerajaan juga telah memberi galakan sepenuhnya kepada Orang Melayu untuk melanjutkan pelajaran keinstitusi-institusi tinggi dengan kemudahan yang diberi seperti pemberian biasiswa-biasiswa negeri dan Persekutuan guna untuk memberi asas ilmu pengetahuan dan kecekapan dalam bidang-bidang hidup seperti perusahaan dan perniagaan. Sebaliknya dedikasi dari kerajaan ini telah disambut baik oleh Orang Melayu lan-taran dari kesedaran yang timbul pada mereka. Dengan melihat perjalanan sekarang ini, mereka merasa optimistik bahawa 30% kekayaan negara dalam perusahaan dan perniagaan dapat dicapai oleh Orang Melayu dalam jangka masa 20 tahun.

Tujuh belas peratus daripada responden Melayu menganggap bahawa matlamat kerajaan seperti yang disebut di atas tadi tidak akan berjaya. Mereka memberi alasan-alasan seperti berikut:-

i) Implementasi dasar kerajaan adalah tidak betul. Mengikut mereka dasar yang tertulis dalam Rancangan Malaysia Kedua memang baik tetapi pegawai-pegawai yang menjalankan tugas untuk menjayakan dasar itu kurang berdedikasi. Mengikut mereka berlaku kejadian korupsi di mana peruntukan yang diberi untuk kepentingan perdagangan dan perusahaan Melayu telah salah gunakan untuk memenuhi kepentingan mereka sendiri. Mengikut mereka setengah-setengah daripada permit-permit dan lesen-lesen perusahaan diberi kepada Orang Cina oleh pihak yang

berkuasa dengan tujuan untuk mendapat keuntungan dari pemberian itu.

ii) Kebanyakan Orang Melayu masih belum sedar tentang kedudukan mereka. Responden-responen ini berpendapat bahawa kesedaran sangat perlu sebelum seseorang itu dapat bertindak untuk mencapai kemajuan. Mengikut mereka kebanyakam Orang Melayu masih belum dapat menyedari hakikat bahawa mereka dalam keadaan yang mundur dan perlu diubah sikap untuk memperbaiki keadaan mereka. Perubahan sikap hanya timbul bila ada kesedaran pada seseorang itu. Umpamanya sifat malas, sikap fatalis dan cepat berpuas hati hanya dapat diubah dengan kesedaran dalam diri seseorang itu.

iii) Orang Melayu telah jauh ditinggalkan oleh ras lain dalam bidang perekonomian. Mereka menganggap bahawa walau bagaimana pesatnya kadar kemajuan Orang Melayu, mereka tidak akan dapat mengejar atau mencapai kadar kemajuan ras-ras lain seperti Cina di Malaysia. Ini disebabkan oleh kedudukan ekonomi Orang Melayu dan bukan Melayu sekarang ini yang jauh bedanya. Orang Cina misalnya telah mempunyai tapak (asas) yang kukuh dalam bidang perniagaan dan perindustrian dan dengan asas yang kukuh ini sudah tentu kadar kemajuan seterusnya menjadi lebih pesat melainkan kalau keadaan itu disekat. Orang Melayu dengan asas ekonominya yang lemah, sungguhpun dibantu oleh badan-badan kerajaan, akan mengalami kadar kemajuan yang tidak sama seperti Orang-orang Cina. Oleh itu dengan asas ekonomi yang berbeda dan kadar kemajuan yang berlainan pula maka jurang yang ada sekarang tetap ujud dan Orang Melayu masih terletak di takuk lama.

Dr. Mahathir menganggap keadaan ini sebagai satu Dilemma bagi Orang Melayu dan katanya, "For every step forward the Malays make in the

economic field other races make ten"⁽⁴²⁾. Dr. Mahathir meneruskan bahawa dalam perniagaan bebas, "One race has full advantage over the other", oleh itu tak mungkin matlamat kerajaan itu berjaya.

iv) Lima peratus daripada responden Melayu yang pasimistik tadi memberi alasan yang seterusnya bahawa matlamat kerajaan itu tidak akan tercapai kerana kekayaan negara dalam bidang perindustrian dan perniagaan terletak di tangan pemodal-pemodal asing. Ini terbukti dari butir-butir yang tersebut di bawah:

Ownership of Share Capital of Limited Companies in

West Malaysia, 1969

Foreign Ownership	62.1%
Malay "	1.5%
Chinese "	22.8%
Indian "	0.9%

Rujuk: Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975, m.s.40

Kekayaan negara terbukti dari data di atas dimonopoli oleh pemodal-pemodal asing dalam bidang perindustrian dan perniagaan (62.1%). Orang Cina memegang modal sejumlah 22.8% sedangkan Orang Melayu hanya 1.5% sahaja. Kadar 1.5% ini mengikut responden tadi amat keci dibandingkan dengan kekayaan yang dipegang oleh orang asing. Adalah tidak munasabah kalau dalam keadaan ekonomi bebas Orang Melayu dapat mencapai 30% daripada kekayaan negara dalam jangka masa 20 tahun memandangkan asas

(42) Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, Donald Moore for Asia Pacific Press, Singapore, 1970, m. s. 47.

ekonomi yang begitu lemah.

Persoalan mengenai kemungkinan Orang Melayu mengendali dan memegang sekurang-kurangnya 30% dari seluruh kegiatan perusahaan dan perniagaan dalam jangka waktu 20 tahun dilihat dengan anggapan yang berlainan oleh responden Cina di Sungai Suluh. 82.5% daripada responden Cina menaruh harapan bahawa matlamat itu akan berjaya tapi dengan syarat-syarat tertentu. 6.6% darinya merasa pasimistik sedangkan 13.2% tidak memberi apa-apa pandangan.

Mereka yang menyatakan kemungkinan berjaya, menganggap usaha yang lebih giat amat perlu bagi Orang Melayu kalau tidak matlamat itu akan gagal. Mereka tidak optimistik dengan perjalanan kegiatan ekonomi Orang Melayu dan kerajaan sekarang. Jawapan-jawapan yang mereka beri semuanya bersyarat misalnya dimulakan dengan "kalau" seperti "kalau Melayu sedar..... kalau Melayu berusaha kuat kalau". Seolah-olah pernyataan mereka itu tidak menggambarkan keyakinan terhadap kejayaan matlamat kerajaan itu. Dari jumlah responden yang menaruh harapan tentang kejayaan matlamat kerajaan itu, 13% menyatakan bahawa ia akan berhasil kalau kerajaan melaksanakan undang-undang yang sesuai untuk menolong Orang Melayu. Undang-undang itu mengikut mereka akan membolehkan Orang-orang Melayu berpeluang mendapat kemudahan dan bantuan material yang dapat memudahkan kegiatan perusahaan dan perniagaan mereka.

6.6% daripada responden Cina menyatakan bahawa matlamat itu tidak akan berjaya kalau Orang Cina sendiri tidak bekerja sama untuk

menolong Orang Melayu dan memberi peluang tentang kewujudan pengusaha-pengusaha dan peniaga Melayu. Kerana kalau Orang Cina tidak memberi kesempatan sudah tentu enterprise Melayu tertekan. Misalnya apabila enterprise Melayu dibina, Orang-orang Cina lantas memulaukan enterprise itu dengan tidak mahu mengirim tempahan barang-barang asas yang dibuat oleh enterprise baru itu maka sudah tentu enterprise itu gagal untuk mencapai matlamatnya. Ataupun jika Orang-orang Melayu yang cuba untuk membuka kedai barang-barang dapur, tetapi kemudian pemberong-pemberong Cina tidak menjualkan beras atau gula mereka dengan hasrat melemahkan perniagaan Melayu maka perniagaan Melayu tidak akan berjaya.

Hubungan Dari Segi Ekonomi Diperingkat Aksi dan Sikan

Hubungan ras di Kampung Sungai Suluh adalah penting dalam memberi gambaran mengenai situasi hubungan Masyarakat yang jelas. Hubungan ini dapat dilihat apabila kedua-dua ras melakukan kegiatan-kegiatan ekonomi seperti dalam waktu berniaga, bekerja di kebun, mencari ikan dan lain-lain. Dalam menjalankan aktiviti ekonomi, Orang Cina dan Melayu sentiasa berkaitan antara satu sama lain. Kedua-dua ras memainkan peranan yang tertentu dalam bidang ekonomi di Kampung itu. Misalnya kalau Orang Cina menjadi Peniaga Orang Melayu menjadi Pembeli, kalau Orang Cina menjadi taukeh kebun Orang Melayu menjadi kulinya dan kalau Orang Melayu mengeluarkan hasil pertanian mereka Orang Cina yang menjadi orang tengah membeli hasil itu. Hubungan seperti ini telah menjadi pola masyarakat kampung itu sejak dahulu lagi.

Dilihat dalam konteks di atas boleh dikatakan bahawa hubungan

Orang Melayu dan Cina dari segi ekonomi adalah saling bergantungan antara satu sama lain. Selalunya hubungan demikian menguntungkan kedua-dua pihak tetapi hubungan seperti itu jugalah yang memberi peluang kepada satu-satu pihak untuk melakukan penindasan dan diskriminasi. Contohnya dapat dilihat dalam pekerjaan menebas, menanam sayur, kerja kontrek dan kerja-kerja lain (odd jobs). Dalam pekerjaan-pekerjaan itu Orang-orang Melayu diberi upah yang berlainan dari Orang Cina oleh taukeh-taukeh Cina. Perbedaan upah ini boleh dianggap sebagai diskriminasi dan penindasan. Upah dibedakan kerana taukeh-taukeh Cina menganggap Orang Melayu malas kerja dan mereka ditindas kerana mereka tidak ada jalan lain untuk dapat sara hidup sehari-hari.

Dalamuraian di atas tergambar satu peringkat hubungan sosial yang negatif iaitu dalam bentuk diskriminasi dan penindasan. Tetapi tidak kurang juga hubungan dari segi ekonomi yang positif seperti perusahaan syarikat bas dan kontrek yang dijalankan bersama oleh Orang Melayu dan Cina. Dalam enterprise ini anggota-anggota syarikat telah diikat dengan satu rasa tanggungjawab terhadap tugas-tugasnya. Kerjasama erat diperlukan untuk menjayakan tugas bersama. Dalam keadaan demikian hubungan saling bergantungan bukan sahaja menguntungkan kedua-dua pihak tetapi juga bisa menghilangkan anggapan negatif mahupun diskriminasi perkauman. Dalam keadaan ini kemesraan hubungan lahirlah menggambarkan juga kemesraan hubungan diperingkat sikap.

Sikap kedua-dua ras Cina dan Melayu, di Sungai Suluh, dapat dilihat dalam hubungan ekonomi. Orang-orang Melayu mempunyai anggapan-

anggapan tertentu terhadap taukeh-taukeh Cina dan Orang Cina pada umumnya. Mereka menganggap "Cina sebagai penindas". Anggapan demikian lahir akibat dari perbuatan penindasan dan diskriminasi Orang-orang Cina terhadap Orang Melayu.

Orang-orang Cina mempunyai sikap yang berlainan bentuknya. Mereka menganggap pemerintah menjalankan diskriminasi terhadap mereka kerana Rancangan Malaysia lebih menumpukan kepada Orang Melayu sahaja. Orang Cina juga mempunyai anggapan tertentu terhadap Orang Melayu. Misalnya mereka menganggap Orang Melayu malas.

Hubungan ras di Sungai Suluh dari segi ekonomi memperlihatkan dua pola:

i) Diperingkat aksi Orang Melayu dan Cina dijalinkan dengan hubungan yang mesra dan erat disatu pihak dan hubungan yang superficial dipihak yang lain. Hubungan yang erat tergambar dalam perusahaan syarikat bas dan hubungan yang superficial tergambar dalam hubungan antara taukeh dan kuli atau peraih dan pelanggan.

ii) Diperingkat sikap kedua-dua ras memendam anggapan-anggapan negatif dan positif. Anggapan-anggapan itu lebih merupakan satu gejala kemarahan. Misalnya Orang Melayu menganggap Cina penindas kerana mereka marah terhadap perbuatan taukeh-taukeh dan peraih Cina yang menindas mereka.

Hubungan yang saling bergantungan dalam ekonomi tidak semestinya mewujudkan integrasi ras di Kampung Sungai Suluh (Integrasi yang sebenar). Hubungan demikian boleh menambah dan mengurangkan anggapan-

anggapan positif dan negatif. Integrasi sebenar hanya ujud dalam perusahaan di mana kedua-dua ras mengambil peranan sama penting hingga dapat diujudkan satu identiti dan menghilangkan anggapan-anggapan negatif.

“...the concept of integration should mean that all the different racial communities will co-exist...

“...nothing will be done until we have given the people of different religions, different cultures and different backgrounds and areas... the opportunity...to work freely, in safety and willing... That is the moral obligation of the different sections of the community living side by side, not separately, within the one political unit... Then in the second stage comes the division of labour along racial lines...”¹³³

Pada akhirnya beliau akhirnya setuju pada masalah integrasi berdasarkan Al Quran Suluk Muhyiddin. Alor Gajah juga menulis tentang yang dibutuhkan supaya dapat dicapai keserasian rasa umat Islam. Ia dikatakan, “Jangan tinggalkan kita bahan untuk buatan politik dan bersekutu dengan mereka yang bersepakat”, tetapi ia juga “Jangan tinggalkan diri sendiri, kebangsaan, ukuran, atau tanah air kita yang berbilang. Jangan hidup di tanah asing berfungsi politik”.

(133) *Practical Aspects Policy and Practice*, New York, McGraw-Hill Book Company, 1966, p. 294.

B A B VI

HUBUNGAN RAS DARI SEGI SOSIAL

Dalam mengkaji hubungan sosial penduduk Kampung Sungai Suluh ini pengkaji bertolak dari satu petikan:

"They mix but do not combine, each group holds by its own religion, its own culture and language, its own ideas and ways. As individuals they meet, but only in market place, in buying and selling. There is a plural society with different sections of the community living side by side, but separately, within the same political unit. Even in the economic sphere there is a division of labour along racial lines"(43).

Petikan di atas boleh dibuat sebagai satu panduan untuk melihat hubungan masyarakat di Sungai Suluh khususnya. Akan dilihat sejauh mana gambaran yang dibuat itu dapat diapplikasikan terhadap masyarakat Sungai Suluh kini. Secara ringkas kita boleh sedut bahawa petikan tadi menekankan keadaan hubungan ras yang bercampur, tetapi tidak bersatu lantaran dari agama, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup yang berbeda. Mereka hidup di bawah satu bumbung unit politik

(43) Furnival J. S., Policy and Practice, New York, Cambridge University Press, 1948, m. s. 304.

walaupun ada pemisahan-pemisahan yang nyata. Dan pembahagian ini berlaku juga dibidang ekonomi terutama dari segi pembahagian buruh.

Gambaran yang jelas mengenai hubungan sosial masyarakat Sungai Suluh hanya dapat dibuat bila kita melihatnya dari aspek perlakuan dan sikap mereka. Tinjauan dalam kedua-dua aspek tadi akan memberikan suatu equilibrium atau consensus mengenai hubungan ras yang sebenar. Kerana tinjauan secara lahiriah hanya dapat menggambarkan pola-pola perlakuan yang dapat dilihat sahaja. Pola-pola yang tidak dapat dilihat (invisible) seringkali tidak digambarkan dalam perlakuan-perlakuan mereka. Oleh itu sikap sesuatu ras itu harus ditinjau dari sudutnya tersendiri. Kemudian gambaran dari sikap dan perlakuan, dilihat dari satu perspektif untuk dapat membuat satu 'deduction' yang bererti.

A. Peringkat Perlakuan

(i) Menurut pernyataan Furnival di atas tadi anggota-anggota masyarakat plural atau majmuk hanya, "..... meet but only in market place, in buying and selling". Kata-kata ini ada kebenarannya kalau dilihat sejarah hubungan ras di Sungai Suluh. Orang-orang Melayu dan Cina pada mulanya berhubung dalam urusan perniagaan. Orang Cina menjadi peniaga-peniaga menjual barang-barang keperluan seperti beras, garam, gula dan lain-lain. Mereka jugalah yang menjadi orang tengah kepada penjualan bahan-bahan pengeluaran tempatan seperti getah, kelapa dan lain-lain. Keadaan ini ujud hingga sekarang di mana Orang-orang Cina menjadi pekedai dan pengekspot hasil-hasil tempatan.

Dalam urusan-urusan perniagaan inilah Orang-orang Melayu dan

Cina bertemu, bergurau dan bermesra. Di kedai-kedai kopi mereka saling berbual-bual, minum bersama-sama dan di perjalanan mereka bertegursapa.

Di Sungai Suluh hubungan masyarakat mejmuk adalah lebih dari itu. Taukeh-taukeh Cina menggunakan Orang Melayu sebagai kuli-kuli mereka. Taukeh-taukeh Melayu juga sering menggunakan Orang-orang Cina sebagai kuli-kuli mereka. Orang-orang Melayu dan Cina bekerjasama dalam kontrek dan Syarikat Bas.

Di hari-hari kebesaran seperti hariraya dan tahun baru Cina anggota-anggota dari satu ras sering pergi menziarahi jiran atau rakan-rakan mereka dari ras lain. Mereka hantar menghantar kuih. Orang Cina selalunya menyuruh jiran-jiran Melayu mereka untuk membuat kuih-kuih Melayu.

Undangan-undangan juga dibuat di hari-hari perkahwinan. Misalnya bila Orang Melayu mengadakan majlis perkahwinan rakan-rakan dan jiran-jiran dari ras Cina diundang untuk makan dan maraikan majlis. Sebaliknya dalam majlis perkahwinan Orang-orang Cina, Orang-orang Melayu yang rapat hubungannya dengan tuan rumah diundang sama.

Dalam pertunjukan-pertunjukan tertentu seperti 'wayang bangsawan' Cina, Orang-orang Melayu juga turut hadir untuk menyaksikannya. Demikian pula dalam malam-malam pementasan yang dilakukan oleh Orang-orang Melayu, Orang Cina turut menonton.

Dalam masa kecemasan seperti rumah terbakar, anggota dari kedua-dua ras sama-sama menolong. Misalnya pada 3hb. Mac, 1973 di masa kajian ini sedang dijalankan berlaku kebakaran di rumah seseorang Melayu

yang menyebabkan kerosakan kepada sebahagian besar harta rumah itu.

Jiran tuan rumah ini yang merupakan seorang Cina telah menderma \$20.00 kepadanya selepas api dapat dipadamkan. Seorang pekedai Cina menderma \$10.00 dan ramai yang lain menderma \$1 seorang.

Hubungan lahiriah ini jelas membayangkan kemesraan antara Orang-orang Melayu dan Orang-orang Cina. Kita menjengok kepada masa 27 tahun lampau di mana peristiwa perkauman berlaku. Di waktu itu "Perang Parang Panjang" yang terkenal di daerah Batu Pahat berlaku di kawasan yang berdekatan dengan Sungai Suluh seperti di Senggarang, di Semerah dan di Parit Raja. Peristiwa yang menumpahkan darah antara Melayu dengan Cina ini tidak berlaku di Sungai Suluh kerana adanya kerjasama yang rapat antara kedua-dua ras. Ketua ras Melayu bermuafakat dengan ketua ras Cina yang bersetuju untuk mengelakkan dari berlakunya pergaduhan. Mereka bersetuju menghukum orang-orang dari luar yang cuba menimbulkan konflik di Sungai Suluh tidak kira dari ras mana mereka datang.

Dalam masa konfrantasi Indonesia/Malaysia ('63 - '65) penduduk Sungai Suluh diarahkan oleh kerajaan supaya berjaga-jaga di waktu malam. Dalam tahap konfrantasi itu 9 orang ditugaskan berjaga di waktu malam. Dalam peraturan berjaga-jaga itu 4 orang adalah dari ras Cina dan 5 orang dari ras Melayu. Perkumpulan-perkumpulan seperti ini dan insiden di waktu Perang Parang Panjang itu membayangkan kerjasama dan persefahaman yang erat antara Melayu dan Cina sejak dulu lagi. Seolah-olah dari segi lahiriah telah terbentuk satu perasaan kekitaan dan kemesraan di kalangan masyarakat berbilang ras di Sungai Suluh : Seolah-olah juga telah ujud satu identiti tersendiri dalam masyarakat itu. Oleh itu pernyataan bahawa

Orang-orang Melayu dan Cina hanya bertemu di tempat-tempat membelibelah tidaklah keseluruhannya benar. Masyarakat Sungai Suluh dari segi perlakuan lebih erat hubungannya dari pernyataan Furnival tadi.

(ii) Dalam pernyataan Furnival seterusnya mengenai masyarakat majmuk digambarkan bahawa "They mix but do not combine each group holds by each own religion, its own culture and language, its own ideas and ways". Pernyataan di atas juga terdapat kekurangannya kalau diapplikasikan terhadap masyarakat majmuk di Kampung Sungai Suluh.

Dari segi kepercayaan memang benar bahawa Orang-orang Melayu dan Cina mempunyai amalan keugamaan yang berlainan. Orang Melayu keseluruhannya berugama Islam manakala Orang Cina menyembah nenek moyang mereka. Dalam hubungan kepercayaan ini tiap-tiap ras memahami kedudukan agama masing-masing. Mereka tidak suka menyatakan soal-soal yang menimbulkan kemarahan dari segi kepercayaan. Orang Cina mengabadikan agamanya sendiri dan Orang Melayu dengan agama mereka. Masing-masing ras bersikap tidak ambil peduli mengenai agama dari ras opposisinya.

Dalam aspek-aspek kebudayaan yang lain masing-masing ras dengan amalan-amalannya sendiri misalnya Orang Cina makan dengan menggunakan sepit manakala Orang Melayu menggunakan tangan. Orang-orang Cina memakan daging babi manakala Orang Melayu tidak. Tetapi mengenai makanan-makanan lain selain dari yang diharamkan oleh Islam, Orang-orang Melayu sering membuat makanan Cina dan sebaliknya Orang Cina membuat makanan Melayu. Keadaan ini jelas di hari-hari kebesaran seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina. Orang-orang Cina suka membuat kuih-kuih dodol, wajip dan bahulu.

Ini menunjukkan telah berlaku penerimaan kebudayaan satu-satu ras dari yang lain.

Mengenai soal bahasa adalah benar bahawa tiap-tiap ras menggunakan bahasanya sendiri. Bagi Orang Melayu di Sungai Suluh bahasa pertuturan antara mereka ialah Bahasa Melayu pasar manakala Orang-orang Cina bertutur dalam Bahasa Hokien. Tetapi dalam kontak antara Melayu dan Cina Bahasa Melayu pasar digunakan. Orang-orang Cina Sungai Suluh boleh dikatakan mahir berbahasa Melayu pasar. Adalah jelas bahawa anggota-anggota dalam satu-satu ras masih berbicara dalam bahasanya sendiri.

Dari penerangan mengenai ugama, kebudayaan dan bahasa tadi jelas tergambar bahawa ras-ras di Sungai Suluh pada umumnya masih mengamalkan cara hidupnya masing-masing. Tetapi dalam perhubungan antara kedua-dua ras tadi Bahasa Melayu pasar telah menjadi bahasa lingua franca sejak kontak antara mereka bermula. Ini bermakna bahawa dalam mereka bertemu dan mendiami kampung yang sama kedua-dua ras itu masih mengabdi-kan kebudayaan, agama, cara hidup masing-masing.

(iii) Dari temutanya mengenai hubungan ras di Sungai Suluh majoriti dari responden mengatakan bahawa hubungan itu baik. Dari responden Melayu 94.4% mengatakan hubungan ras di sini baik, 2.9% mengatakan sederhana baik manakala selebihnya melihat hubungan itu sebagai superficial. Manakala responden Cina pada keseluruhannya mengatakan hubungan ras di sini adalah baik.

Apa yang dianggap baik pada mereka adalah secara yang dapat

dilihat. Ini jelas dibuktikan dari sebab-sebab yang mereka beri mengenai hubungan demikian iaitu kerana selalu berhubung, berjumpa atau bergaul misalnya di kedai, di tempat-tempat kerja dan lain-lain. 71% daripada responden Melayu dan 62.7% daripada responden Cina melihat hubungan yang baik itu dari kerana kontak yang kerap.

Pengakuan oleh majoriti dari penduduk Kampung Sungai Suluh bahawa hubungan diperangkat lahiriah adalah baik sudah cukup untuk membuktikan bahawa diperangkat itu telah wujud satu bibit integrasi masyarakat berbilang ras. Tetapi integrasi yang sebenar harus menitikberatkan juga hubungan 'baik' diperangkat sikap kerana apa yang lahir tidak semestinya merupakan gambaran dari batin.

Hubungan sosial dari segi lahiriah dapat juga dilihat dari pertuturan-pertuturan anggota-anggota masyarakat itu. Dalam kajian mengenai hubungan ras di Sungai Suluh responden juga dihadapkan dengan persoalan tertentu. Mengenai persoalan samaada mereka mempunyai prasangka atau tidak terhadap ras lain, jawapan-jawapan dari kedua-dua ras adalah berlainan. Orang-orang Cina pada keseluruhannya (93%) mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa prasangka terhadap Orang Melayu. Sebaliknya 40% daripada responden Melayu menjelaskan mereka mempunyai prasangka terhadap Orang Cina.

Apa yang mereka nyatakan itu tidak seharusnya lahir dari perasaan yang sebenar. Keadaan itu tidak semestinya satu manifestasi dari dalam jiwa mereka. 93% bagi Orang-orang Cina yang menidakkan adanya prasangka terhadap Orang-orang Melayu merupakan jumlah yang besar. Sedangkan dari

kajian-kajian seterusnya dapat dikesan bilangan ini tidak benar. Lebih ramai lagi responden Cina yang memendam prasangka terhadap Orang Melayu dan ini digambarkan dari stereotype-stereotype negatif mereka mengenai Orang Melayu. Bilangan itu ialah 33.3% daripada responden-respon- den tidak semestinya serupa dengan diperingkat sikap.

B. Peringkat Sikap (Hubungan Dari Segi Sosial)

Dalam peringkat sikap gambaran yang jelas mengenai hubungan ras di Sungai Suluh dapat dilihat dari aspek prasangka⁽⁴⁴⁾, dan stereotype (anggapan). Stereotype didefinisikan sebagai "a crystallization of the misconceptions and peculiar notions that grow up about a group of unfamiliar people"⁽⁴⁵⁾. Prasangka dan stereotype mempunyai kaitan yang erat. Prasangka selalunya dimanifestasikan dalam stereotype seseorang.

Orang Melayu dan Cina memendam prasangka dan stereotype antara satu sama lain. Menurut temutanya yang dijalankan bahawa 6.6% dari responden Cina dan 40% dari responden Melayu mempunyai prasangka perkauman. Telah dinyatakan bahawa pada hakikatnya peratus responden Cina yang berprasangka adalah 33.3%.

Hakikat bahawa 33.3% daripada responden Cina berprasangka terhadap Orang Melayu dapat dijelaskan di bawah:-

- i) Jumlah 6.6% daripada responden Cina yang berprasangka itu

(44) Lihat definisi prasangka di bawah tajuk "Pendekatan Kajian" dalam Bab 1.

(45) J.P. Dean and A. Rosen, "A Manual of intergroup relations," The University of Chicago Press, Chicago, London, (ed.), 1967, m.s.14.

dapat dikesan apabila mereka ditanyakan dengan soalan seperti berikut:
Adakah anda mempunyai prasangka terhadap Orang Melayu?

ii) Jumlah 33.3% yang berprasangka ini dapat dikesan dari pertanyaan seterusnya seperti: Adakah anda setuju Orang Melayu itu malas?

Dari kenyataan di atas jelaslah bahawa bila ditanya secara direct mengenai prasangka mereka tidak mengaku bahawa mereka mempunyai prasangka tetapi prasangka yang ada pada mereka itu dapat dikesan dari pertanyaan secara tidak langsung. Iaitu dari stereotype mereka mengenai Orang Melayu.

Sebagaimana dinyatakan di atas sebahagian dari Orang Cina mempunyai anggapan bahawa Orang Melayu itu malas. Sebenarnya kemalasan Orang Melayu ini mereka kaitkan dengan kemiskinan mereka. Mereka membuat generalisasi bahawa kemiskinan Orang Melayu disebabkan oleh kemalasannya. Mereka lupa melihat bahawa kemiskinan bukan disebabkan oleh satu faktor sahaja walaupun mungkin kemalasan itu menjadi faktor umum. Mereka lupa melihat bahawa kemiskinan di Kampung Sungai Suluh sebahagiannya disebabkan oleh penindasan, pemecahan tanah, kurangnya pelajaran dan lain-lain lagi. Misalnya nelayan-nelayan berpendapatan rendah kerana mereka menggunakan teknik menangkap ikan yang tradisional. Mereka hanya menggunakan sampan-sampan kecil dan kelengkapan-kelengkapan pukat yang minima. Oleh itu anggapan bahawa Orang Melayu malas tidak benar pada keseluruhannya.

Mungkin juga anggapan itu dilihat dari perlakuan Orang Melayu sehari-hari. Misalnya mereka membuat conklusi dari pemerhatiannya mengenai Orang Melayu yang berihat setelah bekerja di kedai-kedai kopi atau dari

pemerhatiannya mengenai segelintir kuli-kuli Melayu yang malas bekerja di kebun-kebun Orang-orang Cina. Sebenarnya golongan ini amat kecil bilangannya jika dibandingkan dengan Orang Melayu yang rajin bekerja. Oleh itu anggapan bahawa Orang Melayu malas tidak berdasarkan kepada kenyataan.

Orang Melayu lebih ramai yang memendam prasangka dan stereotype-stereotype terhadap Orang Cina. Ini dapat dilihat dari pertanyaan yang dihadapkan kepada mereka mengenai prasangka. 40% daripada mereka mengatakan mereka berprasangka terhadap Orang Cina.

Soalnya apakah peratus ini atau peratus yang ada pada responden Cina itu benar? Kepada responden Melayu pengkaji berani menyatakan bahawa pernyataan yang mereka lafazkan itu lebih jujur dari pernyataan yang diberi oleh responden Cina. Orang-orang Melayu memahami benar-benar tujuan kajian tetapi sebahagian dari responden Cina takut mengeluarkan pendapat mereka secara jujur kerana masalah yang ditanyakan adalah masaalah perkauman.

Walau bagaimanapun ternyata bahawa masih wujud prasangka dan stereotype di kalangan kedua-dua ras tadi. Dari responden Cina adalah 33.3% dan dari responden Melayu prasangka perkauman adalah 40%.

Diantara stereotype yang ada pada Orang Melayu mengenai Orang Cina ialah "Cina tak boleh dipercayai". Stereotype ini lahir dari perasaan marah mereka terhadap Orang Cina terutama dalam urusan perniagaan dan politik. Orang Melayu yang mempunyai stereotype di atas mengaitkan unsur tidak percaya terhadap Orang Cina itu dengan kegiatan Orang Cina di kam-

pung itu dan di luar kampung. Dalam urusan perniagaan Orang-orang Melayu menganggap bahawa kedudukan mereka sentiasa dimanipulasi oleh Orang Cina terutama dari segi harga barang-barang. Mereka juga menganggap bahawa Orang Cina tidak boleh dimanja-manjakan dalam soal politik di Malaysia kerana "diberi betis hendak peha". Maksudnya mereka tidak berterima kasih tentang keadaan mereka yang telah diberi hak warganegara dan kedudukan mereka yang mewah jika dibandingkan dengan Orang-orang Cina di negeri lain. Mereka masih tidak berpuas hati dengan kedudukan ini. Ini dapat dilihat dari peristiwa 13 Mei di mana Orang-orang Cina cuba mengambil alih kuasa Kerajaan Melayu.

Stereotype "Cina tak boleh dipercayai" ini juga lahir dari anggapan bahawa Orang Cina itu "communist-oriented". Mereka menganggap bahawa Orang Cina menyokong gerakan-gerakan komunis di Malaysia. Orang Melayu juga menganggap bahawa Parti DAP yang semakin kuat pengaruhnya itu adalah sebagai satu manifestasi sokongan mereka terhadap idea sosialisme atau komunis. Mereka juga melihat insiden tahun 1946 (di mana Orang-orang Cina Sungai Suluh bersubahat dengan komunis supaya selamat dari diancam oleh anggota-anggota komunis), sebagai satu faktor yang mendorong mereka beranggapan tidak percaya kepada Orang Cina.

Stereotype tidak percaya kepada Orang Cina ini juga dikaitkan dengan stereotype lain iaitu "Orang Cina tamak harta". Stereotype yang kedua ini dikaitkan dengan bertambah luasnya jumlah kebun yang dippunyai oleh Orang Cina di Kampung Sungai Suluh. Orang Melayu sering mendengar dan melihat pembelian tanah oleh Orang Cina di kampung itu dan di luar

kampung. Mengikut mereka Orang Cina pantang mendengar Orang Melayu hendak menjual kebun, dengan harga yang mahal pun mereka sanggup membelinya.

Lain-lain stereotype yang ada pada Orang Melayu ialah "Cina penindas". Stereotype ini mungkin lahir hasil dari kebenaran di mana nelayan-nelayan, pekebun-pekebun kecil dan kuli-kuli taukeh Cina sering ditindas dari segi harga upah atau harga barang-barang. Mereka menganggap bahawa memang sudah menjadi perkara biasa kepada Orang-orang tengah Cina seperti peniaga, peraih dan taukeh-taukeh kebun untuk melakukan penindasan terhadap Orang Melayu.

Orang Melayu juga mempunyai stereotype yang positif seperti "Orang Cina senang dan kaya". Mereka melihat bahawa Orang Cina ramai yang berniaga, mempunyai perusahaan-perusahaan besar, gudang-gudang, estet-estet dan lain-lain harta kekayaan. Stereotype positif ini dilihat dari perspektif yang buruk oleh Orang Melayu. Dengan kekayaan, kemewahan Orang Cina itu dan kesenangannya Orang-orang Melayu akan menjadi lebih tertindas dan miskin. Misalnya bila bertambah banyak kebun atau estet kepunyaan Orang Cina sudah tentu bertambah sedikit jumlah kebun Orang Melayu.

Satu lagi stereotype positif ialah "Cina itu rajin". Stereotype ini mungkin hasil dari fakta kebenaran kerana Orang-orang Melayu memang mengakui dan mengetahui kerajinan Orang Cina dalam membuat satu-satu pekerjaan. Stereotype ini juga dianggap membahayakan kedudukan Orang Melayu kerana dengan kerajinan itu sudah tentu mereka dapat mengua-

sai harta kekayaan di kampung itu. Dengan demikian kedudukan Orang Melayu tambah terhimpit dan tertekan.

Kesemua stereotype Orang Melayu dan Cina itu ada unsur-unsur kebenaran dan kepalsuannya. Mungkin stereotype itu terbit setelah se-suatu fakta kenyataan diketahui oleh mereka tetapi adalah terlalu melulu kalau satu-satu fakta kenyataan diambil untuk membuat generalisasi mengenai keadaan masyarakat seluruhnya. Misalnya dua tiga Orang Melayu malas, tetapi dianggap kesemuanya malas atau sebahagian dari Orang Cina kaya atau rajin, tetapi dianggap kesemuanya kaya atau rajin.

Orang-orang Cina dan Melayu memendam prasangka dan stereotype kerana beberapa sebab:

(1) Orang Melayu merasakan bahawa mereka ditindas oleh Orang Cina. Penindasan ini adalah dari banyak segi. Misalnya dari segi perniagaan, pekerjaan, upah dan lain-lain. Penindasan yang dijalankan oleh Orang Cina ini menyebabkan Orang Melayu merasa tertekan dan marah. Mereka juga merasa tidak selamat dan 'inferior'. Keadaan ini menimbulkan rasa benci dan dendam terhadap penindas tadi. Perasaan demikian terpendam di jiwa Orang Melayu dalam bentuk prasangka yang negatif. Dalam hal ini diskriminasi menyebabkan prasangka.

(2) Prasangka di kalangan Orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh lahir dari sebab frustrasi mereka. Orang-orang Melayu misalnya menganggap bahawa 'Orang Cina tamak harta'. Anggapan demikian timbul kerana Orang Melayu tidak dapat mengumpul harta atau menguasai kekayaan seperti Orang Cina. Mereka merasa langsang (frustrated) kerana Orang Cina

dapat dan akan menguasai atau memonopoli harta kekayaan di tempat mereka. Dengan kebimbangan bahawa kedudukan Orang Melayu akan terancam maka timbul perasaan tidak senang terhadap keadaan seperti itu. Mereka seolah-olah menuduh atau mengeji bahawa 'Orang Cina tamak harta'.

(3) Sebahagian dari yang berprasangka dan mempunyai stereotype adalah kurang kontak dengan objek yang diprasangka. Keadaan ini jelas dilihat di mana orang-orang yang mempunyai hubungan rapat dengan objek itu telah tidak berprasangka lagi terhadap objek itu. Misalnya pekerja-pekerja Syarikat Bas di Sungai Suluh terutama yang terlibat secara langsung dengan pengurusannya tidak mempunyai apa-apa prasangka terhadap ras bukan sejenisnya (anggota dari ras lain yang bekerja bersama dengannya). Keadaan ini disebabkan oleh hubungan antara mereka yang telah rapat, dan saling memahami antara satu sama lain.

(4) Prasangka dan stereotype juga disebabkan oleh fakta kenyataan. Misalnya anggapan bahawa 'Orang Melayu malas' memang pernah menjadi kenyataan terutama bagi mereka yang bekerja dengan taukeh-taukeh Cina. Tetapi mereka yang malas hanya sedikit sahaja ataupun mereka sengaja malas kerana sebab-sebab tertentu seperti kurang incentive untuk bekerja kerana upah rendah. Yang anihnya Orang-orang Cina yang berprasangka membuat generalisasi bahawa kesemua pekerja-pekerja Melayu malas.

B A B VII

BATASAN HUBUNGAN RAS DI SUNGAI SULUHA. Kahwin Campur

Untuk melihat batasan hubungan ras pengkaji mengambil beberapa ukuran, atau petunjuk. Petunjuk-petunjuk itu merupakan aspek-aspek sosial yang mempunyai variasi dari segi 'sensitivity'nya. Petunjuk ini disesuaikan dengan sekil Borgandus atau 'social distance test'.⁽⁴⁶⁾

Ukuran-ukuran yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti di bawah:-

- i) Boleh bertegursapa
- ii) Boleh menjadi rakan biasa
- iii) Boleh bekerja bersama-sama
- iv) Boleh berjiran
- v) Boleh berkahwin campur

Ukuran-ukuran tadi bertujuan untuk melihat atau mengetahui darjah penerimaan sesuatu ras terhadap ras lain di Kampung Sungai Suluh. Menurut kajian, penduduk Melayu dan Cina di Sungai Suluh boleh bertegursapa, boleh menjadi rakan biasa, boleh bekerja bersama-sama, boleh berjiran tetapi dalam soal kahwin campur masih menjadi persoalan.

(46) Lihat, M. Banton, Race Relations, Tavistock Publications, London, ed., 1970, m. s. 315.

88.5% daripada responden Melayu bersetuju dengan kahwin campur antara Orang Melayu dan Cina asalkan saja Orang Cina itu memeluk Ugama Islam. 11.5% daripada responden Melayu tidak menyokong kerana prasangka dan stereotype mereka mengenai Orang Cina seperti 'Cina Kafir', 'Cina makan babi' dan lain-lain.

83.3% daripada responden Cina pada dasarnya setuju berkahwin campur antara Melayu/Cina tetapi Ugama Islam menjadi penghalang besar kepada mereka. 13.3% daripada responden itu tidak setuju langsung kerana sebab-sebab ugama, kesukaran menyesuaikan diri dan tegahan dari keluarga. 3.3% daripada mereka tidak memberi apa-apa ulasan.

Orang Cina menganggap bahawa kesukaran akan timbul apabila mereka berkahwin dengan Orang Melayu. Misalnya mereka tidak boleh makan daging babi lagi kerana perbuatan itu diharamkan oleh Islam. Mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan keluarga Orang Melayu kerana kebiasaan hidup mereka yang berlainan. Mereka akan menghadapi penghidupan baru.

Selain dari itu mereka takut kalau perempuan-perempuan Cina dimadu kerana Ugama Islam membenarkan seorang lelaki berkahwin lebih dari seorang isteri. Mereka juga takut kepada berlakunya penceraian. Menurut adat Orang Cina di kampung ini penceraian suami isteri tidak dibenarkan dan seorang lelaki tidak boleh beristeri lebih dari seorang. Seorang suami boleh berkahwin lagi bila isterinya mati.

Lelaki Cina tidak sanggup untuk mengahwini perempuan Melayu kerana Orang-orang Melayu menganggapnya sebagai 'mualap'. Panggilan

'mualap' ini memberi gambaran bahawa ia bukan Melayu jati dan bukan lagi seorang Cina. 'Mualap' dianggap sebagai kategori lain dalam masyarakat Melayu. Orang-orang Cina menganggap kedudukan mualap itu sebagai hina dan 'inferior' di kalangan Orang Melayu.

Bagi Orang Melayu perkahwinan campur antara Melayu/Cina tidak menjadi masalah besar. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa apabila seorang Cina berkahwin dengan Orang Melayu secara otomatis ia akan di 'Melayukan'. Ugamanya akan berubah. Pada hakikatnya ia terpaksa 'conform' kepada cara hidup Orang Melayu.

Di Kampung Sungai Suluh tidak pernah berlaku kahwin campur antara Orang Melayu dan Orang Cina. Keadaan ini tidak memerlukan kerana sikap Orang Melayu dan Cina yang tidak mahu mengganggu adat kebiasaan satu sama lain. Tetapi adalah aneh kalau kita pandang bahawa interaksi antara Orang Melayu dan Cina yang begitu lama di kampung itu tidak mewujudkan hubungan ras yang lebih bererti seperti dalam bentuk kahwin campur.

Dari tinjauan mengenai kahwin campur sebagai petunjuk kepada batasan hubungan ras tadi adalah jelas bahawa identiti satu ras masih sukar untuk dikorbankan. Masing-masing ras tidak mahu keluar dari ikatan kebudayaannya. Mereka lebih suka dengan atau sesuai dengan cara hidup yang mereka amalkan selama ini iaitu tidak mahu mengganggu amalan ras lain. Lebih tepat, mereka hidup "side by side"⁽⁴⁷⁾ dalam sebuah kampung.

(47) J.S. Furnival, Colonial Policy and Practice, Cambridge University Press, New York, 1948, m. s. 304.

B. Lain-lain Petunjuk Bagi Batasan Hubungan Ras

Prasangka, stereotype dan diskriminasi adalah satu-satunya petunjuk yang baik bagi mengesan batasan hubungan ras di Kampung Sungai Suluh. Kita telah saksikan bahawa masih berlaku lagi diskriminasi antara Orang Melayu dan Cina akibat dari faktor-faktor perkauman. Diskriminasi berlaku dalam bidang ekonomi di mana taukeh-taukeh Cina memberi upah yang rendah kepada Orang Melayu jika dibandingkan dengan Orang Cina dalam pekerjaan yang sama. Asas pemberian upah yang berbeda itu bukanlah dari fakta kebenaran. Taukeh-taukeh Cina mengeneralisaskan bahawa Orang Melayu pada keseluruhannya malas bekerja. Sebenarnya bukan semua pekerja Melayu malas, tetapi oleh kerana taukeh Cina tadi telah mempunyai anggapan negatif terhadap Orang Melayu maka semua pekerja-pekerja Melayu diberi upah yang lebih rendah dari pekerja Cina.

Hakikat diskriminasi ini disedari oleh Orang Melayu tetapi tindakan yang menentang taukeh tadi akan menjelaskan periuk nasi orang-orang yang bekerja dengannya. Oleh itu mereka menerima sahaja apa yang dikenakan kepada mereka oleh taukeh tadi. Dari gambaran ini boleh kita lihat unsur-unsur penindasan disamping diskriminasi. Taukeh-taukeh Cina mengambil kesempatan untuk mengambil keuntungan dari pekerjanya yang hidupnya bergantung kepada mereka.

Orang Cina menganggap bahawa rasnya didiskriminasi oleh kerajaan Melayu yang memerintah. Layanan kerajaan terhadap Orang Cina tidak sama dengan layanannya terhadap Orang Melayu. Orang-orang Melayu mendapat faedah-faedah yang banyak dari kerajaan seperti bantuan biasiswa

dan hak istimewa yang lain.

Walaupun anggapan demikian lahir dari sebilangan kecil masyarakat Cina (10% daripada responden) tetapi bilangan demikian sudah cukup untuk menunjukkan bahawa hubungan ras di Sungai Suluh masih dibatasi dengan gejala perkauman sebagaimana yang tersebut itu.

Prasangka juga masih wujud di kalangan Orang-orang Melayu dan Cina di Sungai Suluh. Orang Melayu merasa marah, benci dan tidak senang terhadap Orang Cina. Ini tergambar dari stereotype mereka mengenai Orang Cina seperti, 'Cina tak boleh dipercayai, Cina hati busuk, Cina tamak harta' dan lain-lain lagi. Orang Cina juga mempunyai stereotype mereka terhadap Orang Melayu seperti, 'Orang Melayu malas, Orang Melayu tak pandai bermiaga' dan lain-lain.

Prasangka dan stereotype di atas menimbulkan kesan-kesan negatif terhadap hubungan ras di Sungai Suluh. Prasangka boleh merengangkan hubungan mereka kalau pun tidak terjelma diperangkat aksi ia terpendam di jiwa. Ia mungkin aktif bila sesuatu keadaan yang mendesak, menerokai dan genting berlaku terutama mengenai soal perkauman. Dengan lain-lain perkataan dengan adanya prasangka hubungan ras menjadi lebih 'superficial'. Dari kajian yang dibuat, jumlah responden yang berprasantaka ialah 40% bagi responden Melayu dan 33.3% daripada responden Cina. Peratus di atas adalah tinggi memandangkan kepada masyarakat Sungai Suluh yang telah lama berinteraksi.

Batas kemesraan hubungan ras di Sungai Suluh juga dapat dikesan dengan melihat siapakah yang dihormati mereka di kampung itu dan

bagaimana mereka meletakkan diri mereka dalam masyarakat berbilang ras. Dari kajian yang dibuat di kampung ini terdapat pola hormat menghormati yang tertentu. Apabila ditanya sama ada responden menghormati anggota dari ras lain sama seperti anggota dari ras sendiri atau tidak, jawapan-jawapan yang berikut diberikan:

- i) 33.3% daripada responden Melayu mengatakan bahawa mereka lebih menghormati anggota-anggota dari rasnya sendiri. Responden yang lain mengatakan bahawa mereka menghormati sesiapa sahaja yang baik dan patut dihormati tidak kira dari ras mana ia datang.
- ii) 90% daripada responden Cina mengatakan bahawa mereka menghormati Orang-orang Melayu sama seperti anggota-anggota dari rasnya sendiri. Tetapi 10% daripadanya lebih menghormati rasnya sendiri.

Bila ditanyakan sama ada mereka merasa lebih tinggi atau rendah daripada ras lain sebagai warganegara Malaysia jawapan yang berikut diberikan:

(1) 33.3% daripada responden Melayu menyatakan bahawa kedudukan mereka lebih tinggi dari ras lain sebagai warganegara Malaysia. Yang lain menganggap bahawa mereka sama taraf dengan ras lain di Malaysia.

(2) 90% daripada responden Cina menganggap kedudukan Orang Cina dan Melayu sebagai sama manakala 10% daripada mereka menganggap kedudukan mereka lebih rendah daripada Orang Melayu sebagai warganegara Malaysia.

Jawapan-jawapan dan peratus mengenai taraf (kedudukan) ke-

warganegara dan hormat menghormat antara ras, sebagai yang terlihat di atas, menggambarkan setakat mana anggapan dan penerimaan satu ras oleh yang lain. Masih wujud perasaan 'superior' dan 'inferior' di kalangan mereka walaupun yang menganggap sama setaraf dan saling menghormat lebih ramai. Masih ada Orang Melayu yang menganggap bahawa mereka lebih tinggi kedudukannya dari ras lain dan sebaliknya ada Orang Cina yang merasa dirinya sebagai warganegara kelas kedua.

Walau bagaimanapun peratus yang tertera di atas dapat memberi gambaran mengenai betapa rapat (eratnya) hubungan antara Orang Melayu dan Cina. Peratus yang tinggi dan positif bagi kedua-dua penentu hubungan ras tadi menunjukkan bahawa dalam aspek ini faktor ras sudah kurang penting sebagai asas penilaian seseorang mengenai aspek sosial. Namun demikian peratus ini masih belum memuaskan.

C. Integrasi Ras

Kita telah saksikan bahawa masyarakat Sungai Suluh yang terdiri dari Orang-orang Melayu dan Cina itu telah berinteraksi sejak pembukaan kampung itu diawal abad ke 20. Oleh kerana mereka hidup dalam sebuah kampung, mereka tidak dapat mengelakkan diri dari berhubungan antara satu sama lain. Orang-orang Melayu misalnya tidak dapat menolak kehadiran Orang Cina yang mempunyai cara hidup dan kebudayaan yang berlainan. Orang Cina pula tidak dapat menolak hakikat bahawa Orang-orang Melayu di kampung itu penting bagi mereka dalam banyak aspek seperti soal pimpinan kampung, mendapatkan tenaga buruh dan menjadi pengguna kepada bahan-bahan yang di bawa oleh pemberong (pekedai). Kedua-dua ras terpaksa menerima hakikat

bahawa mereka pasti hidup bersama-sama untuk mewujudkan sebuah kampung yang dapat memberi jaminan hidup kepada mereka.

Setelah masing-masing ras menerima hakikat bahawa mereka harus hidup bersama dalam sebuah kampung mungkin wujud integrasi ras di kampung itu? Untuk mengetahui sama ada wujud integrasi ras atau tidak pengkaji melihat masyarakat Sungai Suluh itu dari dua sudut:

- i) Integrasi diperingkat aksi atau perlakuan dan
- ii) Integrasi diperingkat sikap

i) Integrasi di peringkat aksi

Integrasi diperingkat aksi menekankan kepada interaksi antara Orang Melayu dan Cina. Dalam masyarakat di Sungai Suluh kita telah lihat bahawa kedua-dua ras itu telah hidup berbaik-baik sejak dulu hingga sekarang (tidak bermusuhan dan bergaduh). Mereka tidak pernah berkonflik hingga mengorbankan nyawa walaupun di daerah lain konflik demikian berlaku. Peristiwa-peristiwa seperti Perang Parang Panjang dan 13 Mei yang merupakan perlawanan secara fisikal antara Orang Melayu dan Cina tidak menjelaskan kampung itu. Mereka hidup secara harmonis dengan maksud tidak berlaku pulau-memulai antara satu sama lain. Mereka hidup penuh mesra sebagai yang tergambar dalam pertemuan-pertemuan mereka di kedai-kedai kopi, di hari-hari kebesaran dan di tempat-tempat kerja. Mereka bergurau senda dan boleh bekerja bersama-sama.

Mereka saling bergantungan antara satu sama lain. Orang-orang Melayu ramai yang bekerja di kebun-kebun Cina seperti kebun kelapa, kebun getah dan kebun sayur. Taukeh Cina, peraih dan pekedai mengharapkan

buruh, hasil-hasil tempatan dan pengguna dari Orang Melayu.

Dalam kegiatan bersama untuk kepentingan kampung, kedua-dua ras sanggup memberi sumbangan mereka. Misalnya untuk memperbaiki jalan tanah merah dan jambatan masing-masing ras sanggup memberi sumbangan dalam bentuk tenaga dan wang mengikut kemampuan masing-masing. Dalam masa berlaku kecemasan atau kemalangan kedua-dua ras sama-sama membantu seperti yang terlihat dalam insiden kebakaran di rumah seorang Melayu itu. Dalam insiden itu sumbangan-sumbangan dalam bentuk wang juga datang dari kedua-dua ras.

Dalam hubungan yang begitu baik, anihnya masih berlaku diskriminasi dan penindasan walaupun berlaku dalam aspek ekonomi sahaja. Ini menunjukkan kepada kita bahawa integrasi diperangkat perlakuan ini belum mencapai peringkat kesempurnaan. Hubungan sosial bagi masyarakat berbilang ras di Sungai Suluh pada satu segi masih dibataskan dengan interaksi yang 'superficial', maksudnya masih tidak hapus rasa ketidakjujuran dalam kemesraan hubungan antara mereka.

Walau bagaimanapun hubungan diperangkat ini dianggap oleh pengkaji telah melewati gambaran yang dibuat oleh Furnival mengenai masyarakat majmuk (plural) di Malaya (sekarang Malaysia Barat). Gambaran yang di berikan ialah:

"They mix but do not combine. Each group holds by its own religion, its own culture and language, its own ideas and ways. As individuals they meet, but only in market place, in buying and selling. There is a plural society with

different sections of the community living side by side, but separately within the same political unit. Even in the economic sphere there is a division of labour along racial lines".⁽⁴⁸⁾

Petikan di atas memberi gambaran bahawa ras-ras dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia masih dipisah-pisahkan dalam aspek-aspek hidup mereka seperti kebudayaan, cara hidup, idea, ugama, bahawa dan pembahagian buruh. Mereka tidak bersatu walau pun hidup berdekatan. Interaksi mereka hanya di tempat-tempat membeli belah dan hubungannya adalah 'superficial'.

Bagi masyarakat Sungai Suluh interaksi antara ras lebih dari interaksi di tempat membeli belah sahaja. Jalinan mereka lebih erat. Mereka bekerjasama dalam enterprise tertentu seperti Syarikat Bas dan kontrak. Mereka saling bergantungan antara satu sama lain dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan politik. Mereka telah hidup sebagai satu komuniti yang mempunyai identitinya tersendiri. Di jiwa mereka telah tertanam perasaan kekitaan dan perasaan untuk hidup bersama di dalam satu unit masyarakat.

ii) Integrasi Di Peringkat Sikap

Integrasi di peringkat sikap dapat digambarkan dari petikan di bawah:

"Integration refers to the process of unlearning prejudices

(48) J. S. Furnival, ibid., m. s. 304.

and establishing new democratic values through interaction in a non segregated environment. It is a process as well as a goal"⁽⁴⁹⁾.

Apabila dalam sebuah masyarakat majmuk, sebagai yang digamarkan dalam peringkat perlakuan tadi, tiap-tiap anggota dalam satu ras telah dapat mengikis prasangkanya dan membina satu nilai baru yang sesuai (democratic) maka masyarakat itu telah mencapai integrasi di peringkat sikap.

Di Sungai Suluh ras-ras yang ada masih memendam rasa prasangka antara satu sama lain. Orang-orang Melayu mempunyai prasangka terhadap Orang Cina, sebaliknya Orang-orang Cina juga berprasangka terhadap Orang Melayu. Prasangka ini disebutkan dalam tajuk "Lain-lain petunjuk bagi batasan hubungan ras", sebelum ini tadi. Kita telah saksikan bahawa mereka yang berprasangka merupakan bilangan minoriti daripada responden yang ditemutanyakan. Hanya 33.3% daripada responden Cina dan 40% daripada responden Melayu yang memendam prasangka. Dilihat dari peratus tadi dapat dikatakan bahawa proses 'Unlearning prejudices' sebagai yang tersebut dalam petikan tadi telah mencapai tingkat yang hampir kepada integrasi sewajarnya.

Aspek-aspek lain yang menjadi ukuran kepada hubungan ras seperti hormat menghormat, kedudukan seseorang sebagai warganegara dan anggapan diskriminasi sebagai yang tersebut dalam awal Bab 7 tadi memperlihatkan bahawa hanya sejumlah minoriti dari responden yang mempunyai

(49) J. P. Dean & A. Rosen, *A Manual of Intergroup Relations*, University of Chicago Press, Chicago, London, ed;1, 1967, m. s. 89.

sikap negatif. Majoriti dari mereka telah melahirkan sikap yang sesuai dengan konsep integrasi sosial seperti menghormati semua orang dengan tidak mengira dari ras mana ia datang dan menganggap rakyat seluruhnya sebagai sama taraf dan kedudukan.

Dari sikap hidup orang-orang Kampung Sungai Suluh kita dapat lihat penilaian tiap-tiap ras terhadap aspek hidup. Orang Cina berkata, "Buat apa kita gaduh, kita sama-sama cari makan". Kata-kata ini membayangkan bahawa hidup dalam sebuah kampung yang berbilang ras menitik-beratkan keharmonian dan keamanan. Hanya dengan adanya unsur-unsur positif demikian maka matlamat hidup yang mereka ingini akan tercapai.

Orang-orang Melayu juga menilai bahawa hidup bermasyarakat juga amat penting dalam sebuah kampung yang penduduknya berlainan ras. Mereka juga memuja keharmonian hidup. Mereka seboleh-bolehnya mengelakkan dari menemui konflik dengan Orang Cina. Ini jelas tergambar dari peristiwa-peristiwa penting seperti peristiwa ancaman Komunis 1945/6, peristiwa 13 Mei yang tidak menjaskan perpaduan masyarakat Sungai Suluh.

Integrasi sesuatu masyarakat majmuk hanya mencapai kesempurnaan apabila tercapai integrasi di kedua-dua peringkat tadi iaitu peringkat perlakuan dan sikap. Di Sungai Suluh integrasi masyarakat masih menuju ke peringkat kesempurnaannya. Masih wujud unsur-unsur 'superficiality' dan ketidakjujuran dalam interaksi antara Orang Melayu dan Cina. Masih wujud prasangka di kalangan mereka walaupun ia bersemadi di jiwa segolongan kecil daripada responden. Namun demikian

benih-benih integrasi telah tersemai dan akan terus subur membesar kerana interaksi antara mereka terus berlanjutan. Integrasi yang lebih membawa erti diperlukan guna mencapai satu masyarakat yang benar-benar berpadu (integrated).

D. Kesimpulan dan Cadangan

Sebagai yang dijelaskan sebelum ini, masyarakat di Sungai Suluh masih dalam proses menuju kepada integrasi yang sebenar. Masyarakat ini juga setelah melalui proses interaksi yang lama masih belum dapat mengikis sikap negatif seperti prasangka, stereotype dan juga perbuatan diskriminasi ras. Integrasi sebenar hanya tercapai apabila unsur-unsur diskriminasi dan penindasan terhapus dan prasangka perkauman tidak wujud lagi. Dalam sebuah kampung di mana interaksi begitu perlu, masih bersemadi gejala-gejala negatif dalam hubungan ras inikan pula di tempat-tempat yang penduduknya hanya bertemu di tempat-tempat membeli belah seperti di bandar-bandar dan di kota-kota besar.

Walau pun masyarakat Sungai Suluh dalam proses menuju integrasi yang sebenar, namun setakat kini ia boleh dijadikan model bagi integrasi ras di Malaysia. Kita dapat mengesan unsur-unsur yang telah dapat mengikis gejala-gejala negatif dalam hubungan ras di Sungai Suluh. Masyarakat ini berpadu dalam bentuk fisikalnya - maksudnya Orang-orang Melayu dan Cina duduk berjiran, tolong menolong antara satu sama lain, hidup bergantungan dalam beberapa aspek dan mereka kerap berjumpa, bersimbang dan berbual mesra di kedai-kedai dan di tempat kerja. Mereka sentiasa berinteraksi.

Mereka menanamkan perasaan bertolak ansur, bersatu padu dalam menghadapi ancaman dari luar seperti terlihat dalam peristiwa kenaikan Komunis, konfrantasi dan 13 Mei. Mereka tidak suka menyentuh adat resam, ugama antara satu sama lain. Gejala-gejala dan keadaan inilah yang telah dapat mengurangkan perasaan benci membenci antara satu sama lain. Boleh dikatakan bahawa 'atmosphere' perkampungan seperti ini adalah sesuai untuk mewujudkan masyarakat berbilang ras yang berpadu.

Setakat interaksi yang kerap tidak cukup untuk mewujudkan integrasi kerana ia masih tidak dapat mengikis prasangka dan diskriminasi. Apa yang lebih perlu ialah penguatkuasaan undang-undang dalam usaha untuk merapatkan hubungan mereka. Ini terbukti dari kejayaan yang dicapai dalam Syarikat Bas bila kerajaan mengenakan syarat yang mewajibkan perkongsian antara Melayu dan Cina. Kuatkuasa undang-undang tadi mempunyai kesan yang besar terhadap individu yang terlibat dalam perkongsian itu. Mereka telah hilang prasangka antara satu sama lain. Diskriminasi ras juga tidak timbul, malah apa yang wujud ialah perasaan saling percaya mempercayai antara satu sama lain.

Untuk mencapai integrasi ras yang merangkumi daerah yang lebih luas dan kompleks seperti di seluruh Malaysia kita boleh asaskan usaha itu dari apa yang telah berlaku di Sungai Suluh. Kerajaan Malaysia harus menguatkuasakan undang-undang untuk menyediakan tempat-tempat tinggal atau kompleks perumahan membenarkan interaksi yang kerap antara penghuni kompleks itu. Maksudnya ras-ras yang ada harus ditempatkan

berjiran antara satu sama lain. Kesannya mereka akan saling mengenali dan bermesra hingga prasangka ras akan mungkin terkikis.

Campur tangan kerajaan juga perlu dalam bidang lain seperti perusahaan, perniagaan dan perdagangan. Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang di mana tiap-tiap enterprise pasti diambil bahagian oleh semua ras. Eksplotasi ras dalam bidang-bidang itu juga perlu dikawal oleh undang-undang.

Sistem sosialisasi seseorang amat penting bagi mewujudkan integrasi ras. Kalau sejak kecil anggota-anggota dari berbagai ras dapat bertemu, bermesra maka sudah tentu perasaan itu berlanjutan. Ini hanya mungkin kalau keluarga mereka duduk berjiran. Kemudian di peringkat pendidikan formal pula mereka harus disalurkan ke dalam satu sistem pendidikan nasional. Dalam sistem ini murid-murid dari berbagai ras ditempatkan di sebuah sekolah. Sesebuah sekolah itu pasti dapat melambangkan keadaan masyarakat yang berbilang ras. Institusi-institusi pengajian tinggi juga perlu menitikberatkan integrasi penuntut-penuntutnya.

Di Kampung Sungai Suluh integrasi dari segi kebudayaan belum wujud pada dasarnya. Dari segi ini seolah-olah wujud perpisahan yang nyata. Oleh itu perlu dipupuk satu kebudayaan nasional untuk mewujudkan integrasi ras. Dengan kebudayaan yang sama masing-masing ras akan merasakan bahawa mereka diikat dengan satu norma kebudayaan yang seolah-olah 'constraining' kepada masyarakat keseluruhannya.

Kajian ini merupakan satu analisa mikro mengenai masaalah

mikro, iaitu analisa mengenai sebuah kampung kecil yang dapat membayangkan dan menjadi model kepada masyarakat yang lebih besar iaitu masyarakat Malaysia. Dalam kajian dan analisa mengenai Kampung Sungai Suluh ini telah ditemui satu gagasan yang dianggap oleh pengkaji sebagai titik tolak kepada penyelesaian mengenai masaalah integrasi ras. Bahawa interaksi yang kerap dengan keadaan hidup yang saling bergantungan, tinggal berjiran dan bekerjasama antara satu sama lain boleh mewujudkan masyarakat berbilang ras yang bersatu padu (integrated).

Maklumat tambahan

1. Apakah yang merupakan/menggambarkan bahaya atau...
 2. Berakah selaku li. persefahuan i.e. lain-lain
 3. Apakah anda berprasya dan mengamati stereotype terhadap rasa letak kelas stereotype i.e. orang Melayu/Malays
- T A M A T**
4. Apakah anda tak boleh perdaya
 5. Berakah anda mendengar/dilihat percutian diskriminasi kawat?
 6. Tidak : Bimbingan*
 7. Ya/tidak :*
 8. Maklumat tambahan
 1. Adakah mempengaruhi persekitaran andaya/tidak
 2. Mengapa hal berlaku di sini?
 3.*
 4.*

Buku-buku Rujukan

1. J. P. Dean and A. Rosen, *A Manual of Intergroup Relations*, The University of Chicago Press, Chicago, London, ed., 1967.
2. Michael Banton, *Race Relation*, Tavistock Publications, London, ed., 1970.
3. A. Ivin Rabuska, *The Manipulation of Ethnic Politic in Malaya*, Polity, Chicago, 1970.
4. Robert Ezra Park, *Race and Culture*, Collier Mac Millan Ltd., London, 1950.
5. I. Gould and W. L. Kolb, *Dictionary of the Social Science*, Tavistock Publications, Great Britain, 1964.
6. Gurnal Myrdal, *An American Dilemma: The Negro Problem and Modern Democracy*, New York, Harper and Row, 1944.
7. R. O. Tilman, *The Socialization of the Chinese into Malaysian Politics: Some Preliminary Observations: From Studies in Asia*, Vol. 7, 1966.
8. Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, Donald Moore for Asia Pacific Press, Singapore, 1970.
9. Sanusi Osman, *Hubungan Ethnic di Mukim Labu*, Thesis M. A. Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya, Kuala Lumpur, 1972.
10. Syed Husin Ali, *Social Stratification In Kampung Bagan*, Malaysia Previews Ltd., Singapore, 1964.
11. Maurice Freedman, *The Growth of Plural Society in Malaya*, Journal of Pacific Affairs, Vol. 33, 1960.
12. C. E. R. Abraham, *The Political Economy and Race Relation in Malaya : A Historical Perspective*, Thesis Master of Science, University of Wisconsin, 1970.
13. K. J. Ratnam, *Communalism and the Political Process in Malaya*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1965.

14. R. K. Vasil, Politic In a Plural Society, Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1971.
15. Cynthia H. Enclose, Multi - Ethnic Politics : The Case of Malaysia, Research Monograph Series, University of California, 1970.
16. A Shley Montagu, The Concept of Race, ed., Collier Mac Millan, London, 1964.
17. Alport W. Gordon, The Nature of Prejudice, Doubleday Anchor Books, New York, 1958.
18. George Eaton Simpson and J. Milton Yinger, Racial and Cultural Minorities, (ed.,), New York, Harper and Row, 1965.
19. David Dressler and Alfred A. Knopf, 'The Study of Human Interaction', New York, Alfred A Knopf (Inc., 1971.
20. Rancangan Malaysia Kedua, 1971 - 1975, Government Press, Government Printer, Kuala Lumpur, 1971.
21. Mohamad bin Abdullah, Malaysia Federal Constitution, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1970.

oooooooooooooo00000oooooooooooo